



KOPERASI PELABUHAN JOHOR BERHAD

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-38

21 JUN 2025

SABTU

9.00 PAGI

**DEWAN SERBAGUNA
TAMAN PASIR PUTIH
PASIR GUDANG, JOHOR**

ISI KANDUNGAN

Bil.	Perkara	m/s
1	NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-38	2
2	MAKLUMAT KOPERASI BAGI TAHUN 2024	3-5
3	ATURCARA MAJLIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-38	6
4	AGENDA MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-38	7-8
5	MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-37	9-17
6	SENARAI NAMA CALON-CALON ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI SESI 2025-2028	18
7	LAPORAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI BAGI TAHUN 2024	19-29
8	LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN BAGI TAHUN 2024	30-33
9	LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN UNTUK TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024	34-65
10	BELANJAWAN BAGI TAHUN 2026	66-67
11	CADANGAN ELAUN BULANAN ALK/JAD BAGI TAHUN 2026	68
12	USUL ANGGOTA	69
13	PINDAAN ATURAN ATURAN PEMBIAYAAN ANGGOTA ATURAN TABUNG KEBAJIKAN AM ATURAN PENCALONAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI ATURAN STESEN MINYAK ATURAN KEDAI COOPMART ATURAN SIMPANAN KHAS ATURAN ANGGOTA KOPERASI	70-78 79-85 86-90 91-96 97-103 104-106 107-111

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-38

2025/KPJB/AGM38

2 Jun 2025

SEMUA ANGGOTA KOPERASI PELABUHAN JOHOR BERHAD

Tuan/Puan,

**PER : NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KOPERASI KALI KE-38
KOPERASI PELABUHAN JOHOR BERHAD**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Koperasi Pelabuhan Johor Berhad akan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan ke-38 sebagaimana ketetapan berikut:-

TARIKH : 21 JUN 2025 (SABTU)
MASA : 8.30 PAGI
TEMPAT : DEWAN TAMAN PASIR PUTIH, PASIR GUDANG, JOHOR

3. Anggota koperasi yang telah menjelaskan modal syer sebanyak RM250.00 dan telah menjadi anggota koperasi **SEBELUM BULAN JANUARI 2025** dijemput hadir ke Mesyuarat Agung Tahunan ke-38 bagi melaksanakan tanggungjawab bersama. Anggota yang layak hadir ke Mesyuarat Agung Tahunan ke-38 akan diberikan Elaun Kehadiran Mesyuarat sebanyak RM60.00, Baucer Sabun Coopmart bernilai RM20.00 dan Baucer Minyak Petrol sebanyak RM20.00.

4. Kepada anggota koperasi yang mempunyai Usul Mesyuarat Agung Tahunan ke-38 hendaklah dihantar ke Pejabat Koperasi **SEBELUM 13 JUN 2025**. Usul bertulis atau bertaip yang dihantar ke koperasi hendaklah mempunyai pencadang dan penyokong daripada anggota koperasi. Usul yang diterima selepas tarikh tutup atau semasa Mesyuarat Agung Tahunan adalah ditolak.

SILA BAWA KAD PENGENALAN SEMASA HADIR KE MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-38.

5. Sebarang maklum balas berkenaan perkara ini, sila hubungi **En. Halme ditalian 07-2510819 atau 017-7600785 (CHAT WHATSAPP SAHAJA)**

Sekian, untuk makluman dan perhatian tuan/puan

Sekian, terima kasih.

Yang benar,
KOPERASI PELABUHAN JOHOR BERHAD

MOHD HASSAN BIN MUM PAHAT
Setiausaha



MAKLUMAT KOPERASI BAGI TAHUN 2024**PENGERUSI**

HJ. ABDUL RAZAK BIN YAACOB

TIMBALAN PENERUSI

SHAMSORNAHAR BIN MD NOOR

SETIAUSAHA

MOHD HASSAN BIN MUM PAHAT

BENDAHARI

HJ. AZMAL BIN ZAKARIA

ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI

HJ. MOHD SHAH BIN IBRAHIM

OTHMAN BIN CHEROS

RAZAK BIN MOHD SHARIF

HUSSEIN BIN EMBI

SHEAFIK AFFENDI BIN ISMAIL

JAINI BIN JAFFAR

HJ. YA'AKOB BIN MOHD ALI

MOHD FAIZAL BIN ISMAIL (mulai 29 Jun 2024)

HJ. ABDUL RAHMAN BIN OMAR (sehingga 29 Jun 2024)

BIRO PENGURUSAN, EKONOMI & PEMBIAYAAN HJ. ABDUL RAZAK BIN YAACOB SHAMSORNAHAR BIN MD NOOR MOHD HASSAN BIN MUM PAHAT HJ. AZMAL BIN ZAKARIA	BIRO CALTEX HJ. AZMAL BIN ZAKARIA OTHMAN BIN CHEROS HJ. MOHD SHAH BIN IBRAHIM
BIRO HARTANAH HJ. MOHD SHAH BIN IBRAHIM EN. OTHMAN BIN CHEROS	BIRO KEBAJIKAN & WASIAT RAZAK BIN MOHD SHARIF HUSSEIN BIN EMBI MOHD FAIZAL BIN ISMAIL
BIRO COOPMART JAINI BIN JAFFAR HUSSEIN BIN EMBI HJ. YA'AKOB BIN MOHD ALI MOHD FAIZAL BIN ISMAIL	BIRO IT & PEMASARAN SHEAFIK AFFENDI BIN ISMAIL OTHMAN BIN CHEROS HUSSEIN BIN EMBI MOHD FAIZAL BIN ISMAIL
JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN AMAN BIN YUSOF HJ. ABDUL RAHMAN BIN OMAR (mulai 1 Julai 2024)	

PENGURUSAN INDUK

Alamat Pejabat	:	No. 14, Jalan 10/17, Perkedaian Perjiranan 8 81700 Pasir Gudang, Johor Tel : 07-2510819
Pengurus Koperasi	:	Mohd Halme bin Md Samoin
Eksekutif Kewangan	:	Wan Siti Norfaiezatun binti Ahmad
Pembantu Eksekutif	:	Nor Hajar binti Othman
Kerani Pembiayaan	:	Wan Nurafiqah binti Wan Ishak
Pembantu Am	:	Mohd Rizal bin Ibrahim

PENGURUSAN STESEN MINYAK CALTEX

Alamat Pejabat	:	PTD 9035, Kawasan Perindustrian Johor 81700 Pasir Gudang, Johor Tel : 07-2515377 Faks : 07-2551223
Pengurus Stesen	:	Salmah binti Saleh
Senior Kerani	:	Nor Hafzan binti Kuduri
Juruwang	:	Firdausnisa binti Sumaon Noorfarazila binti Mohamad Fuaad Sabila binti Syarifudin Siti Hajar binti Zubair
Pembantu Am	:	Abdul Majid bin Ahmad

PENGURUSAN KEDAI COOPMART

Alamat Pejabat	:	Kedai Coopmart No. 13A, Jalan Kelisa 1, Taman Scientex 81700 Pasir Gudang, Johor Tel : 07-2550418
Pengurus Coopmart	:	Mohd Azry bin Mohd Nuri
Pembantu Jualan	:	Nur Khalieza binti Mohamad Khalid Muhammad Aiman bin Jamian
Pemandu Lori	:	Khairul Anwar bin Khairdun Noor

BANK

- **Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad**
31, Jalan Suria 3, Bandar Baru Seri Alam, 81750 Masai, Johor
- **Maybank Berhad**
14 Pusat Perdagangan, Jalan Bandar, 81700 Pasir Gudang, Johor
- **CIMB Bank Berhad**
12, Pusat Perdagangan, Jalan Bandar, 81700 Pasir Gudang, Johor

JURUAUDIT LUAR

Isyam Nurhadin & Associates
Chartered Accounts
No. 17B, Jalan Suria 18
Taman Putera
81100 Johor Bahru
Johor

**ATURCARA MAJLIS
MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-38**

- 8.30 Pagi - Pendaftaran kehadiran anggota koperasi
- 9.45 Pagi - Ketibaan Dif-Dif Kehormat
- Ketibaan Yang Berbahagia En. Derick bin Basir
CEO Johor Port Berhad
 - Bacaan doa oleh En. Razak bin Mohd Sharif
Anggota Lembaga Koperasi Pelabuhan Johor Berhad
 - Nyanyian Lagu Bangsa Johor
 - Nyanyian Lagu Negaraku
 - Ucapan Aluan Yang Berbahagia Tn. Hj. Abdul Razak bin Yaacob
Pengerusi Koperasi Pelabuhan Johor Berhad
 - Ucapan Perasmian Yang Berbahagia En. Derick bin Basir
CEO Johor Port Berhad
 - Penyampaian Cenderahati
 - Jamuan Dif-Dif Kehormat
- 11.30 Pagi - Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi kali ke-38 bersidang
- Cabutan bertuah
- 2.00 petang - Bersurai

AGENDA MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-38

- Agenda 1 : Melantik Pengerusi Mesyuarat Agung Tahunan Ke-38 dan Pencatat Minit Mesyuarat
- Agenda 2 : Melantik Jawatankuasa yang terdiri daripada enam anggota dan empat Anggota Lembaga Koperasi untuk menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-38
- Agenda 3 : Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-37 pada 29 Jun 2024
- Agenda 4 : Melantik dan memilih 4 Anggota Lembaga Koperasi daripada 6 calon Anggota Lembaga Koperasi yang ditentusahkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia dibawah subseksyen 43(2) Akta Koperasi 1993
 a) Mohd Hassan bin Mum Pahat
 b) Jaini bin Jaffar
 c) Hj. Mohd Shah bin Ibrahim
 d) Othman bin Cheros
 e) Syed Mahmood bin Syed Mokhtar
 f) Mohd Nazri bin Mardiman
- Agenda 5 : Membentangkan Laporan Lembaga Koperasi dan Jawatankuasa Audit Dalam bagi tahun 2024
- Agenda 6 : Menimbang dan meluluskan akaun teraudit Koperasi dan subsidiarinya, jika ada, termasuk Laporan Lembaga di bawah perenggan 59(1)(c) Akta dan Laporan Juruaudit, dan pengagihan untung bersih teraudit berakhir 31 Disember 2024
- Agenda 7 : Menimbang dan meluluskan Belanjawan Tahunan Koperasi bagi Tahun Kewangan 2026
- Agenda 8 : Meluluskan elaun yang akan diberikan kepada Anggota Lembaga Koperasi bagi tahun 2026
- Agenda 9 : Menimbang dan meluluskan ruang lingkup dan had pelaburan wang lebihan Koperasi mengikut Seksyen 54 Akta
 a) Pelaburan had maksimum RM1 juta
 b) Simpanan tetap had maksimum RM1 juta
 c) Pembelian hartanah had maksimum RM50 juta
- Agenda 10 : Menentukan had maksimum keterhutangan Koperasi tidak melebihi RM100 juta bagi tahun 2026
- Agenda 11 : Melantik Juruaudit Luar iaitu Isyam Nurhadirin & Associates bagi Akaun Koperasi berakhir 31 Disember 2025

AGENDA MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-38

Agenda 12 : Mendengar, menimbang atau memutuskan apa-apa cadangan atau hal urusan lain Koperasi yang baginya suatu notis tidak kurang daripada tujuh hari sebelum mesyuarat agung dipanggil telah diberikan kepada Koperasi

MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-37

TARIKH : 29 JUN 2024
HARI : SABTU
MASA : 9.00 PAGI
TEMPAT : DEWAN SERBAGUNA TAMAN SCIENTEX, PASIR GUDANG

Kehadiran Anggota Koperasi: 460 anggota hadir daripada 1,096 anggota

Turut Hadir

Hj. Sazali bin Abd Hamid
 Pengerusi ANGKASA Negeri Johor

Effa Tantiyana binti Othman
 Pembantu Hal Ehwal Ekonomi
 Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Cawangan Negeri Johor

AGENDA MESYUARAT**AGENDA 1 MELANTIK Pengerusi Mesyuarat dan Pencatat Minit bagi Mesyuarat Agung Tahunan Kali KE-37**

1.1 Mesyuarat telah mencalonkan Pengerusi Mesyuarat dan Pencatat Minit Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-37 iaitu:

- 1) Pengerusi Mesyuarat Agung Tahunan
Calon: Hj. Abdul Razak bin Yaacob (239)
- 2) Pencatat Minit Mesyuarat Agung Tahunan
Calon: Mohd Hassan bin Mum Pahat (771)

1.2 Mesyuarat agung tahunan bersetuju sebulat suara melantik Hj. Abdul Razak bin Yaacob sebagai Pengerusi Mesyuarat dan Mohd Hassan bin Mum Pahat sebagai Pencatat Minit bagi Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-37.

Pencadang : Othman bin Cheros (1086)
 Penyokong : Jaini bin Jaffar (998)

AGENDA 2 MELANTIK JAWATANKUASA YANG TERDIRI DARIPADA ENAM ORANG ANGGOTA DAN EMPAT ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI UNTUK MENENTUSAHKAN DRAF MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-36

2.1 Mesyuarat agung tahunan bersetuju sebulat suara melantik enam anggota Jawatankuasa Menentusah Minit Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-37 yang telah dicadangkan oleh Hj. Abdul Rahman bin Omar (532) iaitu:

- 1) Zainalabidin bin Ibrahim (1637)
- 2) Farazilla binti Mat Kassim (2428)

- 3) Hanni Suhana binti Ismail (2305)
- 4) Noraidah binti Md Rani (2449)
- 5) Noor Edzzura binti Abdul Rahman (1822)
- 6) Mohd Ajmain bin Patoni (1388)

- 2.2 Mesyuarat agung tahunan bersetuju sebulat suara melantik empat Anggota Lembaga Koperasi (ALK) sebagai anggota Jawatankuasa Menentusah Minit Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-37 iaitu:

- 1) Hj. Mohd Shah bin Ibrahim (75)
- 2) Othman bin Cheros (1086)
- 3) Hussein bin Embi (966)
- 4) Jaini bin Jaffar (998)

Pencadang : Mohd Hassan bin Mum Pahat (771)
 Penyokong : Saleh bin Sarkiman (1836)

AGENDA 3 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-36 PADA 26 OGOS 2023

- 3.1 Pengerusi memohon semua anggota yang hadir menyemak Minit Mesyuarat Agung Tahunan di muka surat 8 hingga 15 dalam Buku Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-37.
- 3.2 Pengerusi memohon seorang pencadang dan seorang penyokong dikalangan anggota yang hadir untuk menerima dan mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-36.
- 3.3 Mesyuarat agung tahunan bersetuju sebulat suara menerima dan mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-36.

Pencadang : Raja Shahida binti Raja Omar (1800)
 Penyokong : Azlan bin Laham (1308)

AGENDA 4 MELANTIK DAN MEMILIH EMPAT ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI

- 4.1 Pengerusi memaklumkan kepada mesyuarat agung tahunan bahawa pada tahun ini empat Anggota Lembaga Koperasi yang gugur mengikut giliran sebagaimana UUK Koperasi.
- 4.2 Pengerusi memaklumkan bahawa empat Anggota Lembaga Koperasi yang dicadang untuk di lantik dalam Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-37 telah mendapat pengesahan bertanding daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Pengesahan calon ALK ini telah berjaya mematuhi kriteria Garis Panduan 3 daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia.
- 4.3 Pengerusi memaklumkan nama-nama calon Anggota Lembaga Koperasi untuk tempoh tiga tahun iaitu:

1) Shamsornahar bin Md Noor (1771) Timbalan Pengerusi

2) Hj. Azmal bin Zakaria (1092)	Bendahari
3) Hj. Abdul Rahman bin Omar (252)	Anggota Lembaga Koperasi
4) Mohd Razak bin Sharif (532)	Anggota Lembaga Koperasi
5) Syed Mahmood bin Syed Mokhtar (1547)	Anggota Koperasi
6) Mohd Faizal bin Ismail (2297)	Anggota Koperasi

- 4.4 Pengerusi memaklumkan anggota koperasi bernama Syed Mahmood bin Syed Mokhtar tidak hadir ke Mesyuarat Agung Tahunan pada hari ini. Oleh itu, Pengerusi meminta perkara ini diputuskan dalam mesyuarat agung ini samada beliau layak atau tidak untuk pemilihan sebagai calon Anggota Lembaga Koperasi bagi sesi 2024 hingga 2027.
- 4.5 Anis binti Hassan (1994) mencadangkan nama calon ALK iaitu Syed Mahmood bin Syed Mokhtar ditolak dalam pemilihan dan mesyuarat bersetuju sebulat suara.
- 4.6 Pengerusi meminta semua anggota yang hadir mengundi empat daripada lima calon ALK yang bertanding secara digital. Sebanyak lapan saluran pengundian disediakan dan masa pengundian adalah selama 30 minit bermula jam 12.10 tengahari hingga 12.40 tengahari. Mesyuarat bersetuju tanpa bantahan.
- 4.7 Pengerusi memaklumkan bahawa jumlah keputusan undian akan di umum pada akhir mesyuarat setelah mendapat pengesahan badan bebas daripada wakil audit Ismail Midon & Co. yang dilantik iaitu Nur Shahurin bin Ahmad dan Nur Afiqah binti Yaakob.

AGENDA 5 MEMBENTANGKAN LAPORAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI 2024 DAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN 2023

- 5.1 Setiausaha membentangkan Laporan Anggota Lembaga Koperasi dan Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman bagi tahun 2023 di muka surat 17 hingga 20 dalam Buku Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-37.
- 5.2 Setiausaha memaklumkan sekiranya tiada perkara berbangkit dalam laporan yang dibentangkan dalam agenda ini, beliau memohon seorang pencadang dan seorang penyokong dikalangan anggota yang hadir untuk menerima dan mengesahkan Laporan Anggota Koperasi dan Jawatankuasa Audit Dalaman bagi tahun 2023.
- 5.3 Faizatul Ashiqin binti Abdul Aziz (2736) meminta kadar sumbangan kecemerlangan akademik bagi anak-anak anggota dapat diturunkan daripada 8A kepada 5A. Selain itu, beberapa peperiksaan seperti UPSR, PMR telah dimansuh serta diganti dengan peperiksaan lain dan mohon di semak semula.
- 5.4 Pengerusi memaklumkan perkara ini akan disemak di peringkat Lembaga Koperasi termasuk kadar yang bersesuaian. Selepas semakan dibuat, koperasi akan membuat edaran pekeliling atau membuat pindaan Aturan Tabung Kebajikan Am untuk kelulusan mesyuarat agung akan datang berkenaan semakan kadar baharu sumbangan kecemerlangan akademik anak-anak anggota.

- 5.5 Mesyuarat agung tahunan bersetuju sebulat suara menerima dan mengesahkan Laporan Anggota Lembaga Koperasi dan Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman bagi tahun 2023

Pencadang : Mohamad Fadzimie bin Kammanis (2154)
 Penyokong : Mohd Rizal bin Mohd Amin (2911)

AGENDA 6 MENIMBANG DAN MELULUSKAN AKAUN TERAUDIT KOPERASI DAN SUBSIDIARINYA, JIKA ADA, TERMASUK LAPORAN LEMBAGA DI BAWAH PERENGGAN 59(1)(c) AKTA DAN LAPORAN JURUAUDIT DAN PENGAGIHAN UNTUNG BERSIH TERAUDIT BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2023

- 6.1 Bendahari membentangkan Laporan Penyata Kewangan Teraudit berakhir 31 Disember 2023 yang telah diaudit oleh Juruaudit Luar AKN Ariff di muka surat 21 hingga 53 dalam Buku Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-37.
- 6.2 Bendahari melaporkan bahawa pada tahun 2023, pendapatan kasar koperasi sebelum ditolak perbelanjaan adalah berjumlah RM12,564,886.00. Perbelanjaan koperasi bagi tahun 2023 berjumlah RM12,195,885.00
- 6.3 Bendahari melaporkan bahawa keuntungan bersih koperasi selepas ditolak perbelanjaan tahun 2023 adalah berjumlah RM369,001.00. Keuntungan bersih yang dicatatkan ini adalah sebelum penolakan Pembahagian Berkanun iaitu Kumpulan Wang Rizab Statutori (KWRS) sebanyak 13% (RM47,970.00), Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi sebanyak 2% (RM7,380.00) dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi sebanyak 1% (RM3,690.00) yang berjumlah sebanyak RM31,178.00.
- 6.4 Bendahari melaporkan pengagihan keuntungan bersih koperasi teraudit tahun 2023 selepas penolakan pembahagian berkanun iaitu, mencadangkan dividen kepada anggota sebanyak 2.5% berjumlah RM137,717.00, honorarium anggota lembaga sebanyak berjumlah RM30,996.00, peruntukan zakat perniagaan berjumlah RM31,178.00, Kumpulan Wang Penyelenggaraan Stesen berjumlah RM52,693.00, Kumpulan Wang Ganjaran Pekerja berjumlah RM15,498.00 dan Kumpulan Wang Penebusan Syer berjumlah RM3,100.00.
- 6.5 Bendahari memaklumkan sekiranya tiada perkara berbangkit dalam laporan yang telah dibentangkan dalam agenda ini, beliau memohon seorang pencadang dan seorang penyokong dikalangan anggota yang hadir untuk menerima dan meluluskan Akaun Teraudit Koperasi, Laporan Juruaudit Luar dan pengagihan untung bersih teraudit berakhir pada 31 Disember 2023.
- 6.6 Mesyuarat agung tahunan bersetuju sebulat suara menerima dan meluluskan Akaun Teraudit Koperasi, Laporan Juruaudit Luar dan pengagihan untung bersih teraudit berakhir pada 31 Disember 2023.

Pencadang : Noor Edzzura binti Abdul Rahman (1822)
 Penyokong : Farazilla binti Mat Kassim (2428)

AGENDA 7 MENIMBANG DAN MELULUSKAN BELANJAWAN TAHUNAN KOPERASI BAGI TAHUN KEWANGAN 2025

- 7.1 Bendahari membentangkan cadangan belanjawan tahunan koperasi bagi tahun kewangan 2025 di muka surat 54 hingga 55 dalam Buku Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-37.
- 7.2 Bendahari memaklumkan cadangan perbelanjaan tahunan koperasi bagi tahun kewangan 2025 adalah berjumlah RM13,563,880.00. Sekiranya tiada perkara berbangkit dalam agenda ini, beliau memohon seorang pencadang dan seorang penyokong dikalangan anggota yang hadir untuk menerima dan meluluskan belanjawan tahunan koperasi bagi tahun kewangan 2025.
- 7.3 Mesyuarat agung tahunan bersetuju sebulat suara menerima dan meluluskan perbelanjaan tahunan koperasi bagi tahun kewangan 2025 yang berjumlah RM13,563,880.00.

Pencadang : Hanni Suhana binti Ismail (2305)
 Penyokong : Noraidah binti Md Rani (2449)

AGENDA 8 MELULUSKAN ELAUN YANG AKAN DIBERIKAN KEPADA ANGGOTA LEMBAGA DAN SARAAN YANG AKAN DIBAYAR KEPADA MANA-MANA ANGGOTA LEMBAGA YANG DILANTIK SEBAGAI PENGARAH SUBSIDIARI KOPERASI, BAGI TAHUN KEWANGAN 2025

- 8.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa elaun bulanan untuk dua belas Anggota Lembaga Koperasi dan dua Jawatankuasa Audit Dalaman bagi tahun 2025 sebagaimana mukasurat 56 dalam Buku Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-37. Anggota yang hadir mohon merujuk muka surat tersebut. Butiran elaun Anggota Lembaga Koperasi mengikut jawatan bagi tahun 2025 iaitu:

1) Pengerusi	-	RM650.00 sebulan
2) Timbalan Pengerusi	-	RM500.00 sebulan
3) Setiausaha	-	RM550.00 sebulan
4) Bendahari	-	RM550.00 sebulan
5) Anggota Lembaga Koperasi	-	RM400.00 sebulan
6) Jawatankuasa Audit Dalaman	-	RM350.00 sebulan
7) Ketua Biro Caltex	-	RM200.00 sebulan
8) AJK Caltex	-	RM 90.00 sebulan
9) Ketua Biro Coopmart	-	RM350.00 sebulan
- 8.2 Mesyuarat dimaklumkan lain-lain elaun seperti elaun bulanan telefon RM50.00 seorang untuk Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari adalah untuk urusan penggunaan data internet bagi meluluskan bayaran yang keluar daripada akaun bank koperasi (ibizakyat).
- 8.3 Mesyuarat dimaklumkan sekiranya tiada perkara berbangkit dalam agenda ini, mohon seorang pencadang dan seorang penyokong dikalangan anggota yang

hadir untuk menerima dan meluluskan elaun bulanan dalam agenda 8 ini bagi tahun kewangan 2025.

- 8.4 Mesyuarat agung tahunan bersetuju sebulat suara menerima dan meluluskan elaun bulanan anggota lembaga koperasi dan jawatankuasa audit dalaman bagi tahun kewangan 2025 sebagaimana yang dibentangkan dalam cadangan elaun bulanan di muka surat 56 dalam Buku Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-37.

Pencadang : Mohd Ajmain bin Patoni (1388)

Penyokong : Noraidah binti Md Rani (2449)

AGENDA 9 MENIMBANG DAN MELULUSKAN RUANG LINGKUP DAN HAD PELABURAN WANG LEBIHAN KOPERASI MENGIKUT SEKSYEN 54 AKTA

a) **PELABURAN** : **HAD MAKSIMUM RM 1 JUTA**

b) **SIMPANAN TETAP** : **HAD MAKSIMUM RM 1 JUTA**

c) **PEMBELIAN HARTANAH** : **HAD MAKSIMUM RM50 JUTA**

- 9.1 Pengerusi memaklumkan cadangan untuk meluluskan ruang lingkup dan had pelaburan yang dibiayai oleh wang lebihan Koperasi sekiranya ada projek-projek koperasi untuk dilaksanakan mengikut had yang diluluskan dalam mesyuarat agung tahunan.

- 9.2 Pengerusi memaklumkan sekiranya tiada perkara berbangkit, mohon seorang pencadang dan seorang penyokong dikalangan anggota yang hadir untuk menerima dan meluluskan agenda ini.

- 9.3 Mesyuarat agung tahunan bersetuju sebulat suara meluluskan ruang lingkup dan had pelaburan yang dibiayai oleh wang lebihan koperasi iaitu Pelaburan (had maksimum RM1 juta), Simpanan Tetap (had maksimum RM1 juta) dan Pembelian Hartanah (had maksimum RM50 juta).

Pencadang : Hussein bin Embi (966)

Penyokong : Faizatul Ashiqin binti Abdul Aziz (2736)

AGENDA 10 MENENTUKAN HAD MAKSIMUM KETERHUTANGAN KOPERASI TIDAK MELEBIHI RM100 JUTA

- 10.1 Pengerusi memaklumkan pada mukasurat 58, bahawa koperasi perlu menetapkan had keterhutangan koperasi tidak melebihi RM100 juta untuk tujuan pembiayaan koperasi daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia atau institusi kewangan. Sekiranya tiada perkara berbangkit di dalam agenda yang dibentangkan ini, beliau meminta pencadang dan penyokong.

- 10.2 Mesyuarat agung tahunan bersetuju sebulat suara meluluskan had maksimum keterhutangan koperasi tidak melebihi RM100 juta.

Pencadang : Nur Syahreen binti Mohamed (2499)

Penyokong : Norefarizan Akmal Binti Mat Nawi

AGENDA 11 MEMILIH DAN MELANTIK JURUAUDIT LUAR MENGAUDIT AKAUN KOPERASI BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

- 11.1 Pengerusi memaklumkan bahawa koperasi berhasrat untuk melantik Tetuan AKN Arif sebagai juruaudit luar bagi tahun kewangan yang berakhir 31 Disember 2024. Sekiranya tiada bantahan, mohon pencadang dan penyokong dikalangan anggota hadir untuk meluluskan pelantikan juruaudit luar.
- 11.2 Mesyuarat agung tahunan bersetuju sebulat suara melantik Tetuan AKN Arif sebagai juruaudit luar koperasi bagi tahun kewangan koperasi berakhir pada 31 Disember 2024.

Pencadang : Noor Edzzura binti Abdul Rahman (1822)
 Penyokong : Norhalim bin Husin (1357)

AGENDA 12 MENDENGAR, MENIMBANG ATAU MEMUTUSKAN APA-APA CADANGAN ATAU HAL URUSAN LAIN KOPERASI YANG BAGINYA SUATU NOTIS TIDAK KURANG DARIPADA TUJUH HARI SEBELUM MESYUARAT AGUNG DIPANGGIL TELAH DIBERIKAN KEPADA KOPERASI

- 12.1 Setiausaha memaklumkan bahawa koperasi tiada menerima usul daripada anggota koperasi untuk dibentangkan dalam mesyuarat agung tahunan.
- 12.2 Setiausaha memaklumkan pada mukasurat 60 hingga 68, cadangan pindaan tiga Aturan koperasi seperti berikut:

- 1) Aturan Aktiviti Kebajikan
- 2) Aturan Anggota Koperasi
- 3) Aturan Anggota Koperasi

- 12.3 Mesyuarat bersetuju sebulat suara menerima dan meluluskan pindaan aturan.

Pencadang : Zainalabidin bin Ibrahim (1637)
 Penyokong : Aman bin Yusof (37)

- 12.4 Pengerusi memaklumkan keputusan pengundian pemilihan Anggota Lembaga Koperasi bagi sesi 2024 hingga 2027 adalah seperti berikut:

BIL	NAMA CALON ALK	JUMLAH UNDI
1	SHAMSORNAHAR BIN MD NOOR Senior Manager JP Skills Centre, Johor Port Berhad	116
2	RAZAK BIN MOHD SHARIF Pesara Johor Port Berhad	108

BIL	NAMA CALON ALK	JUMLAH UNDI
3	HJ. AZMAL BIN ZAKARIA Pesara Johor Port Berhad	93
4	MOHD FAIZAL BIN ISMAIL Executive HSE PSSD Department, Johor Port Berhad	89
5	HJ. ABDUL RAHMAN BIN OMAR Pesara Johor Port Berhad	77


12.5 Mesyuarat bersetuju sebulat suara menerima keputusan undian tanpa bantahan daripada mana-mana anggota yang hadir ke mesyuarat agung tahunan.

12.6 Pengerusi mengucapkan tahniah kepada Anggota Lembaga Koperasi yang baharu iaitu Mohd Faizal bin Ismail dan tidak lupa juga kepada Hj. Abdul Rahman bin Omar diucapkan terima kasih yang banyak memberi masa dan tenaga sepanjang penglibatan beliau untuk membangunkan koperasi selama ini.


Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua anggota Koperasi, Anggota Lembaga Koperasi, Staf Koperasi yang telah hadir dan menjayakan mesyuarat agung tahunan hari ini.

Mesyuarat agung tahunan kali ke-37 ditangguhkan pada jam 1.15 petang.







Disediakan oleh,


MOHD HASSAN BIN MUM PAHAT
Setiausaha
Koperasi Pelabuhan Johor Berhad

Disahkan oleh,


HJ. ABDUL RAZAK BIN YAACOB
Pengerusi
Koperasi Pelabuhan Johor Berhad

**JAWATANKUASA YANG TERDIRI DARIPADA ENAM ORANG ANGGOTA DAN
EMPAT ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI UNTUK MENENTUSAHKAN DRAF
MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-37**

BIL	NAMA	JAWATAN	TANDATANGAN
1	Hj. Mohd Shah bin Ibrahim No. Anggota: 75	ALK	
2	Hussein bin Embi No. Anggota: 966	ALK	
3	Jaini bin Jaffar No. Anggota: 998	ALK	
4	Othman bin Cheros No. Anggota: 1086	ALK	
5	Zainalabidin bin Ibrahim No. Anggota: 1637	Anggota	
6	Farazilla binti Mat Kassim No. Anggota: 2428	Anggota	
7	Hanni Suhana binti Ismail No. Anggota: 2305	Anggota	
8	Noraidah binti Md Rani No. Anggota: 2449	Anggota	
9	Noor Edzzura binti Abdul Rahman No. Anggota: 1822	Anggota	
10	Mohd Ajmain bin Patoni No. Anggota: 1388	Anggota	

SENARAI CALON ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI SESI 2025-2028

NO. CALON	NAMA CALON ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI	
1	MOHD HASSAN BIN MUM PAHAT Pesara Johor Port Berhad	
2	JAINI BIN JAFFAR Pesara Johor Port Berhad	
3	HJ. MOHD SHAH BIN IBRAHIM Pesara Johor Port Berhad	
4	OTHMAN BIN CHEROS Pesara Johor Port Berhad	
5	SYED MAHMOOD BIN SYED MOKHTAR Chief Technician ICT Department, Johor Port Berhad	
6	MOHD NAZRI BIN MARDIMAN Head of Unit on Dock JCT Department, Johor Port Berhad	

LAPORAN LEMBAGA KOPERASI BAGI TAHUN 2024

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera diucapkan kepada semua anggota Koperasi Pelabuhan Johor Berhad yang dihormati.

Kami, Anggota Lembaga Koperasi dengan penuh rasa tanggungjawab, sukacitanya membentangkan Laporan Lembaga Koperasi Pelabuhan Johor Berhad bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024 untuk makluman dan pertimbangan semua anggota dalam Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-38 ini.

PENDAHULUAN

Selaras dengan peruntukan Akta Koperasi 1993, Koperasi telah melaksanakan tanggungjawab statutori dengan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-38 yang antara lain membentangkan Penyata Kewangan beraudit bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2024.

Laporan ini juga merangkumi pencapaian, perkembangan aktiviti, serta pelaksanaan dasar dan tadbir urus Koperasi sepanjang tahun 2024 bagi memastikan manfaat dan kebajikan anggota terus dipelihara secara menyeluruh dan berterusan.

1. LAPORAN PENGURUSAN

Sepanjang tahun 2024, pengurusan tertinggi Koperasi yang terdiri daripada Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari dengan kerjasama Pengurus Koperasi dan Pengurus Stesen Caltex telah mengadakan beberapa siri perbincangan secara berkala bagi memastikan perjalanan Koperasi berjalan dengan lancar dan teratur.

Perbincangan ini memberi tumpuan kepada pelbagai aspek strategik dan operasi termasuk:

- Hal ehwal berkaitan pembiayaan anggota, perniagaan stesen minyak Caltex, sewaan rumah kedai serta pengurusan kedai Coopmart.
- Penetapan dan kajian kerangka dasar serta tadbir urus sebelum sebarang cadangan dibawa ke peringkat Mesyuarat Lembaga Koperasi.
- Pindaan terhadap aturan koperasi yang diperlukan bagi memastikan dokumen tadbir urus Koperasi sentiasa relevan dan terkini.
- Cadangan penambahan perniagaan baharu bagi stesen minyak Caltex sebagai langkah pengembangan sumber pendapatan.
- Penilaian terhadap hal-hal berkaitan anggota, termasuk pematuhan kepada Undang-undang Kecil dan Aturan Koperasi.
- Isu berkaitan pengurusan sumber manusia, khususnya pekerja Koperasi.
- Proses penilaian calon Anggota Lembaga Koperasi (ALK) sebelum dikemukakan kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) untuk pengesahan.

- Urusan dan kerjasama dengan pihak luar seperti ANGKASA, KOPSYA, Bank Rakyat serta pihak-pihak berkaitan.
- Penyelarasan akaun kewangan koperasi termasuk penyelesaian isu-isu audit serta pematuhan laporan kewangan yang ditetapkan.

Perbincangan dan penyelarasan secara berterusan ini menunjukkan komitmen pengurusan dalam memastikan tadbir urus koperasi berjalan secara profesional dan selari dengan kehendak undang-undang.

2. KEANGGOTAAN KOPERASI

Bagi tempoh tahun kewangan dari 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2024, sejumlah 29 permohonan baharu menjadi anggota Koperasi telah diterima dan diluluskan oleh Lembaga Koperasi selaras dengan peruntukan Undang-undang Kecil Koperasi Pelabuhan Johor Berhad.

Dalam tempoh yang sama, sebanyak 52 permohonan untuk berhenti menjadi anggota telah diluluskan sama ada atas faktor persaraan, pertukaran tempat kerja ataupun keputusan peribadi pemohon.

Dengan mengambil kira jumlah kemasukan dan penamatan keanggotaan ini jumlah keseluruhan anggota berdaftar Koperasi pada 31 Disember 2024 adalah seramai 1,073 orang.

Koperasi terus komited untuk mengekalkan pertumbuhan bilangan koperasi dan memastikan setiap anggota mendapat faedah sewajarnya daripada penyertaan dalam koperasi ini.

3. LAPORAN YURAN DAN SYER

Sehingga 31 Disember 2024, jumlah terkumpul bagi yuran dan syer anggota Koperasi adalah seperti berikut:

Tarikh	Yuran (RM)	Syer (RM)
Jumlah pada 31 Disember 2024	6,234,651.00	247,756.00

Peningkatan jumlah yuran dan syer ini mencerminkan tahap komitmen anggota terhadap keanggotaan dan penyertaan aktif dalam aktiviti Koperasi. Dana ini menjadi asas penting dalam memperkukuh kedudukan kewangan Koperasi bagi tujuan pelaburan, pembiayaan anggota dan pembangunan aktiviti ekonomi koperasi secara keseluruhan.

Koperasi akan terus memastikan pengurusan dana ini dilaksanakan dengan telus, berhemah dan memberi manfaat kepada semua anggota.

4. LAPORAN SAHAM BANK RAKYAT

Sehingga 31 Disember 2024, Koperasi Pelabuan Johor Berhad memiliki pegangan saham dalam Bank Rakyat sebanyak RM120,869.00.

Bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2024, Bank Rakyat telah mengisytiharkan dividen sebanyak 17%. Sehubungan itu, Koperasi telah menerima jumlah dividen sebanyak RM19,938.00 atas pegangan saham tersebut.

Pendapatan dividen ini merupakan salah satu hasil pelaburan Koperasi yang menyumbang kepada sebahagian pendapatan Koperasi bagi tahun 2024.

5. LAPORAN PEMBIAYAAN ANGGOTA

Bagi tempoh dari 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2024, Koperasi telah meluluskan kemudahan pembiayaan kepada anggota merangkumi tiga jenis pembiayaan utama seperti berikut:

JENIS PEMBIAYAAN	JUMLAH PEMOHON	PEMBIAYAAN DILULUSKAN (RM)
Berjamin / 80% yuran	171	2,060,000
Cemas	435	390,000
Takaful kenderaan	53	51,031

Peningkatan kelulusan pembiayaan ini adalah selari dengan pindaan Aturan Pembiayaan Anggota yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Agung Tahunan pada 4 Disember 2021 yang lalu, di mana had pembiayaan berjamin telah dinaikkan daripada RM10,000 kepada RM20,000. Langkah ini telah memberi ruang kepada lebih ramai anggota untuk mendapatkan kemudahan kewangan yang lebih tinggi berdasarkan keperluan masing-masing.

Bagi memperkukuh lagi struktur pembiayaan dan kawalan dalaman, Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-38 pada 21 Jun 2025 turut mencadangkan beberapa pindaan tambahan ke atas Aturan Pembiayaan Anggota untuk kelulusan antaranya:

- Tambah baik akses pembiayaan jangka pendek, pembiayaan cemas kini tidak lagi memerlukan penjamin bagi memudahkan anggota yang memerlukan bantuan kewangan segera. Penambahbaikan ini membolehkan proses permohonan dan kelulusan dijalankan dengan lebih cepat serta efisien, terutamanya dalam situasi kecemasan yang memerlukan tindakan segera.

- Tempoh maksimum pembiayaan bagi jumlah melebihi RM10,000 telah dilanjutkan daripada enam tahun kepada lapan tahun bertujuan memberi fleksibiliti yang lebih baik kepada anggota dalam menyusun bayaran balik serta mengurangkan tekanan kewangan bulanan. Penambahbaikan ini dijangka dapat meningkatkan kadar kelulusan dan keberkesanan kemudahan pembiayaan secara keseluruhan.
- Koperasi turut memansuhkan keperluan penjamin bagi pembiayaan takaful kenderaan, sebagai langkah untuk mempercepatkan proses kelulusan permohonan dan pada masa yang sama menggalakkan anggota untuk memperbaharui perlindungan takaful kenderaan mereka secara tahunan. Langkah ini dilihat mampu meningkatkan kecekapan pentadbiran serta memastikan anggota sentiasa dilindungi di bawah skim takaful yang sah.

Koperasi yakin bahawa penambahbaikan kepada Aturan Pembiayaan ini akan terus memberi manfaat kepada anggota serta meningkatkan kecekapan pengurusan risiko dan pentadbiran pembiayaan.

6. LAPORAN TABUNG KEBAJIKAN

Bagi tempoh dari 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2024, seramai 47 penerima yang terdiri daripada anggota dan waris anggota telah menerima pelbagai bentuk manfaat kebajikan yang disediakan oleh Koperasi. Bantuan tersebut melibatkan sumbangan dalam bentuk berikut:

- Khairat kematian kepada waris anggota yang telah meninggal dunia.
- Sumbangan menunaikan Haji kepada anggota.
- Anugerah anak cemerlang bagi anak anggota yang menunjukkan pencapaian akademik yang membanggakan.
- Pelupusan baki hutang pembiayaan berjamin bagi anggota yang meninggal dunia.

Jumlah keseluruhan manfaat yang telah disalurkan sepanjang tahun 2024 adalah sebanyak RM33,710.05.

Sumbangan ini merupakan sebahagian daripada komitmen berterusan Koperasi dalam menjaga kebajikan anggota dan ahli keluarga.

Berikut adalah senarai penerima manfaat mengikut kategori:

BIL	NAMA	KATEGORI MANFAAT	JUMLAH (RM)
1	ALLAHYARHAM MOHD SALLEH BIN WAHAB	LUPUS HUTANG BERJAMIN	11,210.05
2	ALLAHYARHAM MOHD LATIFF BIN SHAFAT	KEMATIAN AHLI 1390	1,000.00
3	ALLAHYARHAM MOHD SALLEH BIN WAHAB	KEMATIAN AHLI 2042	1,000.00
4	ALLAHYARHAM MOHD AZRULNIZAM B. ZAKARIA	KEMATIAN AHLI 2809	1,000.00
5	RAJA JAMALRULZAINI BIN IBRAHIM	KEMATIAN ANAK AHLI 1252	500.00
6	NOR ATIKAH BINTI ISMAIL	KEMATIAN ANAK AHLI 2100	500.00
7	NOREHAN BINTI ISHAK	KEMATIAN ANAK AHLI 2159	500.00
8	ZULHAMLI BIN KAMARUZAMAN	KEMATIAN AYAH AHLI 1263	500.00

BIL	NAMA	KATEGORI MANFAAT	JUMLAH (RM)
9	MOHD AJMAIN BIN PATONI	KEMATIAN AYAH AHLI 1388	500.00
10	MOHD ERWAN BIN SAHARUN	KEMATIAN AYAH AHLI 1559	500.00
11	MUSTAFA AROF BIN SAIPOBAZRI	KEMATIAN AYAH AHLI 1964	500.00
12	NOR ATIKAH BINTI ISMAIL	KEMATIAN AYAH AHLI 2100	500.00
13	MOHD NAZRI BIN MARDIMAN	KEMATIAN AYAH AHLI 2438	500.00
14	SUHAIMI BIN SETH	KEMATIAN AYAH AHLI 2471	500.00
15	SYAHRUL IQMAL BIN NORASIKIN	KEMATIAN AYAH AHLI 2551	500.00
16	MOHAMAD ZAINUDDIN BIN SALIKIN	KEMATIAN AYAH AHLI 2771	500.00
17	KAMARUZAMAN BIN SULAIMAN	KEMATIAN AYAH AHLI 2849	500.00
18	AZIZUL HAKIM BIN ARSHAD	KEMATIAN AYAH AHLI 3040	500.00
19	JUNAIDI BIN SAKYAN	KEMATIAN AYAH AHLI 1667	500.00
20	EDDY ROZALEE BIN IBRAHIM	KEMATIAN AYAH AHLI 1753	500.00
21	MOHAMAD FADZIMIE BIN KAMMANIS	KEMATIAN AYAH AHLI 2154	500.00
22	AZMAL BIN ZAKARIA	KEMATIAN IBU AHLI 1092	500.00
23	RAJA JAMALRULZAINI BIN IBRAHIM	KEMATIAN IBU AHLI 1252	500.00
24	SAHRIL BIN M TAIB	KEMATIAN IBU AHLI 1337	500.00
25	HASHIM BIN TUKIJAN	KEMATIAN IBU AHLI 1376	500.00
26	RAJA JAMALRULNIZAM BIN IBRAHIM	KEMATIAN IBU AHLI 1505	500.00
27	MOHD ERWAN BIN SAHARUN	KEMATIAN IBU AHLI 1559	500.00
28	SABILA BINTI SYARIFUDIN	KEMATIAN IBU AHLI 2058	500.00
29	NORAZLINDA BINTI ZULKHIFLI	KEMATIAN IBU AHLI 2198	500.00
30	MASLINDA BINTI YUSOF	KEMATIAN IBU AHLI 2293	500.00
31	MUHAMMAD HAFIZ BIN JAINI	KEMATIAN IBU AHLI 2310	500.00
32	AMIRUDDIN BIN AHYAR	KEMATIAN IBU AHLI 2335	500.00
33	MOHAMAD NOOR SHAMEEL BIN JAMIL	KEMATIAN IBU AHLI 2513	500.00
34	MUHAMMAD HASYIDAN BIN MOHD NOR	KEMATIAN IBU AHLI 2543	500.00
35	MUHAMMAD HEIKAL BIN MOHMAD HANAP	KEMATIAN IBU AHLI 2649	500.00
36	MOHD IZWAN BIN ISMADI	KEMATIAN IBU AHLI 2666	500.00
37	MOHD NOR DINATA BIN JURAIMI	KEMATIAN IBU AHLI 2917	500.00
38	FOUZELI BIN AHMAD	KEMATIAN IBU AHLI 2932	500.00
39	MUHAMMAD FAEZ BIN MOHD SALLEH	KEMATIAN IBU AHLI 2994	500.00
40	MOHAMAD SHARUL AZWAN BIN MOHD RABANI	KEMATIAN IBU AHLI 3072	500.00
41	JAINI BIN JAFFAR	KEMATIAN ISTERI AHLI 998	500.00
42	MOHAMAD HUZANNIE BIN HUSSIN	DERMASISWA ANAK AHLI	200.00
43	HAFIDZ BIN MOHAMED	DERMASISWA ANAK AHLI	200.00
44	MOHD AZWARUDDIN BIN ZAINAL	DERMASISWA ANAK AHLI	150.00
45	SITI MAHANUM BINTI SAPUAN	SUMBANGAN PERGI HAJI 2024	150.00
46	MOHD SAIFULLAH BIN PAIMAN	SUMBANGAN PERGI HAJI 2024	150.00
47	MUHAMMAD SYUKREE BIN IBRAHIM	SUMBANGAN PERGI HAJI 2024	150.00

Koperasi merakamkan ucapan takziah kepada anggota dan keluarga anggota yang telah kembali ke rahmatullah. Semoga roh Allahyarham dan Allahyarhamah ditempatkan dalam kalangan orang-orang yang beriman dan orang-orang yang soleh solehah.

Bagi memperkukuh fungsi kebajikan dan memperluas manfaat kepada anggota serta ahli keluarga, Mesyuarat Agung Tahunan pada 21 Jun 2025 telah mengemukakan cadangan pindaan terhadap Aturan Tabung Kebajikan Am. Penambahbaikan ini adalah sebagai langkah proaktif untuk menyesuaikan kadar

sumbangan dengan keperluan semasa dan memastikan kebajikan anggota terus terpelihara.

Antara cadangan pindaan utama yang akan dibentangkan ialah:

- Kenaikan kadar khairat kematian anggota daripada RM1,000.00 kepada RM1,200.00
- Kenaikan kadar khairat kematian keluarga anggota daripada RM500.00 kepada RM1,200.00
- Penyelarasan sumbangan kecemerlangan akademik mengikut sistem peperiksaan terkini sebagaimana dinyatakan dalam Jadual 1 Aturan Tabung Kebajikan Am.
- Pengenalan sumbangan khas bencana alam berjumlah RM200.00 bagi rumah anggota yang terkesan.

Bagi menjamin kesinambungan dan kekuatan dana tabung, Lembaga Koperasi mencadangkan agar potongan bulanan tabung dinaikkan daripada RM3.00 kepada RM5.00 sebulan mulai Julai 2025.

Selain itu, potongan perlindungan pembiayaan berjamin diselaraskan kepada kadar 2% daripada jumlah pembiayaan berjamin yang diluluskan. Penambahan manfaat perlindungan ini termasuk:

- Manfaat cacat ilat kekal, dan
- Pelupusan hutang pembiayaan berjamin bagi anggota yang mengalami kematian atau hilang upaya kekal, tertakluk kepada syarat dan kelulusan mengikut Aturan.

Cadangan ini diharap dapat memperkukuhkan perlindungan anggota serta memastikan Koperasi kekal sebagai institusi yang prihatin terhadap kebajikan anggotanya.

7. LAPORAN SEWA KEDAI

Sehingga 31 Disember 2024, Koperasi Pelabuhan Johor Berhad memiliki sebanyak tujuh unit rumah kedai seperti berikut:

1. No. 14, Jalan 10/17, Perjiranan 8 – 2 tingkat
2. No. 15, Jalan 10/17, Perjiranan 8 – 2 tingkat
3. No. 10, Jalan Perjiranan 10 – 2 tingkat
4. No. 30, Jalan Mawar 46, Taman Mawar – 3 tingkat
5. No. 13, Jalan Kelisa 1, Taman Scientex – 2 tingkat
6. No. 15, Jalan Kelisa 1, Taman Scientex – 2 tingkat
7. No. 17, Jalan Kelisa 1, Taman Scientex – 2 tingkat

Pada masa ini, Pejabat Koperasi beroperasi di No. 14, Jalan 10/17, manakala Kedai Coopmart beroperasi di No. 13, Jalan Kelisa 1 dan stor Coopmart ditempatkan di No. 15, Jalan 10/17. Semua baki unit rumah kedai yang lain telah disewakan kepada pihak penyewa luar.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024, jumlah pendapatan kasar hasil sewaan rumah kedai yang diterima dan diaudit adalah sebanyak RM203,800.00.

Daripada tujuh unit rumah kedai tersebut, tiga unit di Taman Scientex masih mempunyai baki pinjaman dengan Bank Rakyat dan bayaran ansuran dilunaskan secara berkala mengikut jadual yang ditetapkan.

Sebagai langkah strategik jangka panjang, Koperasi sedang merancang untuk membuat pembelian rumah kedai baharu di lokasi yang lebih strategik serta meningkatkan pelaburan dalam aset tak alih. Langkah ini selaras dengan jangkaan kenaikan nilai hartanah di masa hadapan dan berpotensi untuk meningkatkan hasil sewaan serta memperkukuhkan nilai aset Koperasi.

8. LAPORAN STESEN MINYAK CALTEX

Sejak tahun 1988, Koperasi Pelabuhan Johor Berhad telah mengembangkan perniagaannya dengan mengendalikan perniagaan stesen minyak yang beroperasi di alamat PTD 9035, Kawasan Perindustrian Johor, 81700 Pasir Gudang, Johor. Perniagaan ini bukan sahaja menyediakan kemudahan kepada anggota, malah turut memberi manfaat kepada penduduk setempat di kawasan sekitar.

Sepanjang dua tahun terkini, perniagaan stesen minyak telah menunjukkan pertumbuhan yang positif. Jumlah jualan kasar bagi tahun 2023 adalah sebanyak RM11,235,734.00, manakala pada tahun 2024 jumlah jualan meningkat kepada RM12,160,977.00. Peningkatan ini mencerminkan permintaan yang berterusan serta mutu perkhidmatan yang memuaskan, hasil daripada usaha pengurusan dan sokongan anggota koperasi.

Namun, Koperasi mengambil maklum akan cabaran ekonomi semasa, terutamanya kesan tidak langsung daripada ketidakpastian harga minyak global akibat konflik geopolitik seperti peperangan Iran dan Israel Zionis. Koperasi perlu membuat persiapan rapi bagi menghadapi sebarang kemungkinan kenaikan harga minyak dan kos operasi. Justeru itu, perancangan kewangan dan pengurusan risiko akan terus diberi keutamaan supaya perniagaan ini kekal.

Sebagai kemudahan kepada anggota, stesen minyak Caltex milik Koperasi turut menawarkan pembelian minyak secara kredit, di mana anggota boleh membuat bayaran ansuran melalui potongan gaji bulanan. Kemudahan ini diharap dapat membantu anggota merancang perbelanjaan bahan api kenderaan secara lebih tersusun dan berhemah.

Melihat kepada potensi dan keperluan jangka panjang, Koperasi turut berhasrat untuk membuka satu lagi cawangan stesen minyak pada masa akan datang. Ini bukan

sahaja dapat meningkatkan sumber pendapatan Koperasi malah berupaya memberikan pulangan dalam bentuk dividen tahunan yang lebih baik kepada semua anggota.

9. LAPORAN KURSUS, SEMINAR DAN PERWAKILAN

Selaras dengan kehendak Fasal 83(1) Undang-Undang Kecil Koperasi, yang memperuntukkan bahawa seseorang yang dilantik untuk mewakili Koperasi dalam apa-apa mesyuarat, seminar, forum atau lawatan sambil belajar atas perbelanjaan Koperasi hendaklah mengemukakan laporan kepada Mesyuarat Agung Tahunan yang terawal, maka berikut dikemukakan senarai anggota Lembaga yang telah menghadiri kursus, seminar dan perwakilan rasmi di bawah nama Koperasi bagi tahun 2024.

Bil	Nama Kursus / Seminar	Nama Peserta	Tarikh	Anjuran	Tempat	Hasil / Kemahiran Diperoleh
1	Kursus Penyediaan Kertas Kerja	Hussien bin Embi	27 hingga 28/08/2024	Institut Koperasi Malaysia (IKMA)	Petaling Jaya	Menyediakan kertas kerja untuk koperasi
2	Kursus Wajib 2: Pengurusan Kewangan	Hussien bin Embi Sheafik Affendi bin Ismail	26 hingga 27/08/2024 (Online)	Institut Koperasi Malaysia (IKMA)	Dalam Talian	Mampu membuat analisis kewangan
3	Kursus Buat Sabun	Hussien bin Embi	11 hingga 15/11/2024	SIRIM	Selangor	Membuat sabun
4	Bengkel Pengukuhan Audit Syariah Angkasa Zon Selatan	Mohd Halme Md Samoin Salmah Saleh	11 hingga 12/11/2024	ANGKASA	Trove Hotel, Johor Bahru	Pelaksanaan pematuhan syariah
4	Seminar SKM 50 Koperasi Terbaik	Mohd Hassan bin Mum Pahat, Hj Azmal bin Zakaria	05/12/2024	Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)	Hotel Pulau Spring, Johor	Pendedahan kepada syarat penyertaan 50 koperasi terbaik Malaysia

Mesyuarat Lembaga Koperasi telah menetapkan bahawa mana-mana Anggota Lembaga yang menghadiri kursus, seminar atau perwakilan di bawah nama Koperasi adalah diwajibkan untuk mengemukakan laporan bertulis berkaitan program yang dihadiri selaras dengan kehendak Fasal 83(1) Undang-Undang Kecil Koperasi.

10. LAPORAN KEHADIRAN MESYUARAT LEMBAGA KOPERASI

Sepanjang tempoh 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2024, Lembaga Koperasi telah mengadakan sebanyak lima (5) kali Mesyuarat Lembaga, iaitu pada tarikh berikut:

- 12 Jun 2024
- 25 Jun 2024
- 29 Jun 2024
- 4 Ogos 2024
- 1 Disember 2024

Mesyuarat ini diadakan mengikut peruntukan Fasal 42(2) Undang-Undang Kecil Koperasi yang membolehkan Lembaga bermesyuarat dari semasa ke semasa bagi melaksanakan urusan pentadbiran dan membuat keputusan secara kolektif.

Antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat-mesyuarat tersebut termasuklah pembentangan laporan kewangan suku tahun, laporan pengurusan Koperasi, laporan operasi perniagaan Caltex dan Coopmart, urusan sewaan aset Koperasi, serta hal-hal berkaitan anggota selaras dengan kehendak Undang-Undang Kecil Koperasi.

Berikut di bawah adalah senarai nama ALK yang hadir ke mesyuarat Lembaga koperasi:

Nama	12/6/2024	25/6/2024	29/6/2024	4/8/2024	1/12/2024
Hj. Abdul Razak Yaacob	Hadir	Hadir	Hadir	Hadir	Hadir
Shamsornahar Md Noor	Hadir	Tidak Hadir	Hadir	Hadir	Hadir
Mohd Hassan Mum Pahat	Hadir	Hadir	Hadir	Hadir	Hadir
Hj Azmal Zakaria	Hadir	Hadir	Hadir	Hadir	Hadir
Hj Abdul Rahman Omar	Hadir	Hadir	-	-	-
Hj Mohd Shah Ibrahim	Hadir	Hadir	Hadir	Hadir	Hadir
Othman Cheros	Hadir	Hadir	Hadir	Hadir	Hadir
Jaini Jaffar	Hadir	Hadir	Hadir	Hadir	Hadir
Hussein Embi	Hadir	Hadir	Hadir	Hadir	Hadir
Razak Mohd Sharif	Hadir	Tidak Hadir	Hadir	Hadir	Hadir
Hj Yaakob Mohd Ali	Hadir	Hadir	Hadir	Hadir	Hadir
Sheafik Affendi Ismail	Hadir	Hadir	Hadir	Hadir	Hadir
Mohd Faizal Ismail	-	-	Hadir	Hadir	Hadir

Lembaga Koperasi komited untuk terus mengadakan Mesyuarat Lembaga secara berkala sebagai platform utama dalam membuat keputusan-keputusan penting bagi Koperasi. Melalui mesyuarat ini, pelbagai perkara strategik telah dibincangkan merangkumi aspek pelaburan, kewangan, perundangan, operasi perniagaan, serta pengurusan pentadbiran yang berkaitan dengan kepentingan dan kemajuan Koperasi secara menyeluruh.

Adalah menjadi hasrat Koperasi untuk memperkukuh peranan Mesyuarat Lembaga pada masa akan datang sebagai platform penetapan dasar dan halatuju Koperasi

selaras dengan perubahan persekitaran ekonomi dan cabaran semasa. Dengan penyertaan aktif dan berkesan daripada semua Anggota Lembaga, Koperasi yakin dapat melaksanakan keputusan secara kolektif, telus dan berlandaskan prinsip koperasi demi manfaat semua anggota.

11. LAPORAN KEDAI COOPMART

Perniagaan kedai runcit Koperasi yang dahulunya dikenali sebagai Kedai Harga Patut Imcoop kini beroperasi di bawah nama baharu Coopmart dan dipimpin oleh En. Jaini bin Jaffar selaku penyelarasan utama.

Kedai ini mula beroperasi sejak April 2019 dan kini mempunyai tiga orang staf. Selain menjual barangan keperluan asas seperti beras, gula, minyak masak dan tepung, Coopmart juga memasarkan produk koperasi seperti Sabun Kairos.

Sejak penubuhannya, Coopmart berdepan dengan pelbagai cabaran, khususnya persaingan harga daripada peruncit luar. Namun begitu, Koperasi kekal komited untuk meneruskan operasi perniagaan ini kerana ia dilihat mempunyai potensi untuk berkembang terutamanya dalam sektor runcit dan pembekalan.

Komitmen ini dibuktikan dengan peningkatan prestasi jualan, di mana jualan runcit pada tahun 2023 mencatatkan sebanyak RM700,205.00 dan melonjak kepada RM1,275,960.00 pada tahun 2024. Lonjakan ini berpunca daripada kejayaan Coopmart memperoleh tender pembekalan daripada PUJB bagi tahun 2024 yang menyumbang kepada sebahagian besar hasil jualan tahun tersebut.

Berikutan pencapaian tersebut, Koperasi merancang untuk memfokuskan pengembangan dalam segmen jualan gudang (trading) pada masa akan datang, dengan bantuan dan sokongan daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Usaha ini dapat memperkukuh kedudukan perniagaan Coopmart sebagai salah satu sumber pendapatan Koperasi.

Namun begitu, penglibatan dan sokongan anggota terhadap Coopmart masih kurang memberangsangkan. Justeru itu, Koperasi menyeru semua anggota untuk membuat pembelian di kedai Coopmart sebagai satu bentuk sokongan langsung terhadap kelangsungan dan kekuatan ekonomi koperasi.

Sebagai galakan, Koperasi turut menawarkan kemudahan pengeluaran yuran anggota sebanyak RM100.00 untuk digunakan sebagai pembelian barangan runcit di kedai Coopmart. Inisiatif ini diharap dapat menggalakkan lebih ramai anggota untuk berbelanja di kedai milik bersama ini.

Koperasi berharap dengan sokongan berterusan daripada anggota, Coopmart akan terus kekal dan berkembang, sekaligus menyumbang secara berterusan kepada pendapatan dan pembangunan Koperasi.

12. PENGHARGAAN

Bagi pihak Lembaga dan Pengurusan Koperasi Pelabuhan Johor Berhad, kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama, sokongan dan sumbangan dalam menjayakan pelaksanaan aktiviti serta pengurusan Koperasi sepanjang tahun 2024.

Sekalung penghargaan ikhlas ditujukan khas kepada:


- Pengurusan Johor Port Berhad (JPB)
- Pengurusan Lembaga Pelabuhan Johor (LPJ)
- Pengurusan SPTS
- Semua Anggota Koperasi
- Semua Staf Koperasi
- Chevron Malaysia Limited
- Juruaudit Luar, Isyam Nurhadin & Associates
- Pegawai-Pegawai Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)
- Institut Koperasi Malaysia (IKMa)
- ANGKASA
- Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad Cawangan Masai

Tidak dilupakan juga kepada semua pihak lain, secara langsung atau tidak langsung, yang telah menyumbang kepada kejayaan Koperasi dalam apa jua bentuk. Sokongan berterusan semua pihak amat dihargai dan menjadi pemangkin kepada kemajuan berterusan Koperasi demi manfaat seluruh anggota.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

KOPERASI PELABUHAN JOHOR BERHAD


MOHD HASSAN BIN MUM PAHAT
Setiausaha

20 Mei 2025

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAM BAGI TAHUN 2024

Tarikh : 5 Jun 2024

Kepada:-

SEMUA ANGGOTA KOPERASI PELABUHAN JOHOR BERHAD

Tuan/Puan,

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN KOPERASI PELABUHAN JOHOR BERHAD BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

1. Pengenalan

JAD memainkan peranan penting dalam sistem tadbir urus koperasi berkaitan sistem kawalan dalaman dan pengurusan risiko kerana ia berupaya menyediakan penilaian yang bebas dan boleh menjadi pertunjuk terhadap pematuhan ke atas undang-undang dasar dan prosedur sedia ada

Bagi menjalankan tanggungjawabnya, mempunyai kuasa:-

- a. Memeriksa rekod perakaunan dan rekod lain yang berhubungan secara langsung atau tidak langsung dengan koperasi bagi memastikan hal-ehwal koperasi dijalankan mengikut matlamat penubuhan, undang-undang kecil serta keputusan mesyuarat agung.
- b. mengkehendaki mana-mana orang mengemukakan atau menyerahkan apa-apa maklumat atau buku, akaun dan dokumen yang berkaitan.

Fungsi Juruadit Dalaman (JAD) – Fungsi masa kini:-

1. Fokus kepada menambah nilai (value added) dan pengukuhan tadbir urus.
2. JAD “sendi” kepada tadbir urus yang baik dan “first line of defence” kepada penipuan dan penyalah guna kuasa
3. Fokus kepada isi kawalan kewangan, pematuhan, tadbir urus, etika dan pengurusan risiko.

2. Senarai Nama Jawatankuasa Audit Dalaman

Ketua Biro	- Tn Hj. Abdul Rahman Bin Omar
Ahli Biro	- En. Aman Bin Yusof

3. Tarikh Mesyuarat Biro Di Adakan

1. 28 Oktober 2024 - Mesyuarat Pra Pengauditan Biro Hartanah
2. 20 Disember 2024 - Mesyuarat Pra Pengauditan Biro Peruncitan (Coopmart)

4. Aktiviti Biro yang telah dilaksanakan

4A. AJK JAD telah menjalankan pengauditan ke atas aktiviti pengurusan Biro Hartanah seperti berikut:-

- a. 5 Oktober 2024 (Selasa) 10 pagi – 1 tengahari
 - Skop Pengauditan: Surat Perjanjian dan Bayaran Cagaran Sewa Rumah Kedai Milik Koperasi Dengan Penyewa.

Semakan ke atas bayaran bulanan pinjaman bank kepada Bank Rakyat (M) Sdn Bhd. Ke atas pembelian 3 unit lot rumah kedai (2 Tingkat) oleh Koperasi di Jalan Kelisa 1, Taman Scientex, Pasir Gudang, Johor

- b. 7 Oktober 2024 (Khamis) 10 pagi – 1 tengahari
 - Skop Pengauditan: Menyemak Penyata Akaun Kutipan/bayaran Sewa Rumah Kedai Milik Koperasi Dengan Penyewa

- c. 12 Oktober 2024 (Selasa) 10 pagi -1 tengahari
 - Skop pengauditan: Lawatan tapak/premis secara rawak ke semua rumah-rumah kedai milik Koperasi dan merakam gambar rumah-rumah kedai berikut:-

- i. No. 13A/B Jalan Kelisa 1, Taman Scientex, 81700,Pasir Gudang, Johor (2 Tingkat)
- ii. No. 15A/B Jalan Kelisa 1, Taman Scientex,81700, Pasir Gudang, Johor (2 Tingkat)
- iii. No.17A/B Jalan Kelisa 1, Taman Scientex, 81700, Pasir Gudang, Johor (2 Tingkat)
- iv. No.10 A/B Jalan 10/2 Perjiranan Taman Air Biru, 81700,Pasir Gudang, Johor (2 Tingkat)
- v. No.14 A/B Jalan 10/17 Pekedaian Perjiranan 8, 81700, Pasir Gudang, Johor (2 Tingkat)
- vi. No 15A/B Jalan 10/17 Pekedaian Perjiranan 8,81700, Pasir Gudang, Johor (2 Tingkat)
- vii. No 30 A/B/C, Jalan Mawar 46, Taman Mawar, 81700, Pasir Gudang, Johor (3 Tingkat)

- d. 14 Oktober 2024 Khamis) 10 pagi – 1 tengahari
 - Skop pengauditan: Meneliti/memeriksa dokumen dan menyemak tarikh dan tamat tempoh perlindungan insuran rumah kedai milik Koperasi serta jenis polisi perlindungan insuran yang diambil

- e. 19 Oktober 2024 (Selasa) 10 pagi – 1 tengahari
 - Skop Pengauditan: Menyemak tunggakkan sewa terkumpul oleh penyewa dan surat menyurat penyata Akaun penyewa
- f. 21 Oktober 2024 (Khamis) 10 pagi – 1 tengahari
 - Skop Pengauditan – Menyemak, meneliti dokumen-dokumen bayaran cukai harta, cukai tanah, indah water rumah-rumah kedai milik Koperasi
- g. 26 Disember 2024 (Khamis) 2024) 10 pagi - 12 tengahari
 - Skop Pengauditan – AJK JAD telah mengadakan mesyuarat dengan AJK Biro Hartanah, Pengurus Koperasi dan Pengurus Kewangan dan menyerahkan satu laporan odit yang telah di jalankan. Hasil rumusan penemuan yang dijalankan, AJK JAD telah mencadangkan beberapa penambakan tatakelola tadbir urus pengurusan penyewaan rumah kedai milik Koperasi.

4B. AJK JAD telah menjalankan pengoditan ke atas aktiviti pengurusan Biro Peruncitan (Coopmart)

31 Disember 2024 (Selasa) 8.30 pagi – 6.00 ptg

- Skop Pengauditan – AJK JAD telah terlibat dalam pemeriksaan pengiraan stok akhir (stock take) kedai runcit Koperasi (Coopmart)

Lain-lain aktiviti Coopmart melibatkan kehadiran AJK Biro JAD:-

- i. No. 13A/B Jalan Kelisa 1, Taman Scientex, 81700, Pasir Gudang, Johor (2 Tingkat)
- ii. 27 November 2024 (Khamis) 2 ptg – 3 ptg – Pengambilan Klip Video Aktiviti Coopmart oleh PUJB di Kedai Coopmart Koperasi
- iii. 25 – 26 Oktober 2024 (Khamis-Jumaat) - (8.00 pagi – 6 ptg – Program Jualan Rahmah Madani di Apt Blok B, Saujana, Johor Bahru
- iv. 11 Ogos 2024 (Ahad) 9 pagi 6 ptg - Jualan Madani di Padang Kawad Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor
- v. 12-14 Julai 2024 – (Jumaat – Ahad) 10 pagi – 6 ptg Jualan Madani Hari Keushawanan Anjuran UDA Holdings Sdn Bhd di Plaza Angsana Johor Bahru
- vi. 21 – 23 Jun 2024 (Jumaat-Ahad) 10.00 pagi – 10 malam – Sambutan Hari Koperasi Negara Peringkat Negeri Johor – Jualan Madani di Plaza Angsana, Johor Bahru.

5. Perancangan 2025

Untuk tahun 2025 akan menyusun program pengauditan di Stesyen Servis Minyak Caltex Koperasi, transaksi aktiviti pembiayaan anggota dan aktiviti pembiayaan takaful kereta dan pemotoran

6. Penutup

AJK Biro Juruaudit Dalamam ingin merakam penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada Pengerusi dan Anggota Lembaga Koperasi Pelabuhan Johor Berhad, AJK Biro Pengurusan Ekonomi dan Pembiayaan, AJK Biro Kebajikan Am, AJK Biro IT & Pemasaran, Biro Peruncitan (Coopmart), Pengurus dan staf Koperasi Pelabuhan Johor Berhad yang telah memberikan kerjasama mereka bagi membolehkan AJK Biro Pengauditan melaksanakan tugasnya dan amanah yang telah diberikan sejajar dengan garis panduan JAD GP 4 dan kuasa yang diberikan mengikut UUK (1)(a) dan UUK (1)(b) dalam melaksanakan tanggungjawabnya dalam proses pengoditan untuk tempoh tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

Sekian, terima kasih.

Yang menjalankan tugas



Hj. Abdul Rahman Bin Omar
Ketua

Juruaudit Dalamam Koperasi Pelabuhan Johor Berhad
5hb. Jun 2025 @ 1320hrs



Aman Bin Yusof
AJK

Juruaudit Dalamam Koperasi Pelabuhan Johor Berhad
5hb. Jun 2025 @ 1320hrs

KOPERASI PELABUHAN JOHOR JOHOR BERHAD
(Didaftarkan dibawah Akta Koperasi 1993)

KOPERASI PELABUHAN JOHOR BERHAD

**LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN
UNTUK TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2024**

ISYAM NURHADIRIN & ASSOCIATES

(Akauntan Bertauliah)
No. 17-B, Jalan Suria 18
Taman Suria
81200 Johor Bahru
Johor Darul Takzim
Tel : 607-334-1711
Fax : 607-334-1751
e-mail : isyamn@yahoo.com

MAKLUMAT KOPERASI**ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI**

Haji Abdul Razak Bin Yaacob	Pengerusi
Encik Shamsornahar Bin Md Noor	Timbalan Pengerusi
Encik Mohd Hassan Bin Mum Pahat	Setiausaha
Haji Azmal Bin Zakaria	Bendahari
Encik Razak Bin Mohd Sharif	
Haji Abdul Rahman Bin Omar (sehingga 28 Jun 2024)	
Haji Mohd Shah Bin Ibrahim	
Encik Jaini Bin Jaffar	
Encik Othman Bin Cheros	
Encik Hussein Bin Embi	
Haji Yaakob Bin Mohd Ali	
Encik Sheafik Affendi Bin Ismail	
Encik Mohd Faizal bin Ismail (mulai 29 Jun 2024)	

PEJABAT BERDAFTAR

No. 14, Jalan 10/17
 Perjiranan 8
 81700 Pasir Gudang
 Johor Darul Takzim

BANK - BANK

CIMB Bank (M) Berhad
 Malayan Banking Berhad
 Bank Kerjasama Rakyat (M) Berhad
 Bank Islam Malaysia Berhad

JURUAUDIT

Isyam Nurhadin & Associates
 Akauntan Bertauliah

PANDUAN**MUKA SURAT**

Laporan Juruaudit	1 - 3
Laporan Berkanun Anggota Lembaga Koperasi	4
Kunci Kira-Kira	5
Akaun Pembahagian Keuntungan	7
Akaun Untung Rugi Induk	8 - 9
Akaun Untung Rugi Kegiatan Stesen Minyak	10 - 11
Akaun Untung Rugi Kegiatan Pelaburan Hartanah	12
Akaun Untung Rugi Kegiatan Kedai Harga Patut IMCOOP	13
Penyata Perubahan Ekuiti	14
Penyata Aliran Tunai	15
Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan	16 – 29



LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA KOPERASI PELABUHAN JOHOR BERHAD

Kepada;
 Suruhanjaya Koperasi Malaysia; serta
 Anggota-anggota Koperasi Pelabuhan Johor Berhad

Laporan Audit ke atas Penyata Kewangan

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan Koperasi Pelabuhan Johor Berhad yang merangkumi Kunci Kira-Kira pada 31 Disember 2024, Akaun Pembahagian Keuntungan, Penyata Pendapatan dan Penyata Aliran Tunai Koperasi bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dan ringkasan dasar-dasar perakaunan penting dan nota-nota penjelasan.

Pada pendapat kami, penyata kewangan yang disertakan memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Koperasi pada 31 Disember 2024 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perlaporan Kewangan Malaysia dan keperluan Akta Koperasi 1993 di Malaysia.

Asas bagi Pendapat

Kami telah melaksanakan audit menurut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Tanggungjawab kami di bawah piawaian itu adalah diuraikan dengan lanjut dalam seksyen Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Penyata Kewangan laporan kami. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas yang munasabah untuk pendapat kami.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Kami adalah bebas daripada Koperasi mengikut By-Laws (Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan) Institut Akauntan Malaysia ("By-Laws") dan Kod Etika Akauntan Profesional ("Kod IESBA") Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa Akauntan, dan kami telah memenuhi lain-lain tanggungjawab etika lain menurut By-Laws dan Kod IESBA.

Maklumat Selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit

Anggota Lembaga Koperasi adalah bertanggungjawab terhadap maklumat lain merangkumi Laporan Berkanun Anggota Lembaga tetapi tidak termasuk penyata kewangan Koperasi dan laporan juruaudit.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA KOPERASI PELABUHAN JOHOR BERHAD

Pendapat kami ke atas penyata kewangan Koperasi tidak termasuk Laporan Berkanun Anggota Lembaga dan kami tidak memberi sebarang kesimpulan jaminan mengenainya.

Maklumat Selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit - sambungan

Sehubungan dengan pengauditan kami terhadap penyata kewangan Koperasi, tanggungjawab kami adalah untuk membaca Laporan Berkanun Lembaga tersebut tidak konsisten secara ketara dengan penyata kewangan Koperasi mahupun pengetahuan yang kami perolehi semasa pengauditan atau salah nyata ketara.

Jika berdasarkan kerja yang telah kami lakukan, kami membuat kesimpulan bahawa jika terdapat salah nyata ketara dalam Laporan Berkanun Anggota Lembaga, kami dikehendaki melaporkan fakta tersebut. Kami tidak mempunyai apa-apa untuk melaporkan dalam hal ini.

Tanggungjawab Anggota Lembaga Koperasi ke atas Penyata Kewangan

Anggota Lembaga Koperasi adalah bertanggungjawab bagi penyediaan dan pembentangan penyata kewangan yang memberikan pandangan benar dan saksama menurut peruntukan Akta Koperasi 1993. Tanggungjawab ini adalah termasuk merangka, melaksanakan dan mengekalkan kawalan dalaman yang relevan dengan penyediaan dan pembentangan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, pemilihan dan penggunaan dasar-dasar perakaunan yang bersesuaian dan membuat anggaran-anggaran perakaunan yang munasabah mengikut keadaan.

Tanggungjawab Juruaudit ke atas Audit Penyata Kewangan

Objektif kami ialah untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada atau tidak, penyata kewangan tersebut secara keseluruhan adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami.

Jaminan yang munasabah adalah jaminan tahap yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit dijalankan mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap memberi kesan ketara jika, secara individu atau dalam agregat, mereka semunasabahnya dapat dijangkakan untuk mempengaruhi keputusan ekonomi diambil oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional di seluruh audit. Kami juga :

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA KOPERASI PELABUHAN JOHOR BERHAD

Tanggungjawab Juruaudit ke atas Audit Penyata Kewangan – sambungan

- Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara ke atas penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merancang dan melaksanakan prosedur audit responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas yang munasabah untuk pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara yang terhasil daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada yang terhasil daripada kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, penyingkiran sengaja, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- Memperoleh pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman.
- Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh Pihak Pengurusan.

Kami berkomunikasi dengan Anggota Lembaga Koperasi, antara perkara lain, skop dan masa audit yang telah dirancang dan penemuan penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang kami kenal pasti sepanjang pengauditan kami.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Badan Pengurusan Lain


Menurut kehendak Akta Koperasi 1993, Kami juga melaporkan bahawa pada pendapat kami:

- a) Rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain yang sepatutnya, telah disimpan dengan sempurna mengikut kehendak Seksyen 58 Akta Koperasi 1993.
- b) Penerimaan, perbelanjaan dan pelaburan wang dan perolehan dan pelupusan aset-aset oleh Koperasi dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024 adalah mengikut kehendak Akta, Peraturan-Peraturan dan Undang-Undang Kecil Koperasi.
- c) Kedudukan aset-aset dan liabiliti-liabiliti termasuk hutang-hutang belum jelas Koperasi adalah munasabah.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA KOPERASI PELABUHAN JOHOR BERHAD

Hal-Hal Lain

Laporan ini disediakan hanya untuk Suruhanjaya Koperasi Malaysia, anggota-anggota koperasi sebagai satu badan, menurut Seksyen 63 Akta Koperasi 1993 di Malaysia dan bukan untuk sebarang tujuan lain. Kami tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain terhadap isi kandungan laporan ini.


ISYAM NURHADIRIN & ASSOCIATES
Juruaudit Koperasi Bertauliah


ISYAM NURHADIRIN BIN AHMAD ZUBIR
SKM(B)0591

Johor Bahru


Tarikh: 20 Mei 2025

LAPORAN BERKANUN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI MENGIKUT SEKSYEN 59 (1) (C) AKTA KOPERASI 1993


Kami bagi pihak Anggota Lembaga Koperasi dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2024. Sesuai dengan kehendak Akta Koperasi 1993 dan kaedah-kaedah yang diperbuat di bawahnya, kami bagi pihak Anggota Lembaga Koperasi melaporkan bahawa:

- a) Anggota Lembaga Koperasi bercadang untuk membayar dividen bagi tahun ini sebanyak 3.25% (2023 : 2.5%) atau RM189,138 atas baki modal syer dan modal yuran anggota pada 30 Jun 2024 tertakluk pada kelulusan Mesyuarat Agung dan pihak berkuasa berkenaan,
- b) Anggota Lembaga Koperasi bercadang untuk membuat pindahan dari keuntungan tahun semasa kepada Kumpulan Wang Penebusan Syer sebanyak 1%,
- c) Anggota Lembaga Koperasi bercadang untuk membuat pembayaran honorarium kepada Anggota Lembaga Koperasi sebanyak 11% (2023 : 10%) dari keuntungan selepas pembahagian berkanun tertakluk pada kelulusan Mesyuarat Agung,
- d) Pada pendapat Anggota Lembaga Koperasi, hasil operasi Koperasi bagi tahun kewangan 31 Disember 2024 tidak dipengaruhi secara material oleh perkara-perkara luar biasa yang abnormal sifatnya mengikut takrif Seksyen 59 (4) Akta Koperasi 1993,
- e) Tiada hal-hal berbangkit yang menjadikan cara menilai aset dan liabiliti Koperasi yang digunakan sekarang mengelirukan atau tidak sesuai,
- f) Dalam jangka masa yang diliputi oleh Akaun Untung Rugi, tiada liabiliti kontigen yang disanggupi oleh Koperasi yang belum diselesaikan, dan
- g) Anggota Lembaga Koperasi juga berpendapat bahawa jumlah harta semasa yang ditunjukkan di dalam Kunci Kira-Kira adalah munasabah.

Kami bagi pihak Anggota Lembaga Koperasi mengaku bahawa selain daripada perkara-perkara yang tersebut di atas, tiada lain-lain perkara didalam pengetahuan kami yang tidak dinyatakan seperti yang dikehendaki oleh Seksyen 59 (3) Akta Koperasi 1993.


.....
HAJI ABDUL RAZAK BIN YAACOB
Pengerusi


.....
ENCIK MOLID HASSAN BIN MUM
PAHAT
Setiausaha


.....
HAJI AZMAL BIN ZAKARIA
Bendahari

KUNCI KIRA-KIRA PADA 31 DISEMBER 2024

	NOTA	2024 RM	2023 RM
ASET TETAP			
Hartanah, Loji dan Peralatan	4	2,622,928	2,522,813
ASET SEPARA TETAP			
Pelaburan dalam Syer Siar Harga	5	23,581	23,267
Pelaburan dalam Syer Tak Siar Harga	6	157,209	155,369
Pembiayaan kepada Anggota	7	1,285,263	1,435,548
Aset Kumpulan wang Rizab Statutori	8	683,114	581,033
Deposit Tetap	9	79,229	77,029
		2,228,396	2,272,246
ASET SEMASA			
Inventori	10	223,544	215,798
Penghutang Perdagangan	11	967,331	623,582
Pembiayaan kepada Anggota	7	2,480,077	2,501,696
Pelbagai Penghutang dan Deposit	12	1,413,061	1,124,442
Wang di Bank dan di Tangan	13	988,527	721,706
		6,072,540	5,187,224
JUMLAH ASET		10,923,864	9,982,283
Dibiayai oleh :-			
Modal Syer Anggota	14	247,756	251,503
Modal Yuran Anggota	15	6,234,651	5,844,850
Kumpulan Wang Penebusan Syer	16	33,131	28,483
Kumpulan Wang Kebajikan Am	17	206,281	195,268
Kumpulan Wang Ganjaran Pekerja	18	38,739	15,498
Kumpulan Wang Penyelenggaraan Stesen	19	131,711	52,693
Keuntungan Terkumpul		359,435	301,650
KUMPULAN WANG ANGGOTA		7,251,704	6,689,945
Kumpulan Wang Rizab Statutori	20	1,254,208	1,182,273
JUMLAH EKUITI		8,505,912	7,872,218
LIABILITI BUKAN SEMASA			
Pinjaman SKM	21	-	202,976
Pinjaman Berjangka	22	499,416	620,423
		499,416	823,399
LIABILITI SEMASA			
Deposit Anggota	23	72,765	46,682
Pelbagai Pemiutang	24	1,333,028	746,817
Pinjaman SKM	21	202,976	234,821
Pinjaman Berjangka	22	111,360	111,360
Simpanan Khas Anggota		9,269	9,269
Peruntukan Dividen	25	189,138	137,717
		1,918,536	1,286,666
JUMLAH LIABILITI		2,417,952	2,110,065
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		10,923,864	9,982,283

**AKAUN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN
UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

	NOTA	2024 RM	2023 RM
Keuntungan Bersih Tahun Semasa		553,347	369,001
Tolak : Pembahagian Berkanun :-			
Pindahan ke Kumpulan Wang Rizab Statutori - 13%	20	71,935	47,970
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi - 2%		11,067	7,380
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi - 1%		5,533	3,690
		(88,535)	(59,040)
Keuntungan Selepas Pembahagian Berkanun		464,812	309,961
Tolak : Pembahagian Lain :-			
Peruntukan Cukai	26	-	-
Kumpulan Wang Penebusan Syer - 1%		4,648	3,100
Kumpulan Wang Ganjaran Pekerja - 5%		23,241	15,498
Kumpulan Wang Penyelenggaraan Stesen - 17%		79,018	52,693
Peruntukan Zakat Perniagaan		63,387	31,178
Honorarium Anggota Lembaga – 11% (2023:10%)		51,129	30,996
Dividen dicadangkan – 3.25% (2023:2.5%)	27	189,138	137,717
		(410,561)	(271,182)
Baki keuntungan yang belum dibahagikan		54,251	38,779
Tambah : Pelarasan bukan operasi	28	3,534	169,552
		57,785	208,331
Keuntungan Terkumpul Pada Awal Tahun		301,650	93,319
Keuntungan Terkumpul Pada Akhir Tahun		359,435	301,650

Nota-nota bersemat adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini, maka ianya hendaklah dibaca bersama-sama dengannya.

**AKAUN UNTUNG RUGI INDUK
UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

	NOTA	2024 RM	2023 RM
PENDAPATAN			
Jualan dari Kegiatan Stesen Minyak		12,160,977	11,235,734
Jualan dari Kegiatan Kedai Harga Patut COOPMART		1,275,960	700,205
Keuntungan ke atas Pembiayaan Anggota		473,395	420,018
Sewa diterima dari Kegiatan Pelaburan Hartanah		203,800	165,700
Dividen diterima		19,938	17,521
Pelbagai pendapatan dari Kegiatan Stesen Minyak		27,656	9,884
Pelbagai pendapatan dari Kegiatan Kedai Harga Patut COOPMART		13,492	155
Komisen insurans		5,055	5,777
Faedah atas simpanan semasa		2,208	514
Bayaran perkhidmatan dari Public Bank Berhad		1,099	1,343
Komisen pemfaktoran		-	2,560
Lain-lain pendapatan		5,820	5,475
		<u>14,189,400</u>	<u>12,564,886</u>
TOLAK : PERBELANJAAN			
Air dan elektrik		9,555	7,526
Alatulis dan percetakan		3,446	2,705
Bayaran bank		324	-
Bayaran yuran juruaudit luar		9,000	9,000
Bayaran yuran percukaian		3,150	2,150
Bayaran professional		1,404	6,300
Belanja Mesyuarat Agong		88,000	80,000
Belanja Mesyuarat Anggota Lembaga		3,258	4,189
Denda		200	-
Derma		5,780	7,235
Elaun Anggota Lembaga Koperasi	29	58,200	58,200
Elaun kehadiran mesyuarat		6,671	4,130
Elaun juruaudit dalam	30	6,300	7,200
Faedah pinjaman TMP-SKM		13,238	22,430
Faedah deposit Anggota		2,270	-
Fi BURSA (pembiayaan)		528	588
Gaji, elaun dan bonus pekerja		174,232	123,736
Hutang waham pelbagai penghutang di hapuskira		1,000	1,000
Kursus dan Seminar		1,360	4,600
Keraian		8,949	7,507
KWSP		22,295	16,515
Lesen		400	950

Nota-nota bersemat adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini, maka ianya hendaklah dibaca bersama-sama dengannya

**AKAUN UNTUNG RUGI INDUK
UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024 - Bersambung**

	NOTA	2024 RM	2023 RM
PERBELANJAAN - Bersambung			
Perbelanjaan Kegiatan Stesen Minyak		12,058,368	11,074,451
Perbelanjaan Kegiatan Pelaburan Hartanah		73,725	75,280
Perbelanjaan Kegiatan Kedai Harga Patut COOPMART		993,512	607,866
Pelbagai belanja		15,905	5,859
Perjalanan		6,418	2,743
PERKESO		2,983	2,197
Perkhidmatan cuci Pejabat		1,800	-
Perubatan		36,972	36,552
Pertambahan peruntukan rosotnilai pelaburan		(314)	248
Pemasaran		710	2,042
Selenggaraan computer		13,000	9,117
Selenggaraan kenderaan		1,000	1,000
Selenggaraan pembentungan		255	666
Speaker (Angkasa)		321	295
Sewa mesin fotostat		3,360	3,360
Setem dan pos		-	50
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	4	3,381	3,230
SIP		341	251
Telefon		4,756	4,717
		<u>13,636,053</u>	<u>12,195,885</u>
KEUNTUNGAN BERSIH DIPINDAHKAN KE AKAUN PEMBAGIAH KEUNTUNGAN		<u>553,347</u>	<u>369,001</u>

Nota-nota bersemat adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini, maka ianya hendaklah dibaca bersama-sama dengannya.

**AKAUN UNTUNG RUGI
KEGIATAN STESEN MINYAK
UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

	NOTA	2024 RM	2023 RM
PENDAPATAN			
Jualan		<u>12,160,977</u>	<u>11,235,734</u>
TOLAK : KOS JUALAN			
Inventori pada awal tahun		150,092	143,995
Belian		11,682,072	10,654,087
Tolak : Pulangan belian		(175,752)	(109,164)
		<u>11,656,412</u>	<u>10,688,918</u>
Tolak : Inventori pada akhir tahun		(168,003)	(150,092)
		<u>11,488,409</u>	<u>10,538,826</u>
KEUNTUNGAN KASAR		672,568	696,908
LAIN-LAIN PENDAPATAN			
Faedah atas simpanan tetap		22,085	2,990
Pelbagai pendapatan		5,571	6,894
		<u>27,656</u>	<u>9,884</u>
		<u>700,224</u>	<u>706,792</u>
TOLAK : PERBELANJAAN			
Air dan elektrik		20,437	24,706
Alatulis		2,853	4,902
Bayaran perkhidmatan bank		66,872	57,753
Belian promosi		39,469	36,678
Belanja pejabat		2,472	4,101
Belanja mesyuarat agong		467	-
Cukai tanah dan harta		4,656	5,820
Elaun Anggota Lembaga Koperasi	29	5,160	5,229
Gaji, elaun, lebih masa dan bonus pekerja		247,585	220,153
Insurans		4,443	4,558
KWSP		29,664	26,212
Lesen		5,664	5,878
Metrologi		702	1,218
Keraian		2,446	5,261
Pelbagai belanja		10,038	13,207
Pembaikan pam		18,866	21,626
Peruntukan penyelenggaraan		18,000	18,000

Nota-nota bersemat adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini, maka ianya hendaklah dibaca bersama-sama dengannya.

**AKAUN UNTUNG RUGI
KEGIATAN STESEN MINYAK
UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024 – Bersambung**

	NOTA	2024 RM	2023 RM
PERBELANJAAN – Bersambung			
Perjalanan		1,145	1,124
PERKESO		3,842	3,748
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	4	56,022	46,043
Sewa tanah		18,000	18,000
Sewa kemudahan rangkaian talian		4,800	4,800
Sewa mesin fotostat		3,360	3,640
Sewa mesin air		250	-
SIP		529	429
Telefon		2,217	2,539
		<u>569,959</u>	<u>535,625</u>
KEUNTUNGAN BERSIH DARI KEGIATAN STESEN MINYAK		<u>130,265</u>	<u>171,167</u>

Nota-nota bersemat adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini, maka ianya hendaklah dibaca bersama-sama dengannya.

**AKAUN UNTUNG RUGI
KEGIATAN PELABURAN HARTANAH
UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

	NOTA	2024 RM	2023 RM
PENDAPATAN			
Sewa rumah kedai diterima		<u>203,800</u>	<u>165,700</u>
TOLAK : PERBELANJAAN			
Cukai harta dan tanah		15,770	14,410
Insurans		1,019	769
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	4	52,164	52,164
Selenggaraan bangunan		<u>4,772</u>	<u>7,937</u>
		<u>73,725</u>	<u>75,280</u>
KEUNTUNGAN BERSIH DARI KEGIATAN PELABURAN HARTANAH		<u><u>130,075</u></u>	<u><u>90,420</u></u>

Nota-nota bersemat adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini, maka ianya hendaklah dibaca bersama-sama dengannya.

**AKAUN UNTUNG RUGI
KEGIATAN KEDAI HARGA PATUT COOPMART
UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

	NOTA	2024 RM	2023 RM
PENDAPATAN			
Jualan		1,275,960	700,205
TOLAK : KOS JUALAN			
Inventori pada awal tahun		65,706	51,023
Belian		799,772	470,520
Tolak : Inventori pada akhir tahun		(55,541)	(65,706)
		<u>809,937</u>	<u>455,837</u>
KEUNTUNGAN KASAR		466,023	244,368
LAIN-LAIN PENDAPATAN			
Faedah atas simpanan tetap		13,492	155
		<u>479,515</u>	<u>244,523</u>
TOLAK : PERBELANJAAN			
Air dan elektrik		11,961	11,254
Alatulis		-	346
Bayaran perkhidmatan bank		30	17
Bayaran yuran perakaunan		-	500
Elaun Anggota Lembaga Koperasi	29	4,200	4,198
Gaji, elaun, lebih masa dan bonus pekerja		83,060	84,083
KWSP, PERKESO & SIP		26,291	11,941
Pengiklanan		1,100	-
Makanan dan minuman		1,168	892
Selenggaraan kenderaan		9,210	845
Selenggaraan kedai		1,664	1,156
Selenggaraan komputer		400	-
Sewa lori		11,050	12,000
Perjalanan		17,575	7,281
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	4	13,168	13,168
Sewaan mesin fotostat		1,250	1,950
Sewaan pejabat		240	-
Telefon		1,208	2,398
		<u>183,575</u>	<u>152,029</u>
KEUNTUNGAN BERSIH DARI KEGIATAN KEDAI HARGA PATUT COOPMART		<u>295,940</u>	<u>92,494</u>

Nota-nota bersemat adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini, maka ianya hendaklah dibaca bersama-sama dengannya.

**PENYATA PERUBAHAN EKUITI
UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

	Modal Syer Anggota	Modal Yuran Anggota	Kumpulan Wang Penebusan Syer	Kumpulan Wang Kebajikan Am	Kumpulan Wang Ganjaran Pekerja	Kumpulan Wang Penyelengga raan Stesen	Keuntungan Terkumpul	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Pada 31/12/2022	254,053	5,618,327	25,383	184,255	-	-	93,319	6,175,337
Kerugian	-	-	-	-	-	-	208,331	208,331
Penambahan	15,150	790,376	3,100	34,308	15,498	52,693	-	911,125
Pengeluaran	(17,700)	(563,853)	-	(23,295)	-	-	-	(604,848)
Pada 31/12/2023	251,503	5,844,850	28,483	195,268	15,498	52,693	301,650	6,689,945
Kerugian	-	-	-	-	-	-	57,785	57,785
Penambahan	10,103	866,175	4,648	34,308	23,241	79,018	-	1,017,493
Pengeluaran	(13,850)	(476,374)	-	(23,295)	-	-	-	(513,519)
Pada 31/12/2024	247,756	6,234,651	33,131	206,281	38,739	131,711	359,435	7,251,704

Nota-nota bersemat adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini, maka ianya hendaklah dibaca bersama-sama dengannya.

PENYATA ALIRAN TUNAI
UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

	2024 RM	2023 RM
Aliran Tunai Dari Aktiviti Operasi		
Keuntungan bersih sebelum pembahagian	553,347	369,001
Pelarasan :-		
Tambahan peruntukan rosotnilai pelaburan	(314)	248
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	124,735	114,605
<i>Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja</i>	<i>677,768</i>	<i>483,854</i>
Perubahan dalam modal kerja :-		
Tambahan dalam inventori	(7,746)	(20,780)
Tambahan dalam penghutang	(345,589)	(89,244)
Tambahan / (Kurangan) dalam pelbagai pemiutang	288,952	(53,550)
<i>Tunai bersih dari aktiviti operasi</i>	<i>613,385</i>	<i>320,280</i>
Aliran Tunai Dari Aktiviti Pelaburan		
Belian hartanah, loji dan peralatan	(224,850)	(35,980)
<i>Tunai bersih ke aktiviti pelaburan</i>	<i>(224,850)</i>	<i>(35,980)</i>
Aliran Tunai Dari Aktiviti Kewangan		
Pengeluaran pembiayaan anggota	(2,517,911)	(2,338,331)
Bayaran pembiayaan anggota diterima	2,689,815	2,078,183
Bayaran honorarium	(14,134)	(25,848)
Bayaran zakat perniagaan	(65,731)	(30,000)
Bayaran balik pinjaman dari SKM	(234,821)	(225,629)
Bayaran balik pinjaman berjangka	(121,007)	(119,981)
Tambahan modal syer anggota	10,103	15,150
Pengeluaran modal syer anggota	(13,850)	(17,700)
Tambahan modal yuran anggota	866,175	790,376
Pengeluaran modal yuran anggota	(476,374)	(563,853)
Tambahan tabung kebajikan am	34,308	34,308
Pengeluaran tabung kebajikan am	(23,295)	(23,295)
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi	(7,380)	(4,157)
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi	(5,614)	(2,078)
Bayaran dividen	(137,717)	(78,775)
<i>Tunai bersih ke aktiviti kewangan</i>	<i>(17,433)</i>	<i>(511,630)</i>
Tambahan / (Kurangan) bersih dalam tunai dan separa tunai	371,102	(227,330)
Tunai dan separa tunai pada awal tahun	1,379,768	1,607,098
Tunai dan separa tunai pada akhir tahun	1,750,870	1,379,768
Tunai dan separa tunai :-		
Tunai di bank dan di tangan	988,527	721,706
Depositi tetap	762,343	658,062
	1,750,870	1,379,768

Nota-nota bersemaat adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini, maka ianya hendaklah dibaca bersama-sama dengannya.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2024

1. MAKLUMAT AM

Koperasi ini adalah merupakan sebuah koperasi tanggungan berhad yang ditubuhkan dan diuruskan di Malaysia. Koperasi bergiat dalam bidang pemberian pinjaman; pelaburan dalam hartanah dan syer; pengendalian stesen minyak; agensi insurans; dan operasi kedai runcit.

Alamat berdaftar dan tempat kegiatan utama adalah di No. 14, Jalan 10/17, Perjiran 8, 81700 Pasir Gudang, Johor Darul Takzim.

Bilangan kakitangan Koperasi sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024 seramai 15 orang (2023 : 15).

2. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Polisi pengurusan risiko kewangan Koperasi bertujuan untuk memastikan terdapat sumber kewangan yang mencukupi bagi perkembangan perniagaan Koperasi dan pada masa yang sama mengurus risiko kecairan dan kredit.

Pengurusan risiko kewangan dilaksanakan melalui pemeriksaan risiko, sistem kawalan dalaman dan Koperasi beroperasi di dalam lingkungan garis panduan yang telah diluluskan oleh Anggota Lembaga Koperasi. Adalah menjadi polisi Koperasi tidak terlibat di dalam transaksi spekulasi. Apabila Koperasi terlibat di dalam transaksi besar dan terdedah; Koperasi menilai pendedahan dan keperluan untuk menahan pendedahan tersebut dengan mengambilkira kewujudan dan kos instrumen penahanan. Instrumen kewangan seperti siberhutang perdagangan, sipiutang perdagangan dan lain timbul terus daripada operasi Koperasi. Polisi untuk mengawal risiko-risiko tersebut, di mana sesuai adalah seperti dibawah:-

2.1 Risiko Kecairan

Koperasi secara aktif mengurus profil kematangan penghutang, aliran tunai operasi dan ketersediaan pembiayaan bagi memastikan kesemua pembiayaan semula, pembayaran balik dan keperluan pembiayaan dipenuhi. Sebahagian daripada pengurusan kecairan yang berhemah, Koperasi berikhtiar untuk mengekalkan nilai tunai dan pelaburan separa tunai yang mencukupi bagi memenuhi keperluan modal pusingan.

2.2 Risiko Kredit

Koperasi mengawal risiko kredit dengan melaksanakan kelulusan kredit, had dan prosedur operasi. Penilaian kredit dilaksanakan ke atas semua pelanggan yang memerlukan kredit ke atas sesuatu jumlah dan dengan tegas menghadkan Koperasi berurusan dengan rakan niaga yang perihal wajar kreditnya tinggi. Penghutang perdagangan diawasi secara berterusan. Secara amnya Koperasi tidak memerlukan cagaran ke atas harta kewangannya.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2024 (Bersambung)

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

3.1 KONSEP ASAS PERAKAUNAN

Penyata kewangan disediakan menurut kelaziman kos asal dengan andaian bahawa kegiatan Koperasi adalah berterusan. Penyata kewangan Koperasi disediakan mengikut peruntukan Akta Koperasi 1993, Peraturan-peraturan yang diperbuat dibawahnya dan Undang-undang Kecil Koperasi dan mematuhi Piawaian Perlaporan Kewangan Malaysia yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia; “MASB”.

3.2 Hartanah, Loji dan Peralatan dan Susutnilai

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan mengikut harga kos tolak susutnilai terkumpul. Hartanah, loji dan peralatan disusutnilaikan secara garis lurus bagi tempoh jangkamasa kegunaan harta tersebut. Kadar susutnilai tahunan adalah seperti berikut :-

Tanah milik pajak	91 - 95 tahun
Bangunan rumah kedai	2%
Perabot dan kelengkapan	10%
Alat perkakas pejabat	10%
Komputer	20%
Kenderaan	10%
Papan tanda	10%
Ubahsuaian	10%

Tanah pegangan bebas tidak disusutnilaikan dan tanah milik pajak jangka panjang dilunaskan mengikut tempoh baki pajakan yang masih tinggal.

Kos pembaikan selepasnya berhubung hartanah, loji dan peralatan hanya akan dikira sebagai perbelanjaan modal jika kos tersebut dapat membaiki keadaan harta tersebut lebih baik daripada prestasi piawai yang telah dinilai pada asalnya. Perbelanjaan lain selepasnya dikenal pasti sebagai perbelanjaan dalam tahun ianya berlaku.

3.3 Nilai Aset Terjejas

Nilai buku akan dikaji semula apabila terdapat petanda yang menunjukkan nilai aset akan terjejas. Kejejasan ini dikira dengan membandingkan nilai buku aset dengan jumlah pemuliharaan semula aset berkenaan. Jumlah pemuliharaan semula aset adalah nilai yang lebih tinggi antara nilai bersih direalisasikan dan nilai penggunaannya, yang ditetapkan mengikut kadar aliran tunai terdiskaun masa hadapan. Seterusnya jumlah pemuliharaan semula ini juga adalah anggaran basi aset-aset individu atau, jikalau tidak mungkin untuk unit penajaan tunai.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2024 (Bersambung)

3.3 Nilai Aset Terjejas - Bersambung

Rugi atas kejejasan akan dicajkan ke dalam penyata pendapatan dengan serta merta. Penambahan berikutnya di dalam jumlah pemulihan semula aset akan di ambil kira dengan penulisan balik jumlah rugi kejejasan aset terdahulu dan hanya di ambil kira sehingga nilai buku bersih aset yang telah ditetapkan di mana seolah-olah tiada rugi atas kejejasan telah dikenalpasti. Penulisan balik ini akan di ambil kira di dalam penyata keuntungan dengan serta merta. Tiada rugi atas kejejasan yang di ambil kira di dalam penyata keuntungan bagi Koperasi sehingga kini.

3.4 Cukai Pendapatan

Cukai pendapatan atas keuntungan atau kerugian untuk tahun terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa mewakili cukai pendapatan yang dijangka akan dikenakan ke atas keuntungan tahun semasa yang boleh dikenakan cukai dan dikira pada kadar cukai yang berkuatkuasa pada tarikh lembaran imbalan.

3.5 Cukai Tertunda

Cukai tertunda diperuntukan mengikut kaedah tanggungan bagi kesemua perbezaan masa di antara pendapatan perakaunan dan pendapatan percukaian kecuali di mana perbezaan masa tersebut akan tertunda berterusan. Tiada jumlah diambil ke atas baki debit yang terbit daripada akaun cukai tertunda.

3.6 Instrumen Kewangan

Instrumen-instrumen kewangan diiktiraf di lembaran imbalan apabila Koperasi telah menjadi pihak dalam perjanjian kontrak untuk peruntukan instrumen tersebut. Instrumen kewangan adalah digolongkan sebagai liabiliti atau ekuiti menurut dasar dalam perjanjian kontrak. Faedah, untung atau rugi berkaitan instrumen kewangan yang dikelaskan sebagai liabiliti, dilaporkan sebagai perbelanjaan atau pendapatan. Pembahagian kepada pemegang instrumen dikelaskan sebagai ekuiti di caj secara terus ke ekuiti.

3.6.1 Penghutang Perdagangan dan lain-lain

Penghutang perdagangan dan lain-lain dinyatakan pada nilai anggaran yang boleh diperolehi. Hutang lapuk dihapuskira bila dikenalpasti. Anggaran dibuat untuk hutang ragu berdasarkan penilaian ke atas kesemua baki yang tertunggak pada tarikh lembaran imbalan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2024 (Bersambung)

3.6.2 Pemiutang Perdagangan dan lain-lain

Pemiutang perdagangan dan lain-lain dinyatakan pada kos iaitu nilai munasabah yang perlu dibayar pada masa akan datang ke atas barang dan perkhidmatan yang diperolehi.

3.7 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai yang dinyatakan di penyata aliran tunai terdiri daripada deposit tetap, tunai di tangan dan di bank; ke atasnya baki bank overdraf, jika ada, ditolak.

3.8 Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan diiktiraf sehingga tahap ia berkemungkinan bahawa faedah ekonomi akan mengalir kepada Koperasi dan pendapatan boleh dikira secara boleh dipercayai. Ciri pengiktirafan berikut juga hendaklah dipenuhi sebelum pendapatan diiktiraf :

- (i) Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak pemegang syer menerima dividen telah wujud.
- (ii) Pendapatan faedah atas pembiayaan anggota dikira berdasarkan penerimaan tunai sahaja.
- (iii) Pendapatan dari hasil jualan kedai runcit dikira berdasarkan penerimaan tunai sahaja.
- (iv) Lain-lain pendapatan diiktiraf berdasarkan asas akruan.

3.9 Pelaburan Saham Taksiaharga

Pelaburan dalam saham taksiaharga dinyatakan pada harga kos belian kecuali saham dalam syarikat yang menanggung kerugian yang dianggap berterusan yang mana persediaan rosotnilai yang secukupnya akan dibuat.

3.10 Pelaburan Saham Siaharga

Pelaburan saham siaharga dinyatakan pada harga kos belian atau harga pasaran yang mana lebih rendah. Peruntukan rosotnilai pelaburan dibuat apabila pengarah-pengarah menganggap bahawa kemerosotan nilai pelaburan berkenaan adalah bersifat berkekalan.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2024
(Bersambung)****3.11 Inventori**

Inventori perniagaan yang termasuk minyak kenderaan bermotor, minyak pelincir, barangan penyelenggaraan kenderaan, makanan ringan dan sabun adalah dinilai mengikut nilai terendah di antara kos dan nilai jualan bersih. Kos ditentukan mengikut kaedah masuk dahulu, keluar dahulu.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2024 (Bersambung)**4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN**

	Tanah Milik Bebas RM	Tanah Milik Pajak RM	Bangunan Rumah Kedai RM	Perabot dan Kelengkapan RM	Alat Perkakas Pejabat RM	Komputer RM	Kenderaan RM	Papan Tanda RM	Ubahsuaian RM	Jumlah RM
Kos										
Pada 31/12/2023	77,000	209,271	2,494,514	48,057	82,806	172,929	1,000	450	697,560	3,783,587
Pertambahan	-	-	-	217,850	-	-	-	-	7,000	224,850
Penjualan	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Pada 31/12/2024	77,000	209,271	2,494,514	265,907	82,806	172,929	1,000	450	704,560	4,008,437

Susutnilai Berkumpul

Pada 31/12/2023	-	74,424	557,615	45,601	63,005	165,293	500	449	353,887	1,260,774
Caj semasa	-	2,274	49,890	13,780	2,583	2,853	100	-	53,255	124,735
Penjualan	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Pada 31/12/2024	-	76,698	607,505	59,381	65,588	168,416	600	449	407,142	1,385,509

Nilai Buku Bersih

Pada 31/12/2023	77,000	134,847	1,936,899	2,456	19,801	7,636	500	1	343,673	2,522,813
Pada 31/12/2024	77,000	132,573	1,887,009	206,526	17,218	4,783	400	1	297,418	2,622,928

Tanah milik pajak dan bangunan - bangunan rumah kedai dengan jumlah kos RM 2,349,585 (2023 : RM 2,349,585) telah dicagarkan bagi memperolehi kemudahan pinjaman seperti di Nota 16 dan 17

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2024
(Bersambung)**

5. PELABURAN DALAM SYER SIARHARGA

	Harga Pasaran 31.12.24 RM	2024 RM	2023 RM
Menang Corporation Bhd	644	3,000	3,000
- [900 unit saham biasa @ RM 0.60]			
Malayan United Industries Bhd	2,100	40,500	40,500
- [30,000 unit saham]			
Commerce Trust Life Time Future Gold Fund	20,837	21,508	21,508
- [19,584 unit termasuk syer bonus]			
		<u>65,008</u>	<u>65,008</u>
Tolak : Peruntukan Rosotnilai :-			
Baki awal tahun		41,741	41,493
(Kurangan) / Tambahan		(314)	248
Baki akhir tahun		<u>41,427</u>	<u>41,741</u>
	<u>23,581</u>	<u>23,581</u>	<u>23,267</u>

6. PELABURAN DALAM SYER TAKSIARHARGA

	2024 RM	2023 RM
Bank Kerjasama Rakyat (M) Berhad		
[120,869 unit saham biasa RM 1.00 setiap satu]	120,869	120,869
Koperasi Iskandar Malaysia Berhad	30,500	30,500
Koperasi Bank Persatuan	4,840	3,000
Koperasi Pembiayaan Syariah	1,000	1,000
	<u>157,209</u>	<u>155,369</u>

7. PEMBIAYAAN KEPADA ANGGOTA

	2024 RM	2023 RM
Baki pada awal tahun kewangan	3,937,244	3,677,096
Tambahan dalam tahun	<u>2,517,911</u>	<u>2,338,331</u>
	6,455,155	6,015,427
Tolak : Bayaran kembali	<u>(2,689,815)</u>	<u>(2,078,183)</u>
Baki pada akhir tahun kewangan	<u>3,765,340</u>	<u>3,937,244</u>
Jumlah perlu dibayar balik dalam masa 12 bulan	2,480,077	2,501,696
Jumlah perlu dibayar balik lebih dari 12 bulan	<u>1,285,263</u>	<u>1,435,548</u>
	<u>3,765,340</u>	<u>3,937,244</u>

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2024 (Bersambung)

7. PEMBIAYAAN KEPADA ANGGOTA - Bersambung

Pembiayaan kepada Anggota terdiri dari pembiayaan berjamin, pembiayaan 80% dari modal yuran, pembiayaan bagi pembelian alat-alat elektrik dan perabot, pembiayaan insuran kereta serta cukai jalan; dan pembiayaan kecemasan.

Surat pengesahan telah diedarkan oleh Koperasi kepada kesemua Anggota Koperasi yang mempunyai baki pinjaman pada 31 Disember 2024. Keputusan edaran adalah seperti berikut :-

	Bilangan	Jumlah RM
Ahli yang mengesahkan	390	1,905,880
Tiada jawapan	683	1,859,460
Jumlah	<u>1,073</u>	<u>3,765,340</u>
Peratus kejayaan	<u>36.35%</u>	<u>50.62%</u>

8. ASET KUMPULAN WANG RIZAB STATUTORI

	2024 RM	2023 RM
Di Cawangan Pasir Gudang, Johor :-		
Deposit tetap di CIMB Bank Berhad	60,220	58,668
Deposit tetap di Bank Kerjasama Rakyat (M) Berhad	540,697	522,365
Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad	82,197	-
	<u>683,114</u>	<u>581,033</u>

9. DEPOSIT TETAP

Deposit tetap adalah di CIMB Bank Berhad dan dicagarkan sebagai jaminan bagi kemudahan overdraf yang diperolehi oleh Koperasi.

10. INVENTORI

	2024 RM	2023 RM
Minyak kenderaan bermotor	138,415	110,635
Minyak pelincir kenderaan bermotor	14,353	1,232
Makanan ringan dan minuman	598	8,267
Pewangi kenderaan	5,854	16,255
Lain - lain inventori	8,783	13,703
Kedai harga patut COOPMART	55,541	65,706
	<u>223,544</u>	<u>215,798</u>

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2024
(Bersambung)

11. PENGHUTANG PERDAGANGAN

	2024	2023
	RM	RM
Penghutang perdagangan induk	101,000	118,000
Penghutang perdagangan stesen minyak	331,032	396,067
Penghutang perdagangan Kedai harga patut COOPMART	535,299	109,515
	<u>967,331</u>	<u>623,582</u>

12. PELBAGAI PENGHUTANG DAN DEPOSIT

	2024	2023
	RM	RM
Pelbagai penghutang	1,114,388	872,601
Pelbagai deposit	203,500	203,500
Deposit utiliti	95,173	48,341
	<u>1,413,061</u>	<u>1,124,442</u>

13. WANG DI BANK DAN DI TANGAN

	2024	2023
	RM	RM
<u>Wang di bank :-</u>		
Akaun Pejabat :-		
- Akaun semasa di CIMB Bank Berhad, Pasir Gudang	12,408	11,409
- Akaun semasa di Bank Islam Malaysia Berhad, Pasir Gudang	884	904
- Akaun semasa di Bank Kerjasama Rakyat (M) Berhad, Masai	288,858	66,876
- Akaun semasa di Bank Kerjasama Rakyat (M) Berhad, Masai	18,418	18,127
Akaun Stesen Minyak :-		
- Akaun semasa di MBB Berhad, Pasir Gudang	338,547	195,390
- Akaun semasa di MBB Berhad, Pasir Gudang	9,945	9,945
- Akaun semasa di CIMB Bank Berhad, Pasir Gudang	80,585	56,485
- Akaun semasa di Bank Kerjasama Rakyat (M) Berhad, Masai	226,862	338,869
Akaun Kedai Harga Patut COOPMART:-		
- Akaun semasa di Bank Kerjasama Rakyat (M) Berhad, Masai	2,960	19,810
	<u>979,467</u>	<u>717,815</u>

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2024
(Bersambung)

13. WANG DI BANK DAN DI TANGAN - Bersambung

	2024 RM	2023 RM
<u>Tunai di tangan :-</u>		
Akaun Pejabat	29	24
Akaun Stesen Minyak	213	251
Akaun Kedai Harga Patut COOPMART	8,818	3,616
	<u>9,060</u>	<u>3,891</u>
 Jumlah	 <u>988,527</u>	 <u>721,706</u>

14. MODAL SYER ANGGOTA

	2024 RM	2023 RM
Baki pada awal tahun	251,503	254,053
Tambahan dalam tahun	10,103	15,150
	<u>261,606</u>	<u>269,203</u>
Tolak : Pemberhentian dalam tahun	(13,850)	(17,700)
Baki pada akhir tahun	<u>247,756</u>	<u>251,503</u>

BILANGAN ANGGOTA KOPERASI

	2024	2023
Baki pada awal tahun	1,096	1,096
Tambahan dalam tahun	29	58
Tolak : Pemberhentian anggota	(52)	(58)
Baki pada akhir tahun	<u>1,073</u>	<u>1,096</u>

Surat pengesahan telah diedarkan oleh Koperasi kepada semua Anggota Koperasi mengikut daftar Koperasi. Keputusan edaran adalah seperti berikut:-

	Bilangan	Syer RM
Ahli yang mengesahkan	390	97,650
Tiada jawapan	683	150,106
Jumlah	<u>1,073</u>	<u>247,756</u>
 Peratus kejayaan	 <u>36.35%</u>	 <u>39.41%</u>

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2024
(Bersambung)

15. MODAL YURAN ANGGOTA

	2024	2023
	RM	RM
Baki pada awal tahun kewangan	5,844,850	5,618,327
Tambahan dalam tahun	866,175	790,376
	<u>6,711,025</u>	<u>6,408,703</u>
Tolak : Pemberhentian dalam tahun	(476,374)	(563,853)
Baki pada akhir tahun kewangan	<u>6,234,651</u>	<u>5,844,850</u>

BILANGAN ANGGOTA KOPERASI

	2024	2023
Baki pada awal tahun	1,096	1,096
Tambahan dalam tahun	29	58
Tolak : Pemberhentian anggota	(52)	(58)
Baki pada akhir tahun	<u>1,073</u>	<u>1,096</u>

Surat pengesahan telah diedarkan oleh Koperasi kepada semua Anggota Koperasi mengikut daftar Koperasi. Keputusan edaran adalah seperti berikut:-

	Bilangan	Syer
		RM
Ahli yang mengesahkan	390	97,650
Tiada jawapan	683	150,106
Jumlah	<u>1,073</u>	<u>247,756</u>
Peratus kejayaan	<u>36.35%</u>	<u>39.41%</u>

16. KUMPULAN WANG PENEBUSAN SYER

	2024	2023
	RM	RM
Baki pada awal tahun	28,483	25,383
Pindahan dalam tahun	4,648	3,100
Baki pada akhir tahun	<u>33,131</u>	<u>28,483</u>

17. KUMPULAN WANG KEBAJIKAN AM

	2024	2023
	RM	RM
Baki pada awal tahun	195,268	184,255
Tambahan dalam tahun	34,308	34,308
	<u>229,576</u>	<u>218,563</u>
Tolak : Pengeluaran dalam tahun	(23,295)	(23,295)
Baki pada akhir tahun	<u>206,281</u>	<u>195,268</u>

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2024
(Bersambung)

18. KUMPULAN WANG GANJARAN PEKERJA

	2024	2023
	RM	RM
Baki pada awal tahun	15,498	-
Pembahagian dalam tahun	23,241	15,498
Baki pada akhir tahun	<u>38,739</u>	<u>15,498</u>

19. KUMPULAN WANG PENYELENGGARAAN STESEN

	2024	2023
	RM	RM
Baki pada awal tahun	52,693	-
Pembahagian dalam tahun	79,018	52,693
Baki pada akhir tahun	<u>131,711</u>	<u>52,693</u>

20. KUMPULAN WANG RIZAB STATUTORI

	2024	2023
	RM	RM
Baki pada awal tahun	1,182,273	1,134,303
Pembahagian dalam tahun	71,935	47,970
Baki pada akhir tahun	<u>1,254,208</u>	<u>1,182,273</u>

21. PINJAMAN SKM

	2024	2023
	RM	RM
Jumlah perlu dibayar balik dalam masa 12 bulan	202,976	234,821
Jumlah perlu dibayar balik lebih dari 12 bulan	-	202,976
	<u>202,976</u>	<u>437,797</u>

Pinjaman sebanyak RM 2,000,000 diperolehi dari Tabung Modal Pusingan, SKM yang bertujuan untuk penambahan modal untuk aktiviti pinjaman kepada anggota. Kadar faedah yang dikenakan ialah sebanyak 4% atas baki bulanan berjumlah RM 418,576.03. Pinjaman ini perlu dibayar balik selama 117 ansuran bulanan sebanyak RM 20,671.59 sebulan

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2024
(Bersambung)

22. PINJAMAN BERJANGKA

	2024	2023
	RM	RM
Jumlah perlu dibayar balik dalam masa 12 bulan	111,360	111,360
Jumlah perlu dibayar balik lebih dari 12 bulan	499,416	620,423
	<u>610,776</u>	<u>731,783</u>

Pinjaman yang diperolehi di bawah “ Property Financing – i Facility ” dari Bank Rakyat Malaysia Berhad adalah bertujuan untuk membiayai pembelian 3 unit rumah kedai dua tingkat di No. HS(D) 432774 Lot No. PTD 184900, HS(D) 432773 Lot No. PTD 184899 dan HS(D) 732772 Lot No. PTD 184898 Mukim Plentong, Daerah Johor Bahru. Ianya dijamin secara “ First Party First Fixed Legal Charges” ke atas hartanah tersebut. Kadar faedah yang dikenakan ialah pada kadar asas pinjaman bank iaitu 5.58%. Pinjaman ini perlu dibayar balik selama 240 ansuran bulanan.

23. DEPOSIT ANGGOTA

	2024	2023
	RM	RM
Baki pada awal tahun	46,682	57,091
Tambah : Terimaan dalam tahun	80,666	44,500
: Faedah deposit Anggota	3,372	16,625
	<u>130,720</u>	<u>118,216</u>
Tolak : Bayaran balik dalam tahun	(57,955)	(71,534)
Baki pada akhir tahun	<u>72,765</u>	<u>46,682</u>

24. PELBAGAI PEMIUTANG

	2024	2023
	RM	RM
Akaun bekas Anggota	8,791	8,791
Juruaudit luar	9,000	9,000
Deposit minyak diterima	321,490	191,000
Deposit sewa diterima	52,470	53,670
Pelbagai pemiutang	873,537	442,279
Honorarium Anggota Lembaga	51,129	30,996
Sumbangan kepada Angkasa	11	11
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi	11,067	7,380
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi	5,533	3,690
	<u>1,333,028</u>	<u>746,817</u>

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2024 (Bersambung)

25. PERUNTUKAN DIVIDEN

	2024 RM	20223 RM
Baki pada awal tahun	137,717	78,775
Tambah : Peruntukan dalam tahun	189,138	137,717
	326,855	216,492
Tolak : Bayaran dalam tahun	(137,717)	(78,775)
Baki pada akhir tahun	189,138	137,717

26. CUKAI PENDAPATAN

Tiada peruntukan cukai di buat di dalam tahun ini kerana Koperasi tidak mempunyai pendapatan bercukai.

27. DIVIDEN DICADANGKAN

Anggota Lembaga Koperasi bercadang untuk membayar dividen bagi tahun ini sebanyak 3.25% (2023 : 2.5%) atau RM 189,138 atas baki modal syer dan yuran anggota pada 30 Jun 2024 tertakluk pada kelulusan Mesyuarat Agung dan pihak berkuasa berkenaan.

Pada Mesyuarat Agung Tahunan kali ke 37 yang diadakan pada 29 Jun 2024 pembayaran 2.5% dividen untuk tahun berakhir 31 Disember 2023 telah diluluskan.

28. PELARASAN BUKAN OPERASI

	2024 RM	2023 RM
Peruntukan cukai terlebih catat tahun – tahun terdahulu	-	169,552
Honorarium anggota lembaga terkurang catat tahun terdahulu	3,534	-
	3,534	169,552

29. ELAUN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI

	2024 RM	2023 RM
(i) Akaun Pejabat		
Hj Abdul Razak bin Yaacob [Pengerusi]	7,200	7,200
Hj Abd Rahman bin Omar	2,100	4,200
Hj Azmal bin Zakaria [Bendahari]	6,000	6,000
Shamsornahar bin Mohd Noor [T. Pengerusi]	5,400	5,400

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2024
(Bersambung)

29. ELAUN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI - Bersambung

	2024 RM	2023 RM
Othman bin Cheros	4,200	4,200
Razak bin Mohd Sharif	4,200	4,200
Hj Mohd Shah bin Ibrahim	4,200	4,200
Mohd Hassan bin Mum Pahat [Setiausaha]	6,000	6,000
Hussein bin Embi	4,200	4,200
Sheafik Affendi bin Ismail	4,200	4,200
Hj Yaakob bin Mohd Ali	4,200	4,200
Jaini bin Jaffar	4,200	4,200
Mohd Faizal bin Ismail	2,100	-
	<u>58,200</u>	<u>58,200</u>
<u>(ii) Akaun Stesen Minyak</u>		
Hj Azmal bin Zakaria [Bendahari]	2,400	2,605
Othman bin Cheros	1,280	1,244
Hj Mohd Shah bin Ibrahim	1,280	1,230
Hj Abdul Razak bin Yaacob	200	150
	<u>5,160</u>	<u>5,229</u>
<u>(iii) Akaun Kedai Harga Patut COOPMART</u>		
Jaini bin Jaffar	4,200	4,198
	<u>4,200</u>	<u>4,198</u>
 Jumlah	 <u>67,560</u>	 <u>67,627</u>

30. ELAUN JURUAUDIT DALAM

	2024 RM	2023 RM
Aman bin Yusof	3,600	3,600
Syed Mahmod bin Syed Mokhtar	900	3,600
Hj Abd Rahman bin Omar	1,800	-
	<u>6,300</u>	<u>7,200</u>

31. KELULUSAN UNTUK MENGEDARKAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan Koperasi untuk tahun berakhir 31 Disember 2024 diluluskan untuk diedarkan berdasarkan kepada resolusi Anggota Lembaga Koperasi yang bertarikh **19 MAY 2025**

BELANJAWAN TAHUN 2026

	BAJET 2026 (RM)	SEMAKAN 2025 (RM)	BAJET 2025 (RM)
PENDAPATAN			
Jualan dari Kegiatan Stesen Minyak	12,500,000	12,500,000	12,500,000
Jualan dari Kegiatan KedaiCOOPMART	1,000,000	1,000,000	750,000
Keuntungan Pembiayaan Anggota	482,000	480,000	470,000
Sewa diterima dari Rumah Kedai	170,000	170,000	170,000
Dividen diterima	18,000	18,000	17,521
Pelbagai pendapatan Stesen Minyak	13,000	13,000	12,000
Pelbagai pendapatan COOPMART	14,000	14,000	300
Komisen insurans	5,000	5,000	6,500
Faedah atas simpanan semasa	3,000	3,000	1,000
Faedah atas simpanan tetap	17,000	17,000	-
Perkhidmatan Public Bank Berhad	1,000	1,000	2,000
Komisen pemfaktoran	3,000	3,000	3,000
Lain-lain pendapatan	1,000	1,000	6,000
JUMLAH PENDAPATAN KASAR	14,227,000	14,225,000	13,938,321

TOLAK : PERBELANJAAN

Air dan elektrik	10,000	10,000	9,000
Alatulis dan percetakan	4,000	4,000	4,500
Bayaran bank	600	600	200
Bayaran yuran juruaudit luar	10,000	10,000	9,900
Bayaran yuran percukaian	1,000	1,000	3,000
Bayaran professional	5,000	5,000	6,600
Belanja Mesyuarat Agong	90,000	90,000	90,000
Belanja Mesyuarat Anggota Lembaga	4,000	4,000	4,200
Denda	500	500	-
Derma	6,000	6,000	10,000
Elaun Anggota Lembaga Koperasi	75,000	75,000	75,000
Elaun kehadiran mesyuarat	7,000	7,000	5,500
Elaun juruaudit dalam	10,000	10,000	7,500
Faedah pinjaman TMP-SKM	15,000	15,000	25,000
Faedah deposit Anggota	2,300	2,300	2,200
Fi BURSA (pembiayaan)	600	600	700
Gaji, elaun dan bonus pekerja	165,000	165,000	165,000
Hutang waham pelbagai penghutang	1,000	1,000	1,000
Kursus dan Seminar	7,000	7,000	5,000
Keraian	9,000	9,000	8,000
KWSP	35,000	35,000	19,000
Lesen	1,000	1,000	1,000

BELANJAWAN TAHUN 2026 - Bersambung

	BAJET 2026 (RM)	SEMAKAN 2025 (RM)	BAJET 2025 (RM)
PEBELANJAAN - Bersambung			
Perbelanjaan Stesen Minyak	12,000,000	12,000,000	12,200,000
Perbelanjaan Hartanah	75,000	75,000	85,000
Perbelanjaan COOPMART	900,000	900,000	700,000
Pelbagai belanja	10,000	10,000	10,000
Perjalanan	7,000	7,000	7,000
PERKESO	4,000	4,000	2,600
Perkhidmatan cuci pejabat	1,800	1,800	1,980
Perubatan	66,000	66,000	66,000
Pertambahan rosotnilai pelaburan	500	500	500
Pemasaran	5,000	5,000	5,500
Selenggaraan komputer	20,000	18,000	18,000
Selenggaraan kenderaan	1,200	1,200	1,200
Selenggaraan pembentungan	1,000	1,000	1,000
Speakar (Angkasa)	350	350	300
Sewa mesin fotostat	3,400	3,400	3,500
Setem dan pos	200	200	200
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	3,000	3,000	3,500
SIP	550	550	300
Telefon	5,000	5,000	5,000
JUMLAH PERBELANJAAN	13,563,000	13,561,000	13,563,880
UNTUNG / (RUGI) BERSIH	664,000	664,000	374,441

MELULUSKAN ELAUN YANG AKAN DIBERIKAN KEPADA ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI BAGI TAHUN 2026

JAWATAN	ELAUN (RM)
Pengerusi	700.00
Timbalan Pengerusi	550.00
Setiausaha	600.00
Bendahari	600.00
Anggota Lembaga Koperasi	450.00
Jawatankuasa Audit Dalaman	400.00
Ketua Biro Caltex	200.00
AJK Caltex	90.00
Ketua Biro CoopMart	500.00

MENDENGAR, MENIMBANG ATAU MEMUTUSKAN APA-APA CADANGAN ATAU HAL URUSAN LAIN KOPERASI YANG BAGINYA SUATU NOTIS TIDAK KURANG DARIPADA TUJUH HARI SEBELUM MESYUARAT AGUNG DIPANGGIL TELAH DIBERIKAN KEPADA KOPERASI

- Usul 1 : Kemaskini profil / maklumat diri sepatutnya boleh di buat atas talian iaitu melalui website koop
- Usul 2 : Buka kedai koop di dalam Kawasan Johor Port Berhad. Mudah untuk ahli koop membeli barang-barang keperluan

Pembawa Usul

Nama Anggota : Zuraini Abdul Karim
No. Anggota : 1468

Penyokong Usul

Nama Anggota : Zamrib Md Zin
No. Anggota : 2998

Tarikh terima usul : **12 JUN 2025**

KOPERASI PELABUHAN JOHOR BERHAD

ATURAN PEMBIAYAAN ANGGOTA

Tajuk dan tarikh kuatkuasa

1. (1) Aturan ini dinamakan Aturan Pembiayaan Anggota.
- (2) Aturan ini diwujudkan di bawah fasal 9(3) Undang-undang Kecil Koperasi Pelabuhan Johor Berhad.
- (3) Aturan ini hendaklah mula berkuatkuasa pada 21 Jun 2025.

Tafsiran

2. Di dalam aturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-

“Koperasi” ertinya Koperasi Pelabuhan Johor Berhad;

“Anggota” ertinya seseorang yang telah diterima sebagai anggota Koperasi menurut peruntukan Undang-undang Kecil Koperasi;

“Pengurusan Koperasi” ertinya adalah Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha, Bendahari atau pegawai yang diberi kuasa;

“Tawarruq” ertinya transaksi jual beli komoditi Crude Palm Oil berasaskan pembayaran tangguh secara Murabaha atau Musawamah, dan kemudiannya komoditi akan dijual secara tunai kepada pihak ketiga bagi mendapatkan tunai;

“Komoditi” ertinya sandaran harta untuk aktiviti jual beli di antara pemohon dan Koperasi iaitu Crude Palm Oil (CPO);

“Harga jual” ertinya Koperasi menjual CPO yang dibeli kepada pemohon dengan harga tangguh termasuk keuntungan;

“Harga beli” ertinya harga tunai diberikan kepada pemohon mengikut jumlah pembiayaan yang dipohon;

“Keuntungan” ertinya harga jual komoditi di tolak dengan harga beli komoditi;

“Murabaha” ertinya transaksi pembelian dan penjualan di mana harga kos dan margin keuntungan diketahui dan dipersetujui oleh pihak yang berkontrak, dengan pembayaran dibuat secara penuh atau ansuran;

“Wakalah” ertinya seseorang yang diberi kuasa oleh anggota untuk menjalankan urusan jual beli komoditi CPO berkonsepkan Tawarruq; dan

"Penjamin" ertinya orang yang menanggung hutang anggota sekiranya bayaran balik gagal dijelaskan.

Tujuan

3. Aturan ini disediakan bertujuan untuk menggariskan panduan pelaksanaan aktiviti pembiayaan selaras dengan kehendak Undang-undang Kecil 9(3).

Sumber kewangan

4. (1) Modal untuk menjalankan aktiviti pembiayaan ini boleh diperolehi dari sumber-sumber berikut:

- (a) Sumber dalaman Koperasi; atau
 - (b) Sumber luaran.
- (2) Sumber dalaman boleh diperolehi daripada:
- (a) Yuran, syer, simpanan khas anggota;
 - (b) Dana daripada aktiviti perniagaan stesen minyak; atau
 - (c) Peruntukan dari keuntungan bersih yang diluluskan di dalam mesyuarat agung tahunan.
- (3) Sumber luaran boleh diperolehi daripada:
- (a) Tabung Modal Pusingan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM);
 - (b) pembiayaan daripada institusi-institusi kewangan yang berdaftar dengan Bank Negara Malaysia; atau
 - (c) bukan anggota tertakluk kepada kelulusan Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Pentadbiran dan pengurusan

5. (1) Aktiviti pembiayaan anggota ini dianggotai oleh Biro Pembiayaan (Biro) yang terdiri daripada Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari yang dilantik dalam mesyuarat lembaga koperasi.

(2) Biro atau Pengurus Koperasi hendaklah bertanggungjawab kepada Lembaga dari segi perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan pelaporan aktiviti pembiayaan.

- (3) Biro atau Pengurus Koperasi hendaklah bertanggungjawab-
- (a) menyelia dan memantau pekerja;

- (b) memastikan pelaksanaan, pemantauan, dan pengurusan aktiviti pembiayaan anggota dilaksanakan dengan teratur, berkesan dan selaras dengan dasar serta peraturan yang telah ditetapkan dalam aturan;
- (c) menggubal dan melaksanakan dasar serta garis panduan pembiayaan anggota termasuk had kelayakan, tempoh bayaran balik, kadar keuntungan, syarat cagaran atau penjamin dan lain-lain syarat pembiayaan;
- (d) menyelaraskan dan mengurus proses permohonan pembiayaan anggota, termasuk semakan dokumen, penilaian kelayakan, penyediaan surat tawaran dan perjanjian pembiayaan, serta pengeluaran amaun pembiayaan yang diluluskan;
- (e) memastikan kutipan bayaran balik pembiayaan dibuat secara tetap mengikut jadual yang dipersetujui serta mengambil tindakan sewajarnya terhadap anggota yang gagal menjelaskan bayaran mengikut terma perjanjian pembiayaan;
- (f) menyediakan dan menyimpan semua rekod serta dokumen berkaitan pembiayaan secara sistematik dan boleh diakses bagi tujuan audit dan pemantauan dalaman; dan
- (g) mengambil tindakan susulan terhadap pembiayaan yang berisiko, termasuk cadangan tindakan pemulihan, rundingan penyusunan semula pembiayaan, atau tindakan undang-undang tertakluk kepada kelulusan Lembaga.

Kemudahan dan had pembiayaan

6. Jenis-jenis kemudahan pembiayaan yang disediakan kepada anggota adalah seperti berikut:

- (a) Pembiayaan berjamin dengan had maksimum sebanyak RM20,000.00 bagi setiap permohonan;
- (b) Pembiayaan lapan puluh peratus (80%) daripada jumlah yuran terkumpul, dengan had pembiayaan ditentukan berdasarkan peratusan semasa yuran anggota;
- (c) Pembiayaan kecemasan dengan had maksimum sebanyak RM1,000.00; dan
- (d) Pembiayaan takaful kenderaan dengan had pembiayaan adalah mengikut jumlah sebenar yang dinyatakan dalam sebuhtarga perlindungan takaful yang diluluskan oleh koperasi.

Tempoh pembiayaan

7. (1) Tempoh maksimum bagi pembiayaan berjamin adalah sehingga sembilan puluh enam bulan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh Pengurusan Koperasi.

(2) Tempoh maksimum bagi pembiayaan sebanyak lapan puluh peratus (80%) daripada jumlah yuran terkumpul adalah sehingga enam puluh bulan.

(3) Tempoh maksimum bagi pembiayaan kecemasan dan pembiayaan bagi tujuan perlindungan takaful kenderaan adalah sehingga enam bulan.

Terma dan syarat-syarat

8. (1) Permohonan bagi pembiayaan berjamin sebanyak RM10,000.00 hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- (a) Anggota mempunyai modal syer minimum RM250.00;
- (b) Anggota mempunyai jumlah yuran terkumpul tidak kurang daripada RM1,700.00;
- (c) Rekod potongan gaji anggota adalah bebas daripada sebarang masalah atau tunggakan; dan
- (d) Permohonan hendaklah disokong oleh tiga orang penjamin yang merupakan anggota aktif koperasi dan memenuhi syarat kelayakan sebagai penjamin yang ditetapkan oleh Pengurusan Koperasi.

(2) Permohonan bagi pembiayaan berjamin sebanyak RM10,000.00 ke atas hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- (a) Anggota mempunyai modal syer minimum sebanyak RM250.00;
- (b) Anggota mempunyai jumlah yuran terkumpul tidak kurang daripada RM7,000.00;
- (c) Rekod potongan gaji anggota adalah bebas daripada sebarang masalah atau tunggakan; dan
- (d) Permohonan hendaklah disokong oleh tiga orang penjamin yang merupakan anggota aktif koperasi dan memenuhi syarat kelayakan sebagai penjamin yang ditetapkan oleh Pengurusan Koperasi.

(3) Permohonan bagi pembiayaan 80% daripada yuran terkumpul adalah sama dinyatakan dalam peraturan 8(2) kecuali peraturan 8(2)(d) dimana pembiayaan ini tidak memerlukan penjamin.

(4) Permohonan bagi pembiayaan cemas sebanyak RM500.00 dan RM1,000.00 hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- (a) Anggota mempunyai modal syer minimum sebanyak RM250.00;
 - (b) Anggota mempunyai jumlah yuran terkumpul tidak kurang daripada RM1,2000.00;
 - (c) Rekod potongan gaji anggota adalah bebas daripada sebarang masalah atau tunggakan; dan
 - (d) Tidak diperlukan penjamin sekiranya anggota mempunyai jumlah yuran terkumpul sebanyak RM3,000.00
- (5) Permohonan bagi pembiayaan takaful kenderaan adalah sama dinyatakan dalam peraturan 8(4).
- (6) Anggota yang mempunyai rekod potongan gaji bulanan yang tidak mencukupi bagi bayaran ansuran pembiayaan terdahulu adalah tidak layak memohon pembiayaan baharu, kecuali selepas menunjukkan potongan gaji yang mencukupi selama tiga bulan berturut-turut, sebagaimana disahkan oleh Pejabat Koperasi.
- (7) Bagi anggota yang telah diluluskan pembiayaan berjamin atau pembiayaan 80% daripada yuran, permohonan pembiayaan cemas hanya dibenarkan sekiranya potongan ansuran bagi pembiayaan terdahulu telah berjalan melebihi tempoh enam bulan berturut-turut.
- (8) Lain-lain syarat tambahan yang tidak dinyatakan secara khusus dalam araturan ini adalah tertakluk kepada budi bicara dan keputusan Pengurusan Koperasi dari semasa ke semasa, selagi mana tidak bercanggah dengan Undang-Undang Kecil Koperasi dan garis panduan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Pembiayaan bertindih (Overlap)

9. (1) Anggota yang masih mempunyai baki hutang di koperasi adalah dibenarkan untuk memohon pembiayaan bertindih (overlap) ke atas semua hutang sedia ada, termasuk tanggungan (jika ada), tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) Pembiayaan berjamin atau pembiayaan 80% yuran semasa telah dijelaskan sekurang-kurangnya lima puluh peratus (50%) daripada jumlah asal pembiayaan yang diluluskan; atau
 - (b) Anggota telah membuat bayaran ansuran secara potongan gaji tidak kurang daripada tiga puluh enam bulan berturut-turut bagi pembiayaan berjamin atau pembiayaan 80% yuran;
 - (c) Sekiranya anggota mempunyai tanggungan pembiayaan lain, maka jumlah tanggungan tersebut hendaklah ditolak daripada jumlah pembiayaan overlap yang diluluskan; dan
 - (d) Rekod potongan gaji anggota adalah bebas daripada sebarang masalah atau tunggakan.

(2) Pembiayaan bertindih (overlap) pembiayaan cemas dengan pembiayaan cemas sedia ada adalah tidak dibenarkan.

Penyelesaian awal baki pembiayaan anggota

10. (1) Anggota yang berhasrat untuk menyelesaikan lebih awal semua hutang-hutangnya di koperasi, termasuk sebarang tanggungan yang masih belum dijelaskan (jika ada), adalah dibenarkan berbuat demikian dengan syarat bayaran penuh hendaklah dibuat secara terus ke akaun bank rasmi Koperasi.

(2) Kadar peratusan yang dikenakan bagi penyelesaian awal pembiayaan untuk pembiayaan berjamin dan 80% daripada yuran adalah dua peratus daripada baki terkini pembiayaan.

Tanggungjawab anggota yang memohon pembiayaan

11. Adalah menjadi tanggungjawab anggota yang memohon kemudahan pembiayaan berjamin atau 80% daripada yuran untuk melaksanakan perkara-perkara berikut:

- (a) Melengkapkan borang permohonan pembiayaan dengan sempurna, termasuk penyediaan dokumen sokongan seperti salinan kad pengenalan anggota dan penjamin-penjamin dan salinan penyata gaji pemohon selama tiga bulan;
- (b) Melantik Koperasi sebagai wakil bagi menjalankan akad jual beli komoditi di bawah prinsip pembiayaan patuh Syariah (Tawarruq);
- (c) Membayar caj bank sebanyak RM1.00, yang ditolak terus daripada jumlah pembiayaan yang diluluskan;
- (d) Membayar caj pelaporan kredit sebanyak RM10.00 yang ditolak daripada pembiayaan yang diluluskan;
- (e) Penolakan Baucar Coopmart sebanyak RM50.00 yang ditolak daripada pembiayaan yang diluluskan;
- (f) Membayar fi wasiat sebanyak RM500.00, yang ditolak daripada jumlah pembiayaan berjumlah RM20,000.00 sahaja. Fi ini dikenakan sekali sahaja sepanjang tempoh keanggotaan anggota dalam Koperasi;
- (g) Membenarkan potongan sebanyak dua peratus daripada jumlah pembiayaan berjamin yang diluluskan untuk dimasukkan ke dalam Tabung Kebajikan Am sebagai perlindungan pembiayaan sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal kepada pemohon;

- (h) Membuat bayaran balik Harga Jual yang dipersetujui bersama melalui potongan gaji bulanan secara tetap dan tanpa gagal, sebagaimana yang diperuntukkan dalam perjanjian pembiayaan; dan
- (i) Sekiranya berlaku kekurangan pada jumlah potongan ansuran bulanan berbanding jumlah sebenar ansuran pembiayaan, maka amaun kekurangan tersebut akan dikontrakan secara automatik dengan simpanan yuran anggota pada setiap bulan sehingga amaun ansuran mencukupi.

Tanggungjawab penjamin

12. (1) Seseorang anggota yang bertindak sebagai penjamin hendaklah tertakluk kepada syarat dan tanggungjawab berikut:

- (a) Seorang penjamin tidak boleh menjamin lebih daripada tiga (3) permohonan pembiayaan berjamin oleh anggota lain;
- (b) Potongan gaji terhadap penjamin akan dikuatkuasakan serta-merta tanpa sebarang notis sekiranya Koperasi mendapati bahawa ansuran pembiayaan gagal diterima melalui potongan gaji peminjam yang dijamin; dan
- (c) Tempoh maksimum potongan gaji ke atas penjamin yang ditanggung atas pembiayaan anggota lain adalah dua puluh empat bulan sahaja dari bulan potongan pertama.

(2) Sekiranya penjamin menamatkan keanggotaan dalam Koperasi semasa tempoh jaminan masih berkuat kuasa, maka anggota yang menerima pembiayaan adalah bertanggungjawab untuk melantik penjamin baharu dalam tempoh yang ditetapkan oleh Koperasi.

(3) Kegagalan anggota untuk melantik penjamin baharu tersebut memberi kuasa kepada Koperasi untuk menahan yuran dan modal syer milik penjamin asal, serta menangguhkan sebarang tindakan pelaksanaan pelarasan hutang (kontra) ke atas penjamin berkenaan, sekiranya terdapat sebarang tanggungan atau liabiliti yang masih belum diselesaikan.

Akaun dan audit

13. (1) Koperasi hendaklah menyenggara dengan sempurna dan kemaskini rekod perakaunan dan rekod lain mengenai tiap-tiap transaksi dan kedudukan kewangan berkaitan aktiviti pembiayaan.

(2) Catatan dalam rekod perakaunan dan rekod lain menurut peraturan 13(1) hendaklah dibuat dengan seberapa segera tetapi tidak lewat daripada tiga puluh hari dari selesai sesuatu transaksi.

(3) Tahun kewangan bagi aktiviti pembiayaan hendaklah mengikut tahun kewangan Koperasi.

Kuasa meluluskan pembiayaan

14. Kuasa untuk meluluskan semua produk pembiayaan anggota adalah terletak kepada Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha, Bendahari atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Pengurusan Koperasi, tertakluk kepada peruntukan dalam Aturan ini dan sebarang pindaan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

Pinjaman dana daripada aktiviti perniagaan lain koperasi

15. (1) Tertakluk kepada kelulusan Pengurusan Koperasi, sekiranya pelaksanaan aktiviti pembiayaan menggunakan sumber dana daripada mana-mana aktiviti perniagaan lain milik Koperasi, maka jumlah dana yang diperuntukkan tersebut hendaklah direkodkan sebagai dana sokongan modal sementara dan dilaporkan sebagai liabiliti sementara dalam rekod kewangan aktiviti pembiayaan.

(2) Apabila aktiviti pembiayaan mencapai tahap kestabilan operasi dan menunjukkan keupayaan menjana keuntungan bersih secara konsisten, dana sokongan modal sementara tersebut hendaklah dipulangkan sepenuhnya kepada akaun aktiviti perniagaan yang menjadi sumber peruntukan asal, tertakluk kepada pengesahan kewangan oleh pihak yang diberi kuasa oleh Pengurusan Koperasi.

(3) Pemulangan dana tersebut hendaklah dilaksanakan secara penuh mengikut amaun sebenar yang telah diperuntukkan, tanpa sebarang faedah, pulangan, keuntungan, mahupun caj tambahan dan direkodkan sebagai pindahan dalaman antara aktiviti perniagaan milik Koperasi.

Lain-lain

16. (1) Tertakluk kepada kelulusan Lembaga dan peruntukan dalam Aturan ini, mana-mana Anggota Lembaga Koperasi (ALK) yang bersara memohon kemudahan pembiayaan daripada Koperasi hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (a) Tempoh maksimum pembiayaan yang dibenarkan adalah terhad kepada tempoh lantikan semasa sebagai ALK, dan dalam apa jua keadaan tidak boleh melebihi tiga tahun;
- (b) Jumlah pembiayaan yang diluluskan adalah terhad kepada kemampuan berdasarkan jumlah elaun bulanan rasmi yang diterima sepanjang tempoh lantikan tersebut;
- (c) Bayaran balik pembiayaan hendaklah dibuat melalui potongan ke atas elaun bulanan. Sebarang bayaran balik secara tunai atau manual adalah tidak dibenarkan semasa tempoh lantikan masih berkuat kuasa;
- (d) Permohonan pembiayaan bertindih (overlap) adalah tidak dibenarkan selagi mana terdapat baki pembiayaan terdahulu yang

belum diselesaikan sepenuhnya.

(2) Sekiranya seseorang ALK tidak dilantik semula ke jawatan Lembaga, tetapi masih mempunyai baki pembiayaan yang belum diselesaikan, maka bekas ALK tersebut hendaklah meneruskan bayaran ansuran bulanan pembiayaan secara langsung ke akaun bank rasmi Koperasi dalam tempoh dan amaun yang ditetapkan.

(3) Sekiranya bekas ALK gagal menjelaskan bayaran ansuran bulanan melebihi satu bulan, maka Koperasi mempunyai kuasa untuk mengambil sebarang tindakan yang difikirkan wajar bagi melindungi kepentingan Koperasi, termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- (a) Melaksanakan potongan gaji ke atas penjamin yang terlibat;
- (b) Melaksanakan penahanan atau pelarasan (kontra) ke atas yuran dan modal syer milik penjamin; atau
- (c) Menahan sebarang pembayaran honorarium atau imbuhan lain yang masih belum disalurkan kepada bekas ALK tersebut.

Akta, Peraturan dan Undang-undang Kecil

17. Aturan ini adalah tambahan kepada Undang-undang Kecil Koperasi ini dan hendaklah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta Koperasi 1993 dan Peraturan-peraturan hendaklah dibaca bersekali.

Pembatalan aturan terdahulu

18. Dengan berkuatkuasanya Aturan ini, maka segala dasar, garis panduan, pekeling, keputusan pengurusan, atau apa-apa peraturan terdahulu yang berkaitan dengan pembiayaan anggota yang bercanggah atau tidak selaras dengan peruntukan Aturan ini adalah dengan ini terbatal dan tidak lagi berkuat kuasa.

KOPERASI PELABUHAN JOHOR BERHAD

ATURAN TABUNG KEBAJIKAN AM

Tajuk dan tarikh kuatkuasa

1. (1) Aturan ini dinamakan Aturan Tabung Kebajikan Am.
- (2) Aturan ini diwujudkan di bawah fasal 9(3) Undang-undang Kecil Koperasi Pelabuhan Johor Berhad.
- (3) Aturan ini hendaklah mula berkuatkuasa pada 21 Jun 2025.

Tafsiran

2. Di dalam aturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-

“**Koperasi**” ertinya Koperasi Pelabuhan Johor Berhad;

“**Anggota**” ertinya seseorang yang telah diterima sebagai anggota Koperasi menurut peruntukan Undang-undang Kecil Koperasi;

“**Pengurusan Koperasi**” ertinya adalah Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha, Bendahari atau pegawai yang diberi kuasa;

“**Anak**” ertinya anak kandung anggota koperasi;

“**Tabung**” ertinya Tabung Kebajikan Am Koperasi Pelabuhan Johor Berhad;

“**Waris**” ertinya individu yang dinamakan oleh anggota sebagai penama, atau sekiranya tiada penama, individu yang diiktiraf sebagai waris mengikut undang-undang;

“**Musibah**” ertinya kejadian bencana alam seperti banjir, kebakaran, ribut taufan dan seumpamanya yang menyebabkan kerosakan ketara kepada rumah kediaman anggota;

“**TP6**” ertinya tahap penguasaan tertinggi dalam Penilaian Bilik Darjah (PBD); dan

“**Mumtaz**” ertinya gred tertinggi dalam peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM).

Tujuan

3. Aturan ini disediakan bertujuan untuk menggariskan panduan pelaksanaan aktiviti tabung kebajikan am selaras dengan kehendak Undang-undang Kecil 9(3).

Sumber kewangan

4. (1) Dana untuk menjalankan aktiviti tabung kebajikan am ini boleh diperolehi dari sumber-sumber berikut:

- (a) Sumber dalaman Koperasi; atau
 - (b) Sumber luaran.
- (2) Sumber dalaman boleh diperolehi daripada:
- (a) potongan bulanan sebanyak RM5.00 untuk sumbangan tabung;
 - (b) potongan sebanyak dua peratus daripada jumlah pembiayaan berjamin; atau
 - (c) peruntukan dari keuntungan bersih yang diluluskan di dalam mesyuarat agung tahunan.
- (3) Sumber luaran boleh diperolehi daripada:
- (a) derma, wakaf tunai, atau sumbangan daripada orang awam atau pihak ketiga melalui saluran yang diluluskan oleh Lembaga;
 - (b) agihan khas daripada keuntungan aktiviti perniagaan Koperasi yang diperuntukkan secara rasmi oleh Lembaga; atau
 - (c) sumbangan korporat melalui inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR).

Pentadbiran dan pengurusan

5. (1) Aktiviti tabung ini dianggotai oleh Biro Kebajikan (Biro) yang terdiri daripada Anggota Lembaga Koperasi yang dilantik dalam mesyuarat lembaga koperasi.

(2) Biro atau Pengurus Koperasi hendaklah untuk menyelaras, melaksanakan dan memantau keseluruhan pengurusan Tabung Kebajikan Am.

- (3) Biro atau Pengurus Koperasi hendaklah bertanggungjawab-
- (a) mengurus permohonan bantuan kebajikan daripada anggota secara telus dan berintegriti selaras dengan syarat dan garis panduan yang diluluskan oleh Lembaga;
 - (b) menyediakan laporan kewangan berkala berkaitan kutipan, penggunaan dan baki semasa Tabung Kebajikan Am untuk dibentangkan kepada Lembaga;
 - (c) mengenal pasti dan mencadangkan sumbangan daripada sumber

luaran yang sesuai bagi tujuan penambahan dana kebajikan;

- (d) memastikan segala rekod transaksi berkaitan tabung diselenggara dengan kemas kini, lengkap dan boleh diaudit;
- (e) melaksanakan program kebajikan yang diluluskan dengan menggunakan dana tabung secara berhemah dan berlandaskan keperluan sebenar anggota; dan
- (f) memastikan penggunaan dana tidak bercanggah dengan maksud dan tujuan asal penubuhan Tabung Kebajikan Am.

Manfaat

6. Jenis-jenis manfaat kebajikan yang disediakan kepada anggota adalah seperti berikut:

- (a) Khairat kematian;
- (b) Akademik anak anggota;
- (c) Pelupusan hutang koperasi bagi anggota meninggal dunia;
- (d) Sumbangan Ibadah Haji; dan
- (e) Musibah bencana alam.

Kadar sumbangan dan dokumen

7. Kadar sumbangan Tabung Kebajikan Am serta dokumen sokongan yang diperlukan bagi setiap kategori manfaat adalah sebagaimana yang diperuntukkan dalam **Jadual 1** kepada Aturan ini, dan hendaklah tertakluk kepada semakan dan kelulusan Lembaga dari semasa ke semasa.

Terma dan syarat-syarat

8. (1) Setiap permohonan kebajikan oleh anggota Koperasi adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (a) Pemohon mestilah merupakan anggota Koperasi yang berstatus aktif dan tidak mempunyai tunggakan sumbangan Tabung melebihi tiga bulan, kecuali jika dibenarkan oleh Pengurusan Koperasi;
- (b) Pemohon hendaklah telah menjadi anggota Koperasi sekurang-kurangnya enam bulan sebelum tarikh permohonan, kecuali bagi kes kematian atau bencana alam yang dibenarkan di bawah pengecualian khas Pengurusan Koperasi;
- (c) Semua maklumat dan dokumen sokongan yang dikemukakan mestilah sah, benar dan lengkap, dan boleh disahkan oleh pihak

Koperasi atau mana-mana agensi yang berkaitan;

- (d) Bagi permohonan melibatkan waris, pasangan atau anak, pemohon hendaklah mengemukakan bukti hubungan yang sah seperti sijil kelahiran, sijil nikah atau dokumen berkaitan;
- (e) Permohonan bagi manfaat kebajikan hendaklah dikemukakan dalam tempoh tidak melebihi tiga bulan dari tarikh kejadian atau penerimaan keputusan peperiksaan, melainkan ada sebab munasabah yang diluluskan oleh Biro Kebajikan;
- (f) Setiap manfaat kebajikan hanya boleh dipohon sekali bagi setiap kejadian atau pencapaian, tertakluk kepada semakan dan kelulusan Biro Kebajikan serta pengesahan oleh Pengurus Koperasi; dan
- (g) Keputusan yang dibuat oleh Lembaga Koperasi berhubung permohonan kebajikan adalah muktamad, dan tiada rayuan akan dipertimbangkan melainkan dibenarkan secara bertulis oleh Pengurusan Koperasi.

Tanggungjawab anggota yang memohon tabung kebajikan am

9. Adalah menjadi tanggungjawab anggota yang memohon sumbangan tabung kebajikan am adalah tertakluk kepada perkara-perkara berikut:

- (a) Mengemukakan permohonan secara rasmi dengan menggunakan borang yang ditetapkan oleh Koperasi dan mengisytiharkan bahawa semua maklumat yang diberikan adalah benar, tepat dan lengkap;
- (b) Melampirkan dokumen sokongan yang lengkap dan sah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 1 kepada Aturan ini;
- (c) Memastikan permohonan dikemukakan dalam tempoh masa yang ditetapkan, iaitu tidak melebihi tiga bulan dari tarikh kejadian atau tarikh dokumen dikeluarkan, melainkan jika dibenarkan secara bertulis oleh Biro Kebajikan;
- (d) Bersedia memberi keterangan lanjut, bukti tambahan atau hadir ke pejabat Koperasi jika diminta untuk tujuan pengesahan atau siasatan;
- (e) Tidak membuat sebarang tuntutan palsu, memalsukan dokumen atau menyalahgunakan manfaat yang diterima dan tindakan tatatertib boleh diambil terhadap anggota yang didapati melanggar perkara ini; dan
- (f) Mematuhi segala arahan, syarat tambahan, serta keputusan muktamad yang dikeluarkan oleh Lembaga Koperasi berkaitan

permohonan yang dikemukakan.

Akaun dan audit

10. (1) Koperasi hendaklah menyenggara dengan sempurna dan kemaskini rekod perakaunan dan rekod lain mengenai tiap-tiap transaksi dan kedudukan kewangan berkaitan aktiviti tabung kebajikan am.

(2) Catatan dalam rekod perakaunan dan rekod lain menurut peraturan 13(1) hendaklah dibuat dengan seberapa segera tetapi tidak lewat daripada tiga puluh hari dari selesai sesuatu transaksi.

(3) Tahun kewangan bagi aktiviti tabung kebajikan am hendaklah mengikut tahun kewangan Koperasi.

Kuasa meluluskan sumbangan

11. Kuasa untuk meluluskan semua manfaat sumbangan adalah terletak kepada Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha, Bendahari atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Pengurusan Koperasi, tertakluk kepada peruntukan dalam Aturan ini dan sebarang pindaan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

Penggantungan dana tabung kebajikan am

12. Sekiranya terdapat kekurangan dalam dana tabung, maka pembayaran semua manfaat di bawah aturan ini akan digantung sementara sehingga kedudukan kewangan tabung mencukupi

Akta, Peraturan dan Undang-undang Kecil

13. Aturan ini adalah tambahan kepada Undang-undang Kecil Koperasi ini dan hendaklah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta Koperasi 1993 dan Peraturan-peraturan hendaklah dibaca bersekali.

Pembatalan aturan terdahulu

14. Dengan berkuatkuasanya Aturan ini, maka segala dasar, garis panduan, pekeliling, keputusan pengurusan, atau apa-apa peraturan terdahulu yang berkaitan dengan tabung kebajikan am yang bercanggah atau tidak selaras dengan peruntukan Aturan ini adalah dengan ini terbatal dan tidak lagi berkuat kuasa.

JADUAL 1**(di baca sebahagian daripada Aturan Tabung Kebajikan Am)**

KATEGORI MANFAAT	SYARAT	JUMLAH SUMBANGAN	DOKUMEN DIPERLUKAN
Khairat Kematian	Anggota meninggal dunia	RM1,200.00	- Sijil kematian - I/C pemohon - I/C si mati - Sijil nikah* - Sijil kelahiran* <i>*yang berkaitan</i>
	Ibu/Bapa/Pasangan/ Anak anggota meninggal dunia	RM600.00	- Sijil kematian - I/C pemohon - I/C si mati - Sijil nikah* - Sijil kelahiran* <i>*yang berkaitan</i>
Akademik Anak Anggota	Darjah 6 TP6 dalam 5 subjek	RM100.00/ RM20.00 per subjek jika lebih 5 subjek TP6	- Sijil akademik - I/C pemohon - I/C anak - Sijil kelahiran anak
	Darjah Khas Sek Agama Johor Pangkat 1	RM150.00	- Sijil akademik - I/C pemohon - I/C anak - Sijil kelahiran anak
	SPM Gred 5A dalam 5 subjek	RM200.00/ RM20.00 per subjek jika lebih 5 subjek gred A	- Sijil akademik - I/C pemohon - I/C anak - Sijil kelahiran anak
	STPM Pointer 3.80 Pointer 4.00	RM250.00 RM280.00	- Sijil akademik - I/C pemohon - I/C anak - Sijil kelahiran anak

KATEGORI MANFAAT	SYARAT	JUMLAH SUMBANGAN	DOKUMEN DIPERLUKAN
Akademik Anak Anggota	STAM 5 Mumtaz	RM250.00/ RM20.00 per subjek jika lebih 5 subjek gred Mumtaz	- Sijil akademik - I/C pemohon - I/C anak - Sijil kelahiran anak
	Graduat Diploma/Ijazah IPTA Pointer 3.80 Pointer 4.00	RM300.00 RM350.00	- Sijil akademik - I/C pemohon - I/C anak - Sijil kelahiran anak
	Tawaran kemasukan IPTA (Ijazah)	RM200.00	- Surat tawaran IPTA - I/C pemohon - I/C anak - Sijil kelahiran anak
Bencana Alam	Kerosakan rumah lebih 50%	RM200.00 (sekali sahaja)	- Geran/perjanjian rumah - Bil utiliti - Laporan polis - Gambar kerosakan - I/C pemohon
Pelupusan Hutang Berjamin	Meninggal dunia atau hilang upaya kekal	Dilupuskan sepenuhnya (kecuali pembiayaan 80% yuran, cemas, takaful kenderaan)	- Sijil kematian - I/C anggota - Surat perakuan ilat daripada PERKESO
Haji	Menunaikan Haji	RM150.00 (sekali sahaja)	Dokumen sokongan berkaitan ibadah Haji

KOPERASI PELABUHAN JOHOR BERHAD

ATURAN PENCALONAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI

Tajuk dan tarikh kuatkuasa

1. (1) Aturan ini dinamakan Aturan Pencalonan Anggota Lembaga Koperasi.
- (2) Aturan ini hendaklah mula berkuatkuasa pada 21 Jun 2025.

Tafsiran

2. Di dalam aturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-

“Koperasi” ertinya Koperasi Pelabuhan Johor Berhad;

“Anggota” ertinya seseorang yang telah diterima sebagai anggota Koperasi menurut peruntukan Undang-undang Kecil Koperasi;

“Pengurusan Koperasi” ertinya adalah pengerusi, timbalan pengerusi, setiausaha, bendahari atau pegawai yang diberi kuasa;

“Pegawai” berhubung dengan Koperasi ertinya seorang pengerusi, timbalan pengerusi, setiausaha, bendahari atau mana-mana anggota lain Lembaga, dan termasuklah pengurus koperasi atau mana-mana pekerja sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta;

“Mesyuarat Agung” ertinya kuasa tertinggi dalam Koperasi sebagaimana diperuntukkan dalam Undang-undang Kecil Koperasi;

“Pencalonan” ertinya proses penamaan anggota Koperasi sebagai calon untuk bertanding jawatan anggota lembaga koperasi dalam mesyuarat agung tahunan;

Tujuan

3. Aturan ini disediakan bertujuan untuk menggariskan panduan pelaksanaan aktiviti pencalonan anggota lembaga koperasi selaras dengan kehendak Undang-undang Kecil.

Sumber kewangan

4. Dana untuk menjalankan pencalonan anggota lembaga koperasi ini boleh diperolehi dari sumber-sumber berikut:

- (a) Bajet perbelanjaan Mesyuarat agung tahunan (jika ada); atau
- (b) Tertakluk kepada keputusan mesyuarat Lembaga.

Pentadbiran dan pengurusan

5. (1) Pencalonan anggota lembaga koperasi ini dianggotai oleh Pengurusan Koperasi iaitu pengerusi, timbalan pengerusi, setiausaha dan bendahari yang dilantik dalam mesyuarat lembaga koperasi.

(2) Pengurusan Koperasi atau Pengurus Koperasi hendaklah untuk menyelaras, melaksanakan dan memantau keseluruhan pengurusan pencalonan anggota lembaga koperasi pada setiap tahun.

(3) Pengurusan Koperasi atau Pengurus Koperasi hendaklah bertanggungjawab-

- (a) menyediakan borang pencalonan rasmi dan garis panduan permohonan kepada anggota;
- (b) menerima, menyemak dan mengesahkan permohonan pencalonan yang dikemukakan oleh anggota;
- (c) menilai kelayakan calon berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan dalam Aturan ini dan Undang-Undang Kecil Koperasi;
- (d) membentangkan senarai calon yang disahkan kepada Lembaga, mengikut keperluan; dan
- (e) merekod, menyimpan dan menyelenggara segala dokumen pencalonan secara sulit.

(4) Pengurusan Koperasi atau Pengurus Koperasi diberi kuasa dibawah Aturan ini untuk menilai dan memperakukan setiap permohonan pencalonan sebelum diserahkan kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia untuk pengesahan.

(5) Sekiranya wujud percanggahan atau pertikaian berhubung sesuatu pencalonan, perkara tersebut hendaklah dibawa ke Mesyuarat Lembaga Koperasi terdekat untuk diputuskan.

Syarat-syarat

6. (1) Mana-mana anggota Koperasi yang ingin menawarkan diri untuk pencalonan sebagai anggota lembaga koperasi hendaklah memenuhi syarat-syarat kelayakan berikut:

- (a) telah menjadi anggota Koperasi ini bagi tempoh tidak kurang daripada dua tahun berturut-turut sebelum tahun mesyuarat agung diadakan;

- (b) telah menghadiri dan memiliki mana-mana Sijil Kursus Wajib yang diperakukan oleh Institut Koperasi Malaysia (IKMa), selaras dengan kehendak Garis Panduan Suruhanjaya Koperasi Malaysia;
- (c) tidak mempunyai sebarang tunggakan kewangan atau rekod buruk berkaitan kewajipan kewangan terhadap Koperasi, termasuk tetapi tidak terhad kepada kegagalan bayaran potongan yuran bulanan, ansuran pembiayaan atau hutang tertunggak;
- (d) tidak pernah disabitkan atas sebarang kesalahan jenayah, penipuan, pecah amanah atau apa-apa kesalahan berkaitan kewangan oleh Mahkamah;
- (e) bukan seorang yang muflis dan tidak sedang dikenakan tindakan oleh Mahkamah atau Jabatan Insolvensi Malaysia di bawah mana-mana undang-undang bertulis; dan
- (f) telah melepasi tapisan dan penentusahan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) sebagaimana yang dikehendaki di bawah Atuan ini, peraturan dan garis panduan.

Larangan pegangan jawatan luar

7. (1) Seseorang calon yang menawarkan diri untuk dipilih sebagai anggota lembaga koperasi tidak boleh memegang sebarang jawatan dalam mana-mana NGO sama ada secara lantikan, pemilihan atau perwakilan, pada masa pencalonan dikemukakan.

(2) Larangan ini bertujuan untuk mengelakkan sebarang konflik kepentingan, pengaruh luar yang boleh menjejaskan kebebasan dan ketelusan dalam membuat keputusan, serta bagi memelihara akauntabiliti dan integriti tadbir urus Koperasi secara keseluruhan.

(3) Sekiranya didapati bahawa seseorang calon memegang jawatan sebagaimana dinyatakan dalam peraturan 7(1), maka permohonan pencalonannya boleh ditolak serta-merta oleh Pengurusan Koperasi, tanpa kewajipan untuk memberikan sebarang notis atau alasan tambahan.

Tanggungjawab calon anggota lembaga koperasi

8. (1) Setiap anggota yang mengemukakan pencalonan untuk dipertimbangkan sebagai anggota lembaga koperasi hendaklah mematuhi tatacara dan memenuhi tanggungjawab berikut:

- (a) Mengemukakan permohonan rasmi melalui **Borang SKM/BP** dan **Borang SKM/TAP/KEW**, yang boleh diperoleh daripada laman rasmi Suruhanjaya Koperasi Malaysia atau di Pejabat Koperasi;
- (b) Melengkapkan dan menyerahkan semua dokumen sokongan yang

diwajibkan kepada Koperasi, termasuk;

- (i) Laporan CCRIS terkini yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia;
- (ii) Laporan Status Kebankrapan yang dikeluarkan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia;
- (iii) Akuan bersumpah yang ditandatangani di hadapan Pesuruhjaya Sumpah (Bahagian B dalam Borang SKM/BP); dan
- (v) Dokumen sokongan tambahan yang meliputi:
 - salinan kad pengenalan calon;
 - salinan sijil Kursus Wajib IKMA; dan
 - Lain-lain dokumen berkaitan, sekiranya diminta.

(2) Memastikan bahawa semua maklumat yang dikemukakan adalah benar, sah dan lengkap. Sebarang pemalsuan, keterangan palsu, atau ketidakpatuhan terhadap mana-mana peraturan dibawah Aturan ini boleh menyebabkan permohonan ditolak serta-merta.

(3) Segala kos, fi, atau perbelanjaan yang timbul berhubung dengan permohonan pencalonan sebagai anggota lembaga koperasi hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh pemohon sendiri.

(4) Koperasi tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian, kerosakan, atau kos yang ditanggung oleh pemohon akibat daripada penolakan, kegagalan, kelewatan atau penarikan semula permohonan pencalonan atas apa jua alasan.

(5) Tiada sebarang bayaran balik, pampasan atau tuntutan semula akan dilayan oleh Koperasi bagi perbelanjaan yang telah dikeluarkan oleh pemohon berkaitan permohonan tersebut.

Kuasa penilaian calon anggota lembaga koperasi

9. (1) Kuasa untuk menilai, menapis dan mengesahkan kelayakan semua calon yang menawarkan diri sebagai anggota lembaga koperasi adalah terletak kepada pengerusi, timbalan pengerusi, setiausaha, bendahari atau mana-mana pegawai Koperasi yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pengurusan Koperasi, tertakluk kepada peruntukan dalam Aturan ini dan sebarang pindaan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

(2) Penilaian hendaklah dibuat berdasarkan dokumen sokongan yang dikemukakan, rekod keanggotaan, tapisan Suruhanjaya Koperasi Malaysia, serta mana-mana kriteria tambahan yang telah diluluskan oleh Lembaga.

Akta, Peraturan dan Undang-undang Kecil

10. Aturan ini adalah tambahan kepada Undang-undang Kecil Koperasi ini dan hendaklah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta Koperasi 1993 dan Peraturan-peraturan hendaklah dibaca bersekali.

Pembatalan aturan terdahulu

11. Dengan berkuatkuasanya Aturan ini, maka segala dasar, garis panduan, pekeliling, keputusan pengurusan atau apa-apa Aturan terdahulu yang berkaitan dengan pencalonan anggota lembaga koperasi yang bercanggah atau tidak selaras dengan peruntukan Aturan ini adalah dengan ini terbatal dan tidak lagi berkuat kuasa.

KOPERASI PELABUHAN JOHOR BERHAD

ATURAN STESEN MINYAK

Tajuk dan tarikh kuatkuasa

1. (1) Aturan ini dinamakan Aturan Stesen Minyak.
(2) Aturan ini diwujudkan di bawah fasal 9(3) Undang-undang Kecil Koperasi Pelabuhan Johor Berhad.
(3) Aturan ini hendaklah mula berkuatkuasa pada 21 Jun 2025.

Tafsiran

2. Di dalam aturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-

“Koperasi” ertinya Koperasi Pelabuhan Johor Berhad;

“Anggota” ertinya seseorang yang telah diterima sebagai anggota Koperasi menurut peruntukan Undang-undang Kecil Koperasi;

“Pengurusan Koperasi” ertinya adalah Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha, Bendahari atau pegawai yang diberi kuasa;

“konsainan” ertinya barangan milik pembekal yang diletakkan di Stesen Minyak untuk tujuan jualan tanpa pemindahan milikan sehingga dijual;

“Pengurus Stesen” ertinya individu yang dilantik secara rasmi oleh Lembaga bagi mentadbir dan menguruskan operasi harian Stesen Minyak; dan

“Stesen Minyak” ertinya premis perniagaan milik atau di bawah kawalan Koperasi yang menjalankan penjualan bahan api dan barangan pengguna.

Tujuan

3. Aturan ini disediakan bertujuan untuk menggariskan panduan pelaksanaan aktiviti stesen minyak selaras dengan kehendak Undang-undang Kecil 9(3).

Sumber kewangan

4. (1) Modal untuk menjalankan aktiviti stesen minyak ini boleh diperolehi dari sumber-sumber berikut:

- (a) Sumber dalaman Koperasi; atau
- (b) Sumber luaran.
- (2) Sumber dalaman boleh diperolehi daripada:
 - (a) Yuran, syer, simpanan khas anggota;
 - (b) Dana daripada aktiviti pembiayaan anggota; atau
 - (c) Peruntukan dari keuntungan bersih yang diluluskan di dalam mesyuarat agung tahunan.
- (3) Sumber luaran boleh diperolehi daripada:
 - (a) Tabung Modal Pusingan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM);
 - (b) pembiayaan daripada institusi-institusi kewangan yang berdaftar dengan Bank Negara Malaysia; atau
 - (c) bukan anggota tertakluk kepada kelulusan Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Pentadbiran dan pengurusan

5. (1) Aktiviti stesen minyak ini dianggotai oleh Biro Caltex (Biro) yang terdiri daripada Bendahari dan dua anggota lembaga yang dilantik dalam mesyuarat lembaga koperasi.

(2) Biro dan Pengurus Stesen hendaklah bertanggungjawab kepada Lembaga dari segi perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan pelaporan aktiviti stesen minyak.

- (3) Pengurus Stesen hendaklah bertanggungjawab-
 - (a) menyelia dan memantau pekerja;
 - (b) mengesahkan kesahihan baucar, bil dan dokumen perakaunan berkaitan operasi;
 - (c) mengawal selia pengurusan stok bahan api dan bukan bahan api, serta kutipan tunai harian;
 - (d) memastikan penyelenggaraan rekod urus niaga dijalankan secara sistematik, telus dan selamat;
 - (e) memastikan pematuhan terhadap semua lesen, permit dan peraturan yang berkuat kuasa, termasuk yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan dan regulator petroleum;

- (f) menyediakan laporan berkala mengenai prestasi operasi dan kewangan untuk pertimbangan serta arahan lanjut daripada Lembaga;
- (g) menyediakan set akaun tahunan yang lengkap dan terperinci untuk tujuan pengauditan oleh juruaudit luar yang dilantik oleh Lembaga; dan
- (h) melaksanakan apa-apa tanggungjawab tambahan lain yang diarahkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

Keselamatan dan pematuhan

6. (1) Segala operasi di premis Stesen Minyak Koperasi hendaklah mematuhi peraturan, garis panduan dan standard keselamatan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa, termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- (a) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM);
- (b) Jabatan Alam Sekitar (JAS);
- (c) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN); dan
- (d) Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)

(2) Pengurus Stesen bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan pematuhan terhadap keperluan keselamatan dan pengurusan risiko operasi, termasuk perkara-perkara berikut:

- (a) Prosedur keselamatan kebakaran, pengendalian dan penyimpanan bahan api dipatuhi sepenuhnya mengikut piawaian pembekal dan pihak berkuasa berkaitan;
- (b) Latihan keselamatan dan pengurusan kecemasan dilaksanakan secara berkala kepada semua kakitangan, dengan rekod latihan diselenggara;
- (c) Peralatan keselamatan seperti alat pemadam api, sistem pbumian, sistem pengesanan kebocoran dan sistem amaran diperiksa dan diselenggara mengikut jadual yang ditetapkan;
- (d) Sebarang insiden berkaitan keselamatan, tumpahan bahan api, pencemaran alam sekitar atau risiko kebakaran hendaklah dilaporkan serta-merta kepada Biro Caltex, Lembaga dan pihak berkuasa yang berkaitan; dan
- (e) Audit pematuhan keselamatan oleh pihak berkuasa atau pihak ketiga yang diiktiraf hendaklah dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali dalam setahun.

Belian

7. (1) Semua urusan pembelian barangan bagi tujuan operasi Stesen Minyak hendaklah diurus dan diperakukan oleh Pengurus Stesen, tertakluk kepada kelulusan dan kawalan dalaman yang ditetapkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

(2) Barangan yang dibeli hendaklah:

- (a) berkualiti dan sesuai untuk kegunaan operasi stesen;
- (b) ditawarkan pada harga yang berpatutan dan kompetitif; dan
- (c) tidak menjejaskan margin keuntungan atau kedudukan kewangan Koperasi secara keseluruhan.

(3) Sekiranya pembelian dibuat secara kredit, maka harga, terma pembayaran, serta tempoh kredit yang ditawarkan hendaklah diteliti dan dipastikan tidak menimbulkan risiko kewangan kepada Koperasi.

(4) Setiap pesanan barangan hendaklah dibuat melalui borang pesanan rasmi Koperasi dan borang tersebut hendaklah disahkan terlebih dahulu oleh Pengurus Stesen sebelum sebarang pembelian dilaksanakan.

(5) Setelah barangan diterima, Pengurus Stesen hendaklah menyemak kuantiti, kualiti dan harga barangan berdasarkan dokumen berikut:

- (a) berkualiti dan sesuai untuk kegunaan operasi stesen;
- (b) invois pembekal;
- (c) borang pesanan rasmi; dan
- (d) dokumen penghantaran atau nota serahan.

(6) Semua penerimaan barangan hendaklah direkodkan secara sistematik dan telus ke dalam sistem perakaunan atau rekod stok rasmi stesen minyak dan hendaklah sedia untuk diaudit pada bila-bila masa.

Barangan konsainan

8. (1) Pengurus Stesen dibenarkan menerima barangan secara konsainan, tertakluk kepada perjanjian bertulis yang sah antara pembekal dan Koperasi, yang memperincikan terma, syarat serta tanggungjawab kedua-dua pihak secara jelas.

(2) Koperasi tidak akan menanggung sebarang liabiliti terhadap kerugian, kerosakan atau kehilangan ke atas barangan konsainan yang tidak berjaya dijual, melainkan jika diperuntukkan sebaliknya dalam perjanjian konsainan tersebut.

(3) Setiap penerimaan barangan konsainan hendaklah direkodkan secara teratur dan berasingan dalam buku stok khas atau sistem yang ditetapkan, yang boleh diaudit oleh pihak berkuasa atau pihak yang diberi kuasa oleh Lembaga.

(4) Pembayaran kepada pembekal bagi barangan konsainan hanya boleh dibuat berdasarkan laporan ringkasan jualan sebenar yang disediakan dan disahkan oleh Pengurus Stesen, serta mengikut syarat pembayaran yang dipersetujui dalam perjanjian konsainan

Penetapan harga jualan

9. (1) Biro Caltex adalah bertanggungjawab untuk menetapkan dasar penetapan harga jualan bagi semua produk dan perkhidmatan yang ditawarkan di Stesen Minyak, tertakluk kepada kelulusan Lembaga Koperasi.

(2) Pengurus Stesen hendaklah mengemukakan cadangan harga jualan kepada Biro Caltex dari semasa ke semasa, dengan mengambil kira:

- (a) kos perolehan barangan atau perkhidmatan;
- (b) harga pasaran semasa atau harga runcit yang ditetapkan pembekal; dan
- (c) margin keuntungan yang munasabah bagi menjamin kewangan operasi.

(3) Semua transaksi jualan di stesen hendaklah dibuat melalui kaedah pembayaran yang sah iaitu:

- (a) Bayaran tunai;
- (b) Pindahan wang melalui perbankan elektronik;
- (c) Pembayaran menggunakan kod QR; atau
- (d) Kad debit dan kad kredit.

(4) Sebarang perubahan harga hendaklah dimaklumkan kepada Pengurus Stesen secara bertulis dan hendaklah dipatuhi serta dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan.

Kawalan stok

10. (1) Pengurus Stesen bertanggungjawab untuk menjalankan pemeriksaan stok secara berkala bagi mengelakkan kehilangan atau kerosakan dan tarikh luput.

(2) Biro Caltex hendaklah memastikan pengiraan stok dilakukan sekurang-kurangnya sekali setahun selaras dengan tarikh tutup kewangan Koperasi.

(3) Sebarang kehilangan atau kerosakan stok hendaklah disiasat dan dilaporkan kepada Biro Caltex untuk tindakan lanjut.

Akaun dan audit

11. (1) Koperasi hendaklah menyenggara dengan sempurna dan kemaskini rekod perakaunan dan rekod lain mengenai tiap-tiap transaksi dan kedudukan kewangan berkaitan aktiviti stesen minyak.

(2) Catatan dalam rekod perakaunan dan rekod lain menurut peraturan 13(1) hendaklah dibuat dengan seberapa segera tetapi tidak lewat daripada tiga puluh hari dari selesai sesuatu transaksi.

(3) Tahun kewangan bagi aktiviti stesen minyak hendaklah mengikut tahun kewangan Koperasi.

Pinjaman dana daripada aktiviti perniagaan lain koperasi

12. (1) Tertakluk kepada kelulusan Pengurusan Koperasi, sekiranya pelaksanaan aktiviti stesen minyak menggunakan sumber dana daripada mana-mana aktiviti perniagaan lain milik Koperasi, maka jumlah dana yang diperuntukkan tersebut hendaklah direkodkan sebagai dana sokongan modal sementara dan dilaporkan sebagai liabiliti sementara dalam rekod kewangan aktiviti stesen minyak.

(2) Apabila aktiviti stesen minyak mencapai tahap kestabilan operasi dan menunjukkan keupayaan menjana keuntungan bersih secara konsisten, dana sokongan modal sementara tersebut hendaklah dipulangkan sepenuhnya kepada akaun aktiviti perniagaan yang menjadi sumber peruntukan asal, tertakluk kepada pengesahan kewangan oleh pihak yang diberi kuasa oleh Pengurusan Koperasi.

(3) Pemulangan dana tersebut hendaklah dilaksanakan secara penuh mengikut amaun sebenar yang telah diperuntukkan, tanpa sebarang faedah, pulangan, keuntungan, mahupun caj tambahan dan direkodkan sebagai pindahan dalaman antara aktiviti perniagaan milik Koperasi.

Akta, Peraturan dan Undang-undang Kecil

13. Aturan ini adalah tambahan kepada Undang-undang Kecil Koperasi ini dan hendaklah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta Koperasi 1993 dan Peraturan-peraturan hendaklah dibaca bersekali.

Pembatalan aturan terdahulu

14. Dengan berkuatkuasanya Aturan ini, maka segala dasar, garis panduan, pekeliling, keputusan pengurusan, atau apa-apa peraturan terdahulu yang berkaitan dengan aktiviti stesen minyak yang bercanggah atau tidak selaras dengan peruntukan Aturan ini adalah dengan ini terbatal dan tidak lagi berkuat kuasa.

KOPERASI PELABUHAN JOHOR BERHAD

ATURAN KEDAI COOPMART

Tajuk dan tarikh kuatkuasa

1. (1) Aturan ini dinamakan Aturan Kedai Coopmart.
- (2) Aturan ini diwujudkan di bawah fasal 9(3) Undang-undang Kecil Koperasi Pelabuhan Johor Berhad.
- (3) Aturan ini hendaklah mula berkuatkuasa pada 21 Jun 2025.

Tafsiran

2. Di dalam aturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-

“Koperasi” ertinya Koperasi Pelabuhan Johor Berhad;

“Anggota” ertinya seseorang yang telah diterima sebagai anggota Koperasi menurut peruntukan Undang-undang Kecil Koperasi;

“Pengurusan Koperasi” ertinya adalah Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha, Bendahari atau pegawai yang diberi kuasa;

“konsainan” ertinya barangan milik pembekal yang diletakkan di Kedai Coopmart untuk tujuan jualan tanpa pemindahan milikan sehingga dijual;

“pembekal” ertinya mana-mana individu, syarikat atau organisasi yang membekalkan barangan untuk dijual di Kedai Coopmart, sama ada secara belian terus atau konsainan;

“margin keuntungan” ertinya perbezaan di antara harga belian dan harga jualan barangan, selepas mengambil kira kos berkaitan dan keuntungan yang diunjurkan;

“rekod jualan” ertinya rekod rasmi yang direkodkan secara manual atau elektronik yang menunjukkan transaksi jualan harian di Kedai Coopmart;

“inventori” ertinya semua stok barangan yang dimiliki dan dikendalikan oleh Kedai Coopmart untuk tujuan jualan runcit;

"transaksi tunai" ertinya jualan yang dibayar secara wang tunai, pindahan dalam talian, kod QR, atau kad debit/kredit pada waktu jualan berlaku;

"Pengurus Coopmart" ertinya individu yang dilantik secara rasmi oleh Lembaga bagi mentadbir, pemasaran dan menguruskan operasi harian Kedai Coopmart;

"Kedai Coopmart" ertinya kedai runcit milik penuh Koperasi yang beroperasi bagi tujuan menjual barangan keperluan harian, makanan, minuman, alat tulis, pakaian dan lain-lain barangan runcit kepada anggota dan pengguna.

Tujuan

3. Aturan ini disediakan bertujuan untuk menggariskan panduan pelaksanaan aktiviti Kedai Coopmart selaras dengan kehendak Undang-undang Kecil 9(3).

Sumber kewangan

4. (1) Modal untuk menjalankan aktiviti Kedai Coopmart ini boleh diperolehi dari sumber-sumber berikut:

- (a) Sumber dalaman Koperasi; atau
- (b) Sumber luaran.
- (2) Sumber dalaman boleh diperolehi daripada:
 - (a) Yuran, syer, simpanan khas anggota;
 - (b) Dana daripada aktiviti pembiayaan anggota;
 - (c) Dana daripada aktiviti stesen minyak; atau
 - (d) Peruntukan dari keuntungan bersih yang diluluskan di dalam mesyuarat agung tahunan.
- (3) Sumber luaran boleh diperolehi daripada:
 - (a) Tabung Modal Pusingan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM);
 - (b) pembiayaan daripada institusi-institusi kewangan yang berdaftar dengan Bank Negara Malaysia; atau
 - (c) bukan anggota tertakluk kepada kelulusan Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Pentadbiran dan pengurusan

5. (1) Aktiviti Kedai Coopmart hendaklah dianggotai oleh Biro Coopmart yang

terdiri daripada tiga orang anggota lembaga yang dilantik dalam Mesyuarat Lembaga Koperasi.

(2) Biro Coopmart dan Pengurus Coopmart hendaklah bertanggungjawab kepada Lembaga dari segi perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan pelaporan aktiviti Kedai Coopmart

(3) Pengurus Coopmart hendaklah bertanggungjawab-

- (a) menyelia dan memantau tugas pekerja Kedai Coopmart;
- (b) mengesahkan kesahihan baucar, bil dan dokumen perakaunan berkaitan operasi Kedai Coopmart;
- (c) mengawal selia pengurusan stok barangan runcit serta kutipan tunai harian;
- (d) memastikan penyelenggaraan rekod urus niaga dijalankan secara sistematik, telus dan selamat;
- (e) memastikan pematuhan terhadap semua lesen, permit dan peraturan yang berkuat kuasa termasuk yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia;
- (f) menyediakan laporan berkala mengenai prestasi operasi dan kewangan untuk pertimbangan serta arahan lanjut daripada Lembaga;
- (g) menyediakan set akaun tahunan yang lengkap dan terperinci untuk tujuan pengauditan oleh juruaudit luar yang dilantik oleh Lembaga; dan
- (h) melaksanakan apa-apa tanggungjawab tambahan lain yang diarahkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

(3) Lembaga berkuasa melantik mana-mana individu, firma, atau entiti perniagaan bagi mengurus atau membantu operasi Kedai Coopmart, tertakluk kepada syarat dan garis panduan yang ditetapkan serta kelulusan rasmi Mesyuarat Lembaga.

Keselamatan dan pematuhan

6. (1) Kedai Coopmart hendaklah mematuhi semua peraturan dan perundangan berkaitan keselamatan, lesen perniagaan, pematuhan makanan, dan peraturan pengguna yang dikuatkuasakan oleh pihak berkuasa seperti PBT, KPDN, KKM, JKKP dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

(2) Pengurus Coopmart hendaklah bertanggungjawab memastikan semua aspek keselamatan premis termasuk sistem amaran kebakaran, peralatan keselamatan dan latihan kecemasan dipatuhi dan diselenggara secara berkala

(3) Sebarang pelanggaran peraturan keselamatan, insiden kemalangan atau aduan berkaitan pematuhan hendaklah dilaporkan secara rasmi kepada Lembaga

Belian

7. (1) Semua pembelian bagi tujuan operasi Kedai Coopmart hendaklah dilaksanakan berdasarkan keperluan sebenar, penilaian harga pasaran semasa dan margin keuntungan munasabah serta diperakukan oleh Pengurus Coopmart.

(2) Sebarang pembelian secara kredit hendaklah tertakluk kepada kelulusan Biro Coopmart, dan hanya dibenarkan jika syarat pembayaran tidak menjejaskan aliran tunai atau kedudukan kewangan Koperasi.

(3) Pesanan belian hanya sah apabila dibuat menggunakan borang pesanan rasmi yang disahkan oleh Pengurus Coopmart dan direkodkan dengan teratur.

(4) Pembelian barangan Kedai Coopmart dibuat secara pendahuluan tunai (rekup) daripada akaun bank peribadi Pengurus Coopmart, amaun tersebut hendaklah direkod dengan jelas dan disokong oleh bukti pembelian yang sah.

(5) Sekiranya terdapat lebih daripada jumlah rekup tersebut, lebih itu hendaklah dikembalikan sepenuhnya ke dalam akaun bank rasmi Kedai Coopmart dan direkod untuk tujuan audit dan dokumentasi.

Barangan konsainan

8. (1) Pengurus Coopmart dibenarkan menerima barangan secara konsainan hanya selepas wujudnya perjanjian bertulis antara pembekal dan Koperasi yang menetapkan tanggungjawab, terma pembayaran dan tempoh jualan.

(2) Koperasi tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan yang berlaku terhadap barangan konsainan yang tidak dijual kecuali dinyatakan sebaliknya dalam perjanjian bertulis.

(3) Semua barangan konsainan hendaklah direkodkan secara berasingan dalam sistem stok dan pembayaran kepada pembekal hanya dibuat berdasarkan laporan jualan yang telah disahkan oleh Pengurus Coopmart dan disemak oleh Biro Coopmart.

Penetapan harga jualan

9. (1) Biro Coopmart bertanggungjawab menetapkan dasar dan kelulusan harga jualan semua barangan dan perkhidmatan di Kedai Coopmart berdasarkan

cadangan yang dikemukakan oleh Pengurus Coopmart.

(2) Penetapan harga hendaklah mengambil kira kos perolehan sebenar, kadar pasaran semasa, margin keuntungan yang bersesuaian serta dasar penetapan harga koperasi yang diluluskan oleh Lembaga.

(3) Semua transaksi jualan hendaklah dilakukan melalui kaedah bayaran yang sah termasuk wang tunai, pindahan elektronik, kod QR, kad debit atau kad kredit, dan direkodkan dalam sistem jualan secara langsung.

Kawalan stok

10. (1) Pengurus Coopmart hendaklah memastikan semua inventori barangan direkod secara sistematik dan dikemaskini mengikut kadar keluar masuk barangan.

(2) Pemeriksaan fizikal stok hendaklah dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setiap suku tahun dan disahkan oleh Biro Coopmart melalui laporan audit dalaman stok.

(3) Sebarang kehilangan, lebihan, kerosakan atau ketidakpadanan rekod inventori hendaklah dilaporkan kepada Lembaga untuk tindakan susulan termasuk siasatan dan penyelarasan rekod.

Akaun dan audit

11. (1) Pengurus Coopmart hendaklah menyelenggara rekod kewangan yang lengkap, tepat dan dikemaskini mengikut prinsip perakaunan koperasi serta disimpan untuk tujuan audit.

(2) Laporan kewangan bulanan termasuk penyata jualan, inventori dan aliran tunai hendaklah dikemukakan kepada Biro Coopmart dan seterusnya kepada Lembaga untuk pertimbangan dan semakan.

(3) Penyata kewangan tahunan yang lengkap hendaklah disediakan oleh Pengurus Coopmart untuk diaudit oleh juruaudit luar yang dilantik oleh Lembaga mengikut Akta Koperasi 1993.

(4) Lembaga mempunyai kuasa untuk mengarahkan pelaksanaan audit dalaman atau pemeriksaan khas ke atas operasi dan kewangan Kedai Coopmart pada bila-bila masa yang difikirkan wajar demi kepentingan dan ketelusan pengurusan koperasi.

Diskaun dan promosi

12. (1) Biro Coopmart dengan kelulusan Lembaga, boleh memperkenalkan dasar diskaun dan promosi jualan dari semasa ke semasa bagi tujuan meningkatkan jualan, menstabilkan inventori, atau sebagai galakan kepada anggota Koperasi.

(2) Sebarang pemberian diskaun hendaklah didokumenkan dengan jelas, dinyatakan kadar diskaun, tempoh kuat kuasa, dan kategori pelanggan yang layak.

(3) Promosi jualan yang dijalankan hendaklah berdasarkan pelan pemasaran yang munasabah serta tidak menjejaskan kestabilan kewangan operasi Kedai Coopmart.

(4) Pengurus Coopmart bertanggungjawab memastikan semua promosi dan diskaun direkodkan, dimaklumkan kepada pelanggan secara telus, dan dilaporkan kepada Biro Coopmart dalam laporan bulanan.

(5) Sebarang diskaun tetap kepada anggota hendaklah diluluskan secara rasmi oleh Lembaga dan dimasukkan dalam dasar harga tahunan Kedai Coopmart.

(6) Anggota Koperasi dibenarkan untuk membeli barangan runcit di Kedai Coopmart melalui potongan yuran terkumpul, tertakluk kepada kelulusan dan semakan yang dibuat oleh Pejabat Induk.

(7) Permohonan bagi tujuan ini hendaklah dikemukakan secara fizikal ke Pejabat Induk dengan menyatakan hasrat pembelian menggunakan yuran terkumpul.

(8) Pejabat Induk akan mengeluarkan penyata keanggotaan rasmi sebagai pengesahan kepada permohonan tersebut, dan anggota hendaklah mengemukakan penyata tersebut di Kedai Coopmart semasa membuat pengambilan barangan.

(9) Had maksimum pembelian yang dibenarkan ialah RM100 bagi tempoh dua hingga tiga bulan, tertakluk kepada kelulusan dan arahan semasa daripada Pejabat Induk Koperasi

Pinjaman dana daripada aktiviti perniagaan lain koperasi

13. (1) Tertakluk kepada kelulusan Pengurusan Koperasi, sekiranya pelaksanaan aktiviti Kedai Coopmart menggunakan sumber dana daripada mana-mana aktiviti perniagaan lain milik Koperasi, maka jumlah dana yang diperuntukkan tersebut hendaklah direkodkan sebagai dana sokongan modal sementara dan dilaporkan sebagai liabiliti sementara dalam rekod kewangan aktiviti Kedai Coopmart.

(2) Apabila aktiviti Kedai Coopmart mencapai tahap kestabilan operasi dan menunjukkan keupayaan menjana keuntungan bersih secara konsisten, dana sokongan modal sementara tersebut hendaklah dipulangkan sepenuhnya kepada akaun aktiviti perniagaan yang menjadi sumber peruntukan asal, tertakluk kepada pengesahan kewangan oleh pihak yang diberi kuasa oleh Pengurusan Koperasi.

(3) Pemulangan dana tersebut hendaklah dilaksanakan secara penuh mengikut amaun sebenar yang telah diperuntukkan, tanpa sebarang faedah, pulangan, keuntungan, mahupun caj tambahan dan direkodkan sebagai pindahan dalaman antara aktiviti perniagaan milik Koperasi.

Akta, Peraturan dan Undang-undang Kecil

14. Aturan ini adalah tambahan kepada Undang-undang Kecil Koperasi ini dan hendaklah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta Koperasi 1993 dan

Peraturan-peraturan hendaklah dibaca bersekali.

Pembatalan aturan terdahulu

15. Dengan berkuatkuasanya Aturan ini, maka segala dasar, garis panduan, pekeliling, keputusan pengurusan, atau apa-apa peraturan terdahulu yang berkaitan dengan aktiviti Kedai Coopmart yang bercanggah atau tidak selaras dengan peruntukan Aturan ini adalah dengan ini terbatal dan tidak lagi berkuat kuasa.

KOPERASI PELABUHAN JOHOR BERHAD

ATURAN SIMPANAN KHAS

Tajuk dan tarikh kuatkuasa

1. (1) Aturan ini dinamakan Aturan Simpanan Khas.
- (2) Aturan ini diwujudkan di bawah fasal 9(3) Undang-undang Kecil Koperasi Pelabuhan Johor Berhad.
- (3) Aturan ini hendaklah mula berkuatkuasa pada 21 Jun 2025.

Tafsiran

2. Di dalam aturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-

“**Koperasi**” ertinya Koperasi Pelabuhan Johor Berhad;

“**Anggota**” ertinya seseorang yang telah diterima sebagai anggota Koperasi menurut peruntukan Undang-undang Kecil Koperasi;

“**Pengurusan Koperasi**” ertinya adalah Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha, Bendahari atau pegawai yang diberi kuasa;

“**simpanan khas**” ertinya simpanan tunai anggota yang dibuat secara sukarela untuk tujuan tabungan peribadi dengan Koperasi; dan

“**hibah**” ertinya pemberian secara sukarela oleh Koperasi kepada anggota atas budi bicara dan kemampuan kewangan Koperasi, dan bukan merupakan jaminan tetap.

Tujuan

3. Aturan ini disediakan bertujuan untuk menggariskan panduan pelaksanaan simpanan khas selaras dengan kehendak Undang-undang Kecil 9(3).

Sumber kewangan

4. (1) Dana untuk menjalankan simpanan khas ini boleh diperolehi daripada simpanan peribadi anggota melalui potongan gaji bulanan atau pindahan wang ke akaun Koperasi.

(2) Dividen tahunan atas yuran dan modal syer yang tidak dituntut oleh anggota dalam tempoh yang ditentukan oleh Lembaga, boleh dimasukkan ke dalam akaun Simpanan Khas anggota yang berkenaan.

Amaun Simpanan

5. (1) Setiap anggota boleh membuat simpanan khas dengan amaun minimum sebanyak RM50.00 sebulan melalui potongan gaji.

(2) Tiada had maksimum dikenakan terhadap jumlah simpanan khas yang boleh disimpan oleh seseorang anggota.

Pengeluaran simpanan

6. (1) Anggota boleh membuat pengeluaran simpanan khas mereka pada bila-bila masa tertakluk kepada notis dan prosedur pengeluaran.

(2) Tempoh pemprosesan pengeluaran adalah dalam lingkungan tiga hingga lima hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima oleh pihak Koperasi.

Hibah tahunan

7. (1) Koperasi atas budi bicara Lembaga dan setelah mengambil kira kedudukan kewangan semasa, boleh memberi hibah tahunan kepada simpanan khas anggota pada kadar antara dua peratus hingga empat peratus setahun.

(2) Kiraan hibah tahunan adalah berdasarkan hari baki akhir semasa dalam simpanan khas.

(3) Hibah tahunan ini bukanlah suatu jaminan tetap dan tertakluk sepenuhnya kepada kelulusan Pengurusan Koperasi dan kemampuan kewangan Koperasi.

(4) Pembayaran hibah, jika ada, hendaklah dibuat dalam tempoh enam bulan selepas tamat tahun kewangan Koperasi.

Terma dan syarat-syarat

8. (1) Simpanan khas adalah simpanan sukarela oleh anggota dan tidak merupakan deposit berjangka atau deposit tetap sebagaimana takrif dalam undang-undang perbankan.

(2) Anggota hanya boleh membuat simpanan ke dalam akaun Simpanan Khas atas nama mereka sendiri dan tidak dibenarkan membuat simpanan bagi pihak ketiga.

(3) Pengeluaran hanya boleh dibuat oleh anggota sendiri dan hendaklah dikemukakan melalui permohonan bertulis.

(4) Sebarang perubahan terhadap kadar hibah, tempoh pengeluaran, atau syarat-syarat lain hendaklah terlebih dahulu dipersetujui dan diluluskan oleh Pengurusan Koperasi.

(5) Koperasi tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian akibat kelewatan pengeluaran atau perubahan polisi yang telah diluluskan oleh Pengurusan Koperasi.

(6) Anggota bertanggungjawab memastikan bahawa butiran dan maklumat peribadi mereka yang disimpan oleh Koperasi adalah tepat dan terkini.

Akaun dan audit

9. (1) Semua urusan niaga yang melibatkan simpanan khas hendaklah direkodkan dengan lengkap dan teratur dalam akaun berasingan di bawah sistem kewangan Koperasi.

(2) Akaun simpanan khas hendaklah diselenggara mengikut prinsip perakaunan yang diterima umum dan selaras dengan kehendak Akta Koperasi 1993 serta peraturan-peraturan yang berkaitan.

(3) Tahun kewangan bagi simpanan khas hendaklah mengikut tahun kewangan Koperasi.

Kuasa meluluskan

10. Kuasa untuk meluluskan adalah terletak kepada Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha, Bendahari atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Pengurusan Koperasi, tertakluk kepada peruntukan dalam Aturan ini dan sebarang pindaan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

Akta, Peraturan dan Undang-undang Kecil

11. Aturan ini adalah tambahan kepada Undang-undang Kecil Koperasi ini dan hendaklah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta Koperasi 1993 dan Peraturan-peraturan hendaklah dibaca bersekali.

Pembatalan aturan terdahulu

12. Dengan berkuatkuasanya Aturan ini, maka segala dasar, garis panduan, pekililing, keputusan pengurusan, atau apa-apa peraturan terdahulu yang berkaitan dengan simpanan khas yang bercanggah atau tidak selaras dengan peruntukan Aturan ini adalah dengan ini terbatal dan tidak lagi berkuat kuasa.

KOPERASI PELABUHAN JOHOR BERHAD

ATURAN ANGGOTA KOPERASI

Tajuk dan tarikh kuatkuasa

1. (1) Aturan ini dinamakan Aturan Anggota Koperasi.
- (2) Aturan ini diwujudkan di bawah Undang-undang Kecil Koperasi Pelabuhan Johor Berhad.
- (3) Aturan ini hendaklah mula berkuatkuasa pada 21 Jun 2025.

Tafsiran

2. Di dalam aturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-

“**Koperasi**” ertinya Koperasi Pelabuhan Johor Berhad;

“**Anggota**” ertinya seseorang yang telah diterima sebagai anggota Koperasi menurut peruntukan Undang-undang Kecil Koperasi;

“**Pengurusan Koperasi**” ertinya adalah Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha, Bendahari atau pegawai yang diberi kuasa;

“**syer**” ertinya jumlah modal yang dilanggan oleh seseorang anggota sebagai syarat keanggotaan;

“**yuran**” ertinya potongan bulanan oleh anggota kepada Koperasi bagi maksud simpanan atau sumbangan tetap; dan

“**Tabung Kebajikan Am**” ertinya tabung khas untuk tujuan kebajikan anggota sebagaimana ditentukan dalam Aturan berasingan.

Tujuan

3. Aturan digubal bagi menetapkan syarat, garis panduan dan peraturan yang jelas berkaitan kemasukan, hak, tanggungjawab dan proses penamatan keanggotaan dalam Koperasi.

Sumber kewangan

4. (1) Sumber kewangan yang diperoleh melalui keanggotaan di bawah Aturan ini adalah termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- (a) Caruman bulanan anggota tidak kurang daripada RM50.00 sebulan, yang dikreditkan ke akaun anggota di bawah kendalian Koperasi;
- (b) Modal syer berjumlah minimum RM250.00 yang dilanggan oleh anggota sebagai syarat pemilikan syer dalam Koperasi; dan
- (c) Sumbangan Tabung Kebajikan Am sebanyak RM5.00 sebulan oleh setiap anggota bagi tujuan kebajikan, bantuan dan kecemasan sebagaimana ditadbir oleh Aturan Tabung Kebajikan Am.

Syarat keanggotaan koperasi

5. (1) Seseorang individu layak menjadi anggota Koperasi ini sekiranya memenuhi syarat-syarat berikut:

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun;
- (c) Tidak muflis dan tidak hilang keupayaan di sisi undang-undang; dan
- (d) Merupakan staf yang sedang berkhidmat secara tetap atau kontrak di bawah Johor Port Berhad, Lembaga Pelabuhan Johor dan anak Syarikat Johor Port Berhad;

(2) Anggota bersetuju dan mampu melaksanakan tanggungjawab sebagai anggota iaitu:

- (a) Membayar yuran masuk sebanyak RM20.00 (sekali sahaja);
- (b) Membuat caruman bulanan minimum sebanyak RM50.00;
- (c) Melanggan modal syer minimum sebanyak RM250.00; dan
- (d) Menyumbang RM5.00 kepada Tabung Kebajikan Am.

(3) Permohonan keanggotaan hendaklah dibuat secara rasmi dan tertakluk kepada kelulusan Mesyuarat Lembaga.

Keanggotaan selepas bersara

6. (1) Staf yang mencapai umur persaraan wajib (60 tahun) dan telah menjadi anggota sah Koperasi, dibenarkan untuk meneruskan keanggotaan sebagai anggota luar, tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (a) membuat caruman bulanan yuran sebanyak RM50.00;
- (b) menyumbang kepada Tabung Kebajikan Am sebanyak RM5.00 sebulan; dan
- (c) jumlah caruman yuran terkumpul sekurang-kurangnya RM2,500.00 di dalam penyata anggota.

(2) Bayaran caruman bulanan selepas bersara hendaklah dibuat melalui pindahan wang ke akaun bank rasmi Koperasi dan bukti pembayaran hendaklah dikemukakan kepada pihak Pengurusan Koperasi untuk tujuan rekod.

(3) Kegagalan mematuhi peraturan 6(1) diatas selama dua belas bulan tanpa sebab munasabah boleh menyebabkan keanggotaan ditamatkan secara automatik oleh Lembaga.

Manfaat menjadi anggota koperasi

7. (1) Hak menyertai aktiviti ekonomi Koperasi, termasuk kemudahan simpanan, pembiayaan dan perniagaan yang ditawarkan.

(2) Layak menerima dividen tahunan berdasarkan simpanan caruman yuran terkumpul dan pegangan modal syer tertakluk kepada keputusan Mesyuarat Agung.

(3) Akses kepada pembiayaan anggota, tertakluk kepada syarat dan garis panduan yang ditetapkan dalam Aturan Pembiayaan.

(4) Penyertaan dalam Tabung Kebajikan Am, termasuk bantuan kebajikan, kematian, bencana, atau kes-kes khas seperti yang diluluskan Lembaga.

(5) Hak untuk mengundi, mencalon dan dilantik sebagai Anggota Lembaga Koperasi, tertakluk kepada kelayakan dalam Undang-undang Kecil Koperasi.

(6) Perlindungan hak sebagai anggota, seperti yang diperuntukkan dalam Akta Koperasi 1993, Undang-undang Kecil dan Aturan Koperasi.

Prosedur penamatan keanggotaan (masih bekerja)

8. (1) Anggota yang masih bekerja dengan entiti kelayakan keanggotaan tetapi memilih untuk menamatkan keanggotaannya daripada Koperasi, hendaklah mengemukakan notis berhenti anggota dua belas kepada Koperasi melalui Borang Berhenti Koperasi.

(2) Pemulangan simpanan yuran hanya akan diproses selepas tamat tempoh notis tersebut dan tertakluk kepada syarat berikut:

- (a) Tiada tanggungan sebagai penjamin kepada anggota lain yang masih mempunyai baki pembiayaan aktif;

- (b) Sekiranya menjamin anggota lain, pemohon hendaklah mengemukakan penjamin gantian yang baharu; dan
- (c) Sekiranya tiada penjamin gantian dikemukakan, maka simpanan yuran, modal syer akan ditahan sehingga tanggungan sebagai penjamin diselesaikan sepenuhnya.

(3) Jika anggota mempunyai baki hutang melebihi simpanan yuran, potongan ansuran akan diteruskan seperti biasa sehingga hutang selesai manakala potongan caruman yuran dan tabung kebajikan am dihentikan. Dalam keadaan ini, anggota tidak lagi mempunyai hak sebagai anggota, walaupun potongan pembiayaan diteruskan.

(4) Potongan gaji menjamin dilaksanakan serta merta sekiranya peraturan 8(3) tidak dapat diselesaikan kepada Koperasi.

(5) Jika tiada jaminan ke atas anggota lain, simpanan yuran dan modal syer boleh digunakan untuk kontra hutang sendiri, tertakluk kepada semakan dan kelulusan Pengurus Koperasi.

(6) Mana-mana anggota yang menamatkan keanggotaannya secara sukarela daripada Koperasi, boleh memohon semula menjadi anggota koperasi.

Prosedur penamatan keanggotaan (berhenti kerja/bersara)

9. (1) Anggota yang menamatkan perkhidmatan atau bersara dengan Johor Port Berhad, Lembaga Pelabuhan Johor atau anak syarikatnya, dan secara serentak ingin menamatkan keanggotaan dalam Koperasi, hendaklah memaklumkan kepada Koperasi melalui Borang Berhenti Koperasi.

(2) Pemulangan simpanan yuran dan syer akan diproses dalam tempoh satu hingga dua bulan daripada tarikh pemberhentian kerja, tertakluk kepada peraturan 8(2).

(3) Sekiranya terdapat hutang melebihi simpanan yuran, baki hutang perlu dijelaskan secara ansuran dengan komitmen bualan atau jika gagal melalui potongan gaji penjamin.

(4) Jika tiada jaminan ke atas anggota lain, simpanan yuran dan modal syer boleh digunakan untuk kontra hutang sendiri, tertakluk kepada semakan dan kelulusan Pengurus Koperasi.

(5) Mana-mana anggota yang telah bersara daripada perkhidmatan dan menamatkan keanggotaannya secara sukarela daripada Koperasi, tidak akan diterima semula sebagai anggota sekiranya memohon keanggotaan semula selepas itu.

Kuasa meluluskan

10. Kuasa untuk meluluskan adalah terletak kepada Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha, Bendahari atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Pengurusan Koperasi, tertakluk kepada peruntukan dalam Aturan ini dan sebarang pindaan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

Akta, Peraturan dan Undang-undang Kecil

11. Aturan ini adalah tambahan kepada Undang-undang Kecil Koperasi ini dan hendaklah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta Koperasi 1993 dan Peraturan-peraturan hendaklah dibaca bersekali.

Pembatalan aturan terdahulu

12. Dengan berkuatkuasanya Aturan ini, maka segala dasar, garis panduan, pekeliling, keputusan pengurusan, atau apa-apa peraturan terdahulu yang berkaitan dengan anggota koperasi yang bercanggah atau tidak selaras dengan peruntukan Aturan ini adalah dengan ini terbatal dan tidak lagi berkuat kuasa.